INTEGRITI
INSTITUT INTEGRITI MALAYSIA
The Malaysian Institute of Integrity

LAPORAN TAHUNAN 2022



INTEGRITI
AMANAH
AKAUNTABILITI
TATA KELOLA
KETELUSAN

ISI KANDUNGAN

2 PERUTUSAN PENGERUSI

4 LAPORAN DAN PERUTUSAN KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF

6 SOROTAN PENCAPAIAN 2022

8 PROFIL KORPORAT

9 TADBIR URUS

10 Penyataan Mengenai Tadbir Urus

12 Jawatankuasa-Jawatankuasa Di Bawah Lembaga Pengarah

15 Ahli Lembaga Pengarah

16 Carta Organisasi

17 Kumpulan Pengurusan

20 Senarai Ahli IIM

21 LAPORAN SEKSYEN AUDIT DALAM DAN GOVERNANS

23 LAPORAN SEKSYEN DASAR DAN PENYELIDIKAN

25 LAPORAN BAHAGIAN KHIDMAT KORPORAT

26 Laporan Seksyen Pentadbiran

32 Laporan Seksyen Pengurusan Sumber Manusia

35 Laporan Seksyen Komunikasi Korporat

39 Laporan Seksyen Teknologi Maklumat

41 LAPORAN BAHAGIAN OPERASI

42 Laporan Seksyen Perancangan Strategik dan Korporat

49 Laporan Seksyen Pengurusan Integriti

54 Laporan Seksyen Advokasi dan Latihan

67 PROGRAM DAN AKTIVITI LIBAT URUS

68 Program Flagship

71 Program Kolaborasi

75 Kunjungan Hormat

88 Program Antarabangsa

90 Program Pembangunan Komuniti

97 Program Dalaman IIM

99 LAPORAN PENGARAH & PENYATA KEWANGAN DIAUDIT

PERUTUSAN PENGERUSI



Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Integriti.

Integriti menekankan prinsip ketelusan, kebertanggungjawaban serta tadbir urus baik dalam menjalankan tugas dan tanggungjawab masing-masing. Pada masa kini, usaha melonjakkan semula kemakmuran ekonomi negara amat bergantung kepada integriti setiap institusi di semua peringkat sama ada nasional, negeri atau pihak berkuasa tempatan. Pembudayaan integriti dalam sektor awam dan sektor korporat pula perlu digerakkan dengan lebih meluas selaras dengan prinsip G.R.E.A.T Civil Service yang sering saya nyatakan.

Alhamdulillah, bersyukur kita ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin dan kurnia-Nya, Institut Integriti Malaysia (IIM) telah berjaya melaksanakan pelbagai inisiatif melalui program konsultasi, advokasi serta libat urus dengan pelbagai pemegang taruh bertujuan memperkasakan pembudayaan nilai-nilai governans dan integriti di kalangan penjawat awam dan korporat.

“Saya percaya warga IIM akan terus menggalas amanah dan mandat yang telah dipertanggungjawabkan dan berpegang teguh kepada nilai-nilai integriti dalam memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada semua pemegang taruh, termasuklah masyarakat dan negara.”

Susulan mandat baharu IIM yang kembali kepada objektif penubuhan asalnya bagi memperluaskan penghayatan budaya berintegriti tinggi dan memfokuskan kepada pemantapan etika dalam kalangan semua anggota masyarakat, peranan IIM kini diperkukuhkan berdasarkan tiga fungsi teras utama merangkumi aspek pendidikan; advokasi dan latihan; penyelidikan dan penerbitan serta kerjasama strategik.

Budaya integriti perlu dipupuk di kalangan setiap lapisan masyarakat, merangkumi setiap aspek kehidupan agar dapat memberi impak kepada individu, komuniti, organisasi dan negara. Memperkasakan pendidikan integriti dari usia muda yang berteraskan aspek kejujuran, akauntabiliti, tanggungjawab dan sikap saling menghormati akan memastikan masa depan yang mampan untuk generasi akan datang.

Saya percaya warga IIM akan terus menggalas amanah dan mandat yang telah dipertanggungjawabkan dan berpegang teguh kepada nilai-nilai integriti dalam memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada semua pemegang taruh, termasuklah masyarakat dan negara. Saya juga yakin bahawa IIM akan sentiasa bersedia dengan tanggungjawab dan peranan yang lebih besar pada masa akan datang dalam memenuhi ekspektasi tinggi pihak-pihak berkepentingan.

Di kesempatan ini, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada ahli-ahli Lembaga Pengarah, Ketua Pegawai Eksekutif IIM, ahli IIM, rakan-rakan strategik dan semua warga kerja IIM atas kepercayaan, sokongan dan kerjasama yang telah diberikan selama ini dalam menjayakan agenda integriti negara.

Semoga usaha-usaha murni yang dilaksanakan ini dapat memberi manfaat kepada seluruh rakyat Malaysia.

Sekian, terima kasih.



TAN SRI DATO’ SERI MOHD ZUKI ALI
Pengerusi
Institut Integriti Malaysia

LAPORAN DAN PERUTUSAN KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF



Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Integriti.

Syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah kurnianya, IIM telah berjaya melakar pelbagai kejayaan sepanjang tahun 2022, selaras dengan fungsi dan peranannya selaku agensi yang bertanggungjawab menerajui pengukuhan agenda integriti dan tata kelola negara.

Pada tahun 2022, Institut Integriti Malaysia (IIM) telah genap 18 tahun sejak ianya ditubuhkan pada tahun 2004. Sepanjang tempoh ini, pelbagai cabaran telah dilalui dan banyak perubahan telah dilaksanakan untuk memastikan IIM relevan selari dengan perubahan masa dan perkembangan teknologi.

Terkini, Mesyuarat Jawatankuasa Khas Kabinet Mengenai Anti-Rasuah (JKKMAR) Siri 16 Bilangan 2 Tahun 2022 yang bersidang pada 19 September 2022 telah memberi mandat baharu kepada IIM supaya kembali kepada objektif penubuhan asal iaitu memperluaskan penghayatan budaya berintegriti tinggi dan memfokuskan kepada pemantapan etika dalam kalangan semua anggota masyarakat. Peranan IIM kini adalah berdasarkan tiga fungsi teras utama merangkumi aspek pendidikan; advokasi dan latihan; penyelidikan dan penerbitan serta kerjasama strategik.

Di samping itu, IIM turut menjayakan pelaksanaan inisiatif Pelan Antirasuah Nasional (NACP) dalam pembangunan Pelan Antirasuah Organisasi (OACP) dan MS ISO 37001: 2016 Sistem Pengurusan Antirasuah (ABMS) bagi agensi awam dan swasta.

Beberapa produk baharu dan inovasi seperti Modul Integriti Penguat kuasa (MIP), Modul Sistem Integriti Korporat Malaysia (CISM) dan Modul Pembangunan Integriti Bersama Komuniti (CIB) bagi sektor awam dan swasta telah diperkenalkan pada tahun 2022.

Modul Latihan Tatacara Mencukupi bagi Seksyen 17A, Akta SPRM 2009 (Pindaan) 2018 (Liabiliti Korporat) juga telah dimuktamadkan bersama rakan peneraju seperti Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM), Suruhanjaya Sekuriti (SC), SME Corp, TI-Malaysia, Bursa Malaysia, Institute of Corporate

“Seterusnya, IIM akan memberi penekanan kepada aspek kemampanan alam sekitar, sosial dan tata kelola (ESG). Walaupun istilah ESG sering digunakan dalam konteks pelaburan, kini ia dilihat semakin mendapat perhatian pelanggan, pembekal dan juga pekerja.”

Directors Malaysia (ICDM) dan Malaysian Institute of Corporate Governance (MICG) dan dilancarkan pada 24 Jun 2022. Di bawah pelaksanaan NACP, IIM telah dipertanggungjawabkan sebagai peneraju bagi pembangunan dan pelaksanaan modul tersebut.

IIM turut memperkenalkan program *flagship* baharu pada tahun 2022 iaitu Anugerah Integriti, Governans dan Antirasuah (AIGA) peringkat kebangsaan. AIGA merupakan pendekatan baharu oleh IIM dalam usaha untuk meningkatkan pembudayaan dan penerapan nilai integriti dan tata kelola baik, selari dengan aspirasi yang digariskan dalam NACP supaya “Malaysia dikenali kerana integritinya dan bukannya rasuah.”

Anugerah ini merupakan pengiktirafan dan penghargaan kepada sektor awam dan swasta yang menzahirkan komitmen dalam pembudayaan dan pengamalan integriti dan tadbir urus terbaik serta pelaksanaan inisiatif antirasuah dalam organisasi masing-masing. Proses penilaian AIGA 2022 mengguna pakai standard pematuhan antarabangsa yang terkini iaitu MS ISO 37001:2016 Sistem Pengurusan Antirasuah, MS ISO 9001:2015 Sistem Pengurusan Kualiti, ISO 37000:2022 *Governance of Organisation*, ISO 37002:2022 *Whistleblowing Management System, Enterprise Risk Management* / Penarafan Risiko, Garis Panduan Tatacara Mencukupi (Prinsip T.R.U.S.T), Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah 2009 (Pindaan) 2018, dan Garis Panduan Pengurusan Unit Integriti dan Governans.

Seterusnya, IIM akan memberi penekanan kepada aspek kemampanan alam sekitar, sosial dan tata kelola (ESG). Walaupun istilah ESG sering digunakan dalam konteks pelaburan, kini ia dilihat semakin mendapat perhatian pelanggan, pembekal dan juga pekerja. Sehubungan itu, IIM telah merangka beberapa inisiatif untuk menyebar luas agenda ESG dengan rakan kerjasama dan pihak berkepentingan seperti SIRIM Berhad dan Institut Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Kebangsaan (NIOSH).

Pada kesempatan ini, saya juga ingin menzahirkan setinggi-tinggi terima kasih kepada seluruh warga IIM kerana memberi sokongan penuh dalam melaksanakan segala tanggungjawab yang telah diamanahkan. Usaha gigih warga IIM juga dapat dilihat pada pencapaian tahap kepuasan pelanggan sebanyak 92.0% berdasarkan Objektif Kualiti organisasi pada tahun 2022. Saya juga percaya warga IIM sentiasa bersedia dengan tanggungjawab dan peranan yang lebih besar pada masa akan datang dalam memenuhi ekspektasi tinggi semua pihak berkepentingan. Semoga usaha-usaha murni yang dilaksanakan akan dapat memberi manfaat kepada seluruh rakyat Malaysia.

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

“INTEGRITI. KERJA BERPASUKAN. PROFESIONAL”

Datuk Wan Suraya Wan Mohd Radzi
Ketua Pegawai Eksekutif
Institut Integriti Malaysia

SOROTAN PENCAPAIAN 2022

MAC 2022

4 Mac
Ulang tahun penubuhan IIM ke-18

7 Mac
Hari pertama Datuk Wan Suraya Wan Mohd Radzi bertugas sebagai Ketua Pegawai Eksekutif di IIM.

16 Mac
Perbincangan berkaitan pelaksanaan Sistem Integriti Korporat Malaysia (CISM) bersama-sama dengan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)

23-24 Mac
Persidangan Penyelidikan Governans, Integriti dan Antirasuah Peringkat Kebangsaan di Dewan Mentari 1, Movenpick Hotel & Convention Centre, KLIA Sepang

29 Mac
Majlis perasmian Surau As-Siddiq IIM dan Majlis Pelancaran Ihya' Ramadhan 2022

OGOS 2022

12 Ogos
Majlis Pelancaran Sambutan Bulan Kemerdekaan peringkat IIM

24 Ogos
Majlis Pertukaran Memorandum Kerjasama (MOC) antara IIM dengan AEON Co. (M) Bhd.

SEPTEMBER 2022

14 September
Majlis Pelancaran Modul Kursus Komprehensif Sistem Integriti Korporat (CISM)

20 September
Majlis Perasmian Pembukaan Projek Rintis Modul Integriti Penguatkuasa (MIP) Polis Diraja Malaysia (PDRM)

OKTOBER 2022

7 Oktober
Sambutan Hari Sukan Negara

21 Oktober
Majlis Perasmian Dewan Murni oleh Datuk Wan Suraya Wan Mohd Radzi

APRIL 2022

22 April
Mesyuarat perbincangan Meja Bulat Sistem Integriti Korporat Malaysia (RTD CISM) Bil. 1/2022 telah diadakan di Dewan Murni, Institut Integriti Malaysia (IIM)

22 April
Majlis Iftar Perdana dan Khatam Al-Quran anjuran IIM dan KESKIM

Mei 2022

17 Mei
Majlis Pelancaran Anugerah Integriti, Governans dan Anti Rasuah (AIGA 2022) di Putrajaya

Jun 2022

24 Jun
Majlis Pelancaran Manual Latihan Seksyen 17A Akta SPRM 2009 di Menara IIM

30 Jun
Majlis Pelancaran Modul Integriti Penguat Kuasa (MIP) di Menara IIM

JULAI 2022

3 Julai
Majlis Pelancaran Program Pembangunan Integriti Bersama Komuniti (CIB), Lawas, Sarawak

NOVEMBER 2022

1 November
Pelancaran Bulan Integriti Nasional 2022 Peringkat IIM

3 November
Forum Perdana Ehwal Islam: Integriti Jambatan Keberkatan

DISEMBER 2022

2 Disember
Penerimaan Sijil Penghargaan bagi kejayaan IIM memperolehi pensijilan ISO 37001:2016 Anti Bribery Management Systems dan ISO 9001:2015 Quality Management Systems daripada SIRIM QAS

16 Disember
Majlis Apresiasi IIM

PROFIL KORPORAT


Institut Integriti Malaysia (IIM) ditubuhkan di bawah Akta Syarikat pada 4 Mac 2004 kini berperanan melalui tiga fungsi teras utama merangkumi aspek Pendidikan, Advokasi dan Latihan; Penyelidikan dan Penerbitan; serta Kerjasama Strategik dengan pemegang taruh dari pelbagai bidang.

IIM juga diberikan peranan untuk membantu mengukuhkan kapasiti dan kompetensi integriti dan tata kelola sektor awam dan swasta bagi membantu negara dalam merealisasikan objektif untuk menjadi sebuah negara yang dikenali kerana integriti, dan bukannya rasuah.

IIM turut menyediakan khidmat perunding, instrumen penilaian dan khidmat latihan kepada agensi-agensi kerajaan, organisasi swasta termasuk pengusaha kecil dan sederhana melalui Sistem Pengurusan Antirasuah (ABMS), Pelan Antirasuah Organisasi (OACP), Profil Integriti Individu (IIP), Instrumen Penilaian Integriti (IAT), Pembangunan Integriti Bersama Komuniti (CIB IIM) dan Program Latihan Etika dan Integriti.

VISI

Untuk menjadi institusi utama
dalam membangunkan budaya integriti





MISI

Meningkatkan kapasiti dan kompetensi sektor awam, GLC dan korporat berkaitan tadbir urus, integriti dan antirasuah.

Menyediakan penyelesaian kepada masalah tadbir urus, integriti dan antirasuah di Malaysia.

NILAI TERAS

Integriti . Kerja Berpasukan . Profesional



TADBIR URUS

PENYATAAN MENGENAI TADBIR URUS 10
JAWATANKUASA-JAWATANKUASA DI BAWAH LEMBAGA PENGARAH 12
AHLI LEMBAGA PENGARAH 15
CARTA ORGANISASI 16
KUMPULAN PENGURUSAN 17
SENARAI AHLI IIM 20

PENYATAAN MENGENAI TADBIR URUS

Lembaga Pengarah Institut Integriti Malaysia (IIM) memberi komitmen yang tinggi dalam memastikan tadbir urus korporat adalah berdasarkan piawaian tertinggi dalam tadbir urus korporat IIM.

Tadbir urus terbaik perlu memberikan penekanan terhadap dua aspek utama iaitu prestasi dan pematuhan. Pengurusan penyampaian yang efektif dan efisien amat penting dalam penyampaian perkhidmatan, begitu juga dengan pematuhan terhadap undang-undang, peraturan dan piawaian yang telah ditetapkan. Amalan tadbir urus yang baik dapat menjamin sesebuah organisasi diuruskan dengan cara yang telus, amanah dan bertanggungjawab.

Berikut adalah penyata mengenai tadbir urus korporat bagi tahun 2022.

KOMPOSISI LEMBAGA PENGARAH IIM

IIM diketuai oleh Lembaga Pengarah yang memimpin dan mengawal perjalanan organisasi. Lembaga Pengarah merupakan golongan profesional yang berpengalaman luas, berpengetahuan dan mempunyai kepakaran dalam pelbagai bidang sama ada dalam perkhidmatan awam, perniagaan, kewangan mahupun perundangan.

LEMBAGA PENGARAH

Tugas Dan Tanggungjawab Lembaga Pengarah IIM
Lembaga Pengarah bertanggungjawab terhadap keseluruhan tadbir urus IIM dan merupakan badan utama yang merangka, seterusnya menentukan dasar dan hala tuju IIM untuk mencapai kejayaan dalam matlamat strategiknya.

Lembaga Pengarah juga bertanggungjawab sepenuhnya dalam meluluskan polisi-polisi utama dan memastikan urusan atau aktiviti IIM adalah selaras dengan matlamat penubuhan IIM. Lembaga Pengarah bertanggungjawab menilai dan memantau pencapaian hala tuju strategik IIM.

Lembaga Pengarah juga turut terlibat dalam program-program anjuran IIM dan mengadakan perbincangan secara ad-hoc apabila diperlukan bagi memberikan pandangan, nasihat dan buah fikiran.

Imbuhan Lembaga Pengarah

Lembaga Pengarah menerima elaun bulanan dan elaun mesyuarat seperti mana yang termaktub di dalam Memorandum IIM.

Proses Membuat Keputusan

Lembaga Pengarah akan diberi tempoh mencukupi bagi menelaah kertas cadangan sebelum membuat keputusan yang wajar dan bertepatan.

Integriti

Sekiranya terdapat percanggahan kepentingan, Lembaga Pengarah hendaklah mengisytiharkan dan mengecualikan diri daripada pertimbangan dan pengundian yang melibatkan kepentingan mereka.

Komposisi Lembaga Pengarah, Persaraan dan Pelantikan Semula

Komposisi Lembaga Pengarah IIM adalah terdiri daripada sembilan (9) orang ahli. Pengerusi adalah lantikan YAB Perdana Menteri. Enam (6) ahli lembaga

pengarah adalah lantikan Lembaga Pengarah. Manakala, tiga (3) ahli adalah lantikan melalui Mesyuarat Agung Tahunan.

Mesyuarat Lembaga Pengarah

Selain Mesyuarat Agung Tahunan, Lembaga Pengarah IIM juga telah mengadakan tiga (3) mesyuarat fizikal dan lima belas (15) mesyuarat secara edaran sepanjang tahun 2022 bagi membincangkan pelbagai isu berkaitan integriti termasuk perancangan program dan aktiviti IIM. Di samping itu, perbincangan turut menyentuh polisi dan dasar, hal ehwal operasi dan pentadbiran organisasi. Semua input perbincangan dan keputusan mesyuarat telah dicatatkan dan diminitkan.

Bilangan Mesyuarat Lembaga Pengarah

Berikut merupakan tarikh dan bilangan mesyuarat yang diadakan sepanjang tahun 2022:

Mesyuarat Lembaga Pengarah IIM
Bil. 1/2022 (29 Mac 2022)

Mesyuarat Lembaga Pengarah IIM
Bil. 2/2022 (13 Jun 2022)

Mesyuarat Lembaga Pengarah IIM
Bil. 3/2022 (13 September 2022)

Berikut merupakan kehadiran Lembaga Pengarah :

Lembaga Pengarah	Jumlah Kehadiran	Peratusan Kehadiran
Tan Sri Dato' Seri Mohd Zuki bin Ali	2/3	66.7%
Tan Sri Dr. Ismail bin Haji Ibrahim	3/3	100%
YB Datuk Wan Saifulruddin bin Wan Jan	1/3	33.3%
Tan Sri Datuk Dr. Ir. Ahmad Tajuddin bin Ali	3/3	100%
Datuk Seri Mohd Sallehhuddin bin Hassan (sehingga 26 Jun 2022)	2/2	100%
Dato' Sollehuddin Alyubi bin Zakaria (sehingga 24 Mei 2022)	0/1	-
Dato' Sri Mohd Shafiq Bin Abdullah (16 Jun 2022 hingga 12 Disember 2022)	1/1	100%
Dato' Sri Akhbar Bin Abdul Satar @ Sata	3/3	100%
Dato' Yeow Wah Chin	3/3	100%
Encik Sureson a/l Krisnasamy (sehingga 13 Jun 2022)	1/1	100%
Encik Mohd Salihin Bin Othman (mulai 4 Julai 2022)	1/1	100%



JAWATANKUASA-JAWATANKUASA DI BAWAH LEMBAGA PENGARAH

Lembaga Pengarah IIM telah menubuhkan beberapa jawatankuasa untuk membantu dalam pelaksanaan tugas-tugasnya. Setiap jawatankuasa ini menjalankan tugas-tugasnya mengikut terma rujukan yang telah ditetapkan dan bidang kuasa yang diperturunkan oleh Lembaga Pengarah IIM.

Butiran keahlian Jawatankuasa Lembaga adalah seperti berikut:-

Jawatankuasa Pencalonan dan Ganjaran

Jawatankuasa Pencalonan dan Ganjaran bertanggungjawab untuk memastikan cadangan calon-calon baharu ahli lembaga pengarah dan juga ahli IIM akan melalui satu proses tapisan dan pemilihan yang benar-benar layak dan sesuai dipilih menjadi Ahli Lembaga Pengarah IIM dan Ahli IIM.

Keahlian:

Pengerusi
Tan Sri Datuk Dr. Ir. Ahmad Tajuddin bin Ali

Ahli:
- Tan Sri Dr. Ismail bin Haji Ibrahim
- Dato' Yeow Wah Chin

Bilangan mesyuarat:

Mesyuarat Jawatankuasa Pencalonan dan Ganjaran
Bil. 1 Tahun 2022 (25 Februari 2022)

Mesyuarat Jawatankuasa Pencalonan dan Ganjaran
Bil. 2 Tahun 2022 (7 Jun 2022)

Mesyuarat Jawatankuasa Pencalonan dan Ganjaran
Bil. 3 Tahun 2022 (7 September 2022)

Mesyuarat Jawatankuasa Pencalonan dan Ganjaran
Bil. 4 Tahun 2022 (31 oktober 2022)

Jawatankuasa Audit dan Risiko

Jawatankuasa Audit dan Risiko bertanggungjawab membantu Lembaga Pengarah dalam mengawasi dan mengawal selia integriti penyata kewangan, proses pelaporan kewangan, proses pengauditan serta prestasi fungsi audit dalaman IIM. Di samping itu, Jawatankuasa ini juga bertanggungjawab untuk kecukupan dan keberkesanan sistem kawalan dalaman serta pengurusan risiko IIM.

Keahlian:

Pengerusi
Tan Sri Dr. Ismail Haji Ibrahim

Ahli:
- Datuk Wan Saifulruddin Wan Jan
- Encik Sureson a/l Krisnasamy (*sehingga 13 Jun 2022*)
- Encik Mohd Salihin Bin Othman (*mulai 26 Julai 2022*)

Bilangan mesyuarat:

Mesyuarat Jawatankuasa Audit dan Risiko
Bil. 1 Tahun 2022 (18 April 2022)

Mesyuarat Jawatankuasa Audit dan Risiko
Bil. 2 Tahun 2022 (7 Jun 2022)

Mesyuarat Jawatankuasa Audit dan Risiko
Bil. 3 Tahun 2022 (25 Ogos 2022)

Mesyuarat Jawatankuasa Audit dan Risiko
Bil. 4 Tahun 2022 (8 Disember 2022)

Lembaga Tatatertib

Lembaga Tatatertib bertanggungjawab dalam perkara-perkara yang berhubungan tindakan tatatertib dengan/bukan tujuan buang kerja atau turun pangkat terhadap salah laku pegawai IIM.

Keahlian:

Pengerusi
Dato' Yeow Wah Chin

Ahli:
- Tan Sri Dr. Ismail bin Haji Ibrahim
- Dato' Sollehuddin Alyubi bin Zakaria (*sehingga 24 Mei 2022*)
- Dato' Sri Akhbar Bin Abdul Satar @ Sata (*mulai 16 Jun 2022*)

Bilangan mesyuarat

Mesyuarat Lembaga Tatatertib
Bil. 1 Tahun 2022 (7 Jun 2022)

Mesyuarat Lembaga Tatatertib
Bil. 2 Tahun 2022 (16 Ogos 2022)

Mesyuarat Lembaga Tatatertib
Bil. 3 Tahun 2022 (7 September 2022)

Mesyuarat Lembaga Tatatertib
Bil. 4 Tahun 2022 (12 Disember 2022)

Lembaga Rayuan Tatatertib

Lembaga Rayuan Tatatertib bertanggungjawab untuk menerima, menimbang dan memutuskan apa-apa rayuan yang dibuat mengikut peruntukan Peraturan-peraturan berkenaan dengan apa-apa keputusan Lembaga Tatatertib berhubungan dengan kelakuan dan tatatertib seseorang pegawai berhubungan tindakan tatatertib dengan/bukan tujuan buang kerja atau turun pangkat terhadap kelakuan semua pegawai.

Keahlian:

Pengerusi
Tan Sri Dato' Seri Mohd Zuki bin Ali
Ahli:
- Datuk Wan Saifulruddin Wan Jan
- Tan Sri Datuk Dr. Ir. Ahmad Tajuddin bin Ali
- Encik Sureson a/l Krisnasamy (sehingga 13 Jun 2022)

Lembaga Kenaikan Pangkat

Lembaga Kenaikan Pangkat bertanggungjawab dengan pemangkuan dan kenaikan pangkat semua kategori pegawai.

Keahlian:

Pengerusi
Dato' Sri Mohd Shafiq bin Abdullah (sehingga 12 Disember 2022)
Ahli:
- Tan Sri Dr. Ismail bin Haji Ibrahim
- Datuk Wan Suraya Wan Mohd Radzi

Lembaga Rayuan Kenaikan Pangkat

Lembaga Rayuan Kenaikan Pangkat bertanggungjawab dengan apa-apa rayuan berhubungan dengan pemangkuan dan kenaikan pangkat semua kategori pegawai.

Keahlian:

Pengerusi
Tan Sri Dato' Seri Mohd Zuki bin Ali
Ahli:
- Tan Sri Datuk Dr. Ir. Ahmad Tajuddin bin Ali
- Dato' Yeow Wah Chin

Lembaga Perolehan IIM

Lembaga Perolehan IIM bertanggungjawab meluluskan perolehan barangan/perkhidmatan/ kontrak bernilai RM500,000 (Ringgit Malaysia Lima Ratus Ribu) dan ke atas.

Keahlian:

Pengerusi
Dato' Yeow Wah Chin
Ahli:
- Dato' Sri Akhbar bin Abdul Sata @ Satar
- Encik Mohd Salihin Bin Othman *(mulai 26 Julai 2022)*

Bilangan mesyuarat:

Mesyuarat Lembaga Perolehan
Bil. 1 Tahun 2022 (13 oktober 2022)

Mesyuarat Lembaga Perolehan
Bil. 2 Tahun 2022 (25 November 2022)

AHLI LEMBAGA PENGARAH



1 **TAN SRI DATO' SERI MOHD ZUKI ALI**
Pengerusi

2 **TAN SRI DATUK DR. IR. AHMAD TAJUDDIN ALI**
Ahli Lembaga Pengarah

3 **TAN SRI DR. ISMAIL HAJI IBRAHIM**
Ahli Lembaga Pengarah

4 **DATUK WAN SAIFULRUDDIN WAN JAN**
Ahli Lembaga Pengarah

5 **DATO' SRI AKHBAR ABDUL SATA @ SATAR**
Ahli Lembaga Pengarah


6 **DATO' YEOW WAH CHIN**
Ahli Lembaga Pengarah

7 **ENCIK MOHD SALIHIN OTHMAN**
(mulai 4 Julai 2022)
Ahli Lembaga Pengarah

8 **PUAN NORLIANA ALI AKBAR**
Setiausaha Syarikat

DATO' SRI MOHD SHAFIQ ABDULLAH (16 Jun 2022 sehingga 12 Disember 2022)
DATUK SERI MOHD SALLEHHUDDIN BIN HASSAN (sehingga 26 Jun 2022)
ENCIK SURESON A/L KRISNASAMY (sehingga 13 Jun 2022)
DATO' SOLLEHUDDIN ALYUBI ZAKARIA (sehingga 24 Mei 2022)

CARTA ORGANISASI



KUMPULAN PENGURUSAN

PENGURUSAN TERTINGGI



DATUK WAN SURAYA WAN MOHD RADZI
Ketua Pegawai Eksekutif



TUAN HAJI HAMILYE SHAM HARUN
Pengurus Besar Kanan (Operasi)



ENCIK MAHUMMAR GADAFFI SORILAUT OMAR
Pengurus Besar Kanan (Khidmat Korporat)

PEJABAT KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF



PUAN NORASIKIN BAHARUDIN
Ketua Seksyen
Dasar dan Penyelidikan

ENCIK MOHD RAIS RAMLI
Ketua Seksyen
Perancangan dan Strategik Korporat

PUAN NORLIANA ALI AKBAR
Setiausaha Syarikat /
Ketua Seksyen Kewangan dan Akaun



PUAN RAJESH KRISHNAN
Ketua Seksyen
Perhubungan Antarabangsa dan Libat urus

ENCIK MUHAMMAD QAYYUM SALIM
Ketua Seksyen
Pembangunan Komuniti

PUAN MAISYARAH MANSORUDDIN
Ketua Seksyen
Audit Dalam dan Governans

ENCIK IZYUANDI IZHAM
Pegawai
Undang-undang

BAHAGIAN OPERASI



ENCIK MOHD HAFIZDI CHE MD AKHIR
Ketua Seksyen
Pengurusan Integriti

ENCIK FISON HAMDI AHMAD
Ketua Seksyen
Advokasi dan Latihan

PUAN ALIDA MAHMOD
Ketua Seksyen
Penilaian Instrumen Integriti

BAHAGIAN KHIDMAT KORPORAT



ENCIK HARISHAM IBRAHIM
Ketua Seksyen
Pentadbiran

ENCIK ZUBAYRY ABADY SOFIAN
Ketua Seksyen
Komunikasi Korporat

PUAN JUDLIFAH MOHD JAMIL
Ketua Seksyen
Pengurusan Sumber Manusia

ENCIK NORANIZAM NORDIN
Ketua Seksyen
Teknologi Maklumat

SENARAI AHLI – AHLI
Institut Integriti Malaysia

A
- DATO' HAJI A.AZIZ DERAMAN
- DATO' ANTHONY REYNOLDS PETER
- TUAN HAJI ABU HURAIRAH BIN AHMAD
- DATUK IR. AHMAD' ASRI ABDUL HAMID
- DATO' SRI AKHBAR SATAR

H
- KOMANDER HASHIM ADNAN

J
- PUAN JOSIE MARY V M FERNANDEZ
- PUAN JAMILAH HANIM OTHMAN

L
- DATO' DR. LOW BIN TICK
- TAN SRI LEE LAM THYE
- PUAN LOH PAI LING
- DATUK LOK YIM PHENG

M
- DATO' MOHAMAD SALLEH RAFIE
- PROF. EMERITUS DATO' DR. MAHMOOD ZUHDI HJ ABDUL MAJID
- ENCIK MOHD SALIHIN OTHMAN
- PROF. DATUK DR. MARIMUTHU NADASON
- PROF. DATO' DR. MOHD YUSOF HJ. OTHMAN
- TAN SRI MOHD ANNUAR ZAINI
- DATO' HAJI MUSTAFA ALI
- PROF. TAN SRI DR. MOHD SHUKRI AB YAJID
- TUAN HAJI MUSTAFA SIDI
- TUAN HAJI MD BADRUL HISHAM AWANG
- ENCIK MOHD AZKAMAL HAJI MUHAINI
- DR. MUHAMAD AZWAN ABD RAHMAN

N
- ENCIK NIK MOHAMED YUSOFF AFENDI JAAFAR
- ENCIK NIK MD RIFFIN
- PUAN NOORJAN MOHD MUSTAPHA

P
- ENCIK P. KANASON POTHINKER
- DATUK P. VENUGOPAL V.K.MENON

R
- ENCIK ROSLAN HANAPIAH
- DR. ROZAIDI ABDUL RAHIM RAZALI
- ENCIK ROSLAN PILUS
- DATO' ROSELEY OMAR
- ENCIK RAMA SOCKALINGAM NAGAPPAN

S
- PROF. DR. SARJIT SINGH DARSHAN SINGH
- ENCIK SURESON KRISNASAMY

T
- DR. TAN SENG GIAW
- ENCIK THAI MING YEOW

W
- DATUK WAN SAIFULRUDDIN WAN JAN

Z
- DR. ZAINAL ABIDIN ABDUL MAJEED
- ENCIK ZAINAL ABIDIN PIT

LAPORAN SEKSYEN AUDIT DALAM DAN GOVERNANS

Seksyen Audit Dalam (SAD) ditubuhkan pada 10 Mei 2019 untuk menjalankan aktiviti pengauditan, konsultasi bagi tujuan mempertingkatkan tahap nilai, kecekapan dan keberkesanan kawalan dalaman serta tadbir urus di IIM. Pada 1 September 2022 fungsi audit dalam digabungkan bersama fungsi risiko dan pematuhan untuk melaksanakan dan memantau sistem pengurusan bersepadu (SPB) yang meliputi ISO 9001:2015 dan ISO 37001:2016 dan pengurusan risiko serta fungsi unit integriti. Seksyen Audit Dalam dan Governans (SADG) memberi perkhidmatan kepada JKAR dan melapor terus kepadanya.

Aktiviti Audit Dalam, Risiko dan Pematuhan sepanjang tahun 2022:

Bil	Aktiviti Audit Dalam	Aktiviti Risiko dan Pematuhan
1.	Pengauditan terhadap Pengurusan Pemasaran dan Komunikasi Korporat 17 Januari 2022 - 21 Februari 2022	Audit Pemantauan (Surveilance Audit) 1 bagi ISO 9001:2015 dan ISO 37001:2016 oleh SIRIM 6 - 7 Januari 2022
2.	Pengauditan terhadap Pengurusan Tuntutan dan Cuti 10 Mac 2022 - 18 April 2022	Kursus Pengenalan Kepada ISO 9001:2015 dan ISO 37001:2016 24 Mac 2022
3.	Mesyuarat JKAR Bil. 1/2022 18 April 2022	*Enterprise Risk Management* (ERM) Awareness Training 4 - 5 Julai 2022
4.	Pengauditan terhadap Pengurusan Kos dan Penilaian Prestasi Perkhidmatan 26 Mei 2022 – 8 Julai 2022	Taklimat Kesedaran ISO 9001:2015 dan ISO 37001:2016 - Program Pegawai Induksi Pegawai Baharu IIM 29 Ogos 2022

Bil	Aktiviti Audit Dalam	Aktiviti Risiko dan Pematuhan
5.	**Mesyuarat JKAR Bil. 2/2022** 7 Jun 2022	**Mesyuarat pertama Jawatankuasa Keselamatan, Kesihatan dan Persekitaran IIM (JKKPI)** 18 Oktober 2022
6.	**Pengauditan Khas terhadap Pelaksanaan Pelan Antirasuah Organisasi (OACP)** 1 Julai 2022 - 30 September 2022	**Pelaksanaan Audit Dalaman Sistem Pengurusan Bersepadu (SPB)** 14 November 2022 - 1 Disember 2022
7.	**Pengauditan terhadap Pengurusan Penerimaan dan Pembayaran** 2 Ogos 2022 - 30 September 2022	**Mesyuarat kedua Jawatankuasa Keselamatan, Kesihatan dan Persekitaran IIM (JKKPI)** 17 November 2022
8.	**Mesyuarat JKAR Bil. 3/2022** 25 Ogos 2022	**Taklimat Kepada Pihak Penyedia Luar - Pengurusan Antirasuah IIM** 21 - 23 Disember 2022
9.	**Pengauditan terhadap Pengurusan Penyelenggaraan** 3 November 2022 - 30 Disember 2023	**Taklimat Polisi Pemberian dan Penerimaan Hadiah, Keraian, Sumbangan dan Faedah Seumpamanya.** 28 Disember 2022
10.	**Mesyuarat JKAR Bil. 4/2022** 8 Disember 2022	



LAPORAN SEKSYEN DASAR DAN PENYELIDIKAN

Seksyen Dasar dan Penyelidikan (SDP) bertanggungjawab dalam merancang dasar dan hala tuju organisasi melalui pembangunan pelan strategik dan pemantauan Petunjuk Prestasi Utama (KPI). Seksyen ini juga bertanggungjawab terhadap pelaksanaan penyelidikan dan penerbitan berkaitan integriti, governans dan antirasuah. Selain tu, seksyen ini turut menjadi urus setia Sistem Integriti Korporat Malaysia (CISM). Ini termasuk pengurusan portal CISM dan pelaksanaan Modul Kursus Komprehensif CISM.

Aktiviti dan program yang dilaksanakan oleh Seksyen Dasar dan Penyelidikan sepanjang tahun 2022:

1. Perbincangan Meja Bulat dan Bengkel Pembangunan Instrumen Bagi Kajian Keberkesanan Pengurusan Dana Kebajikan Sosial (11 - 12 Februari)

Perbincangan Meja Bulat dan Bengkel Pembangunan Instrumen Bagi Kajian Keberkesanan Pengurusan Dana Kebajikan Sosial telah diadakan untuk mendapatkan input dan pandangan daripada agensi kerajaan bagi membangunkan instrumen kajian.

Program ini telah disertai oleh wakil-wakil daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) di setiap negeri, Institut Sosial Malaysia (ISM), Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM). Kajian bertemakan risiko rasuah di Malaysia telah memperoleh dana penyelidikan daripada Pusat Governans, Integriti dan Antirasuah Nasional (GIACC). Ia menfokuskan kepada bidang pengurusan dana kebajikan sosial dalam mengkaji potensi risiko rasuah dalam bidang tersebut.

2. Laporan Kajian Pembangunan Indeks Governans Malaysia (MGI) (21 April)

IIM telah melaksanakan Kajian Pembangunan Indeks Governans Malaysia (MGI). Laporan akhir kajian tersebut telah diserahkan kepada GIACC pada 21 April 2022. Kajian ini dilaksanakan selama enam (6) bulan selaras dengan hasrat YAB Perdana Menteri dalam pembentangan Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK-12). Laporan akhir kajian telah dibentangkan oleh Tuan Haji

Hamilye Sham Harun, Pengurus Besar Kanan Bahagian Operasi (PBKO) IIM di GIACC. Sesi pembentangan ini dipengerusikan oleh Datuk Seri Mohd Sallehhuddin Hassan, Ketua Pengarah GIACC.

3. Penyediaan Kertas Dasar dan Konsep Integriti: Pelan Tadbir Urus Baik Negara (Julai - Ogos)

Kertas dasar dan konsep Integriti iaitu Pelan Tadbir Urus Baik Negara telah disediakan oleh IIM bagi membantu GIACC membangunkan Pelan Tadbir Urus Baik di Malaysia.

Pembangunan kertas dasar dan konsep ini bertujuan untuk memperkukuhkan dan memantapkan semula pelbagai inisiatif berkaitan integriti dan governans, khususnya kepada agensi kerajaan dan swasta termasuk peranan IIM yang lebih meluas dalam pelaksanaan dasar tersebut.

4. Pembangunan Instrumen Kajian dan Penyediaan Analisis Program Pembangunan Integriti Bersama Komuniti (CIB) PBT Negeri Sarawak (Oktober - Disember)

SDP telah membantu Tim CIB dalam pembangunan instrumen kajian dan penyediaan analisis CIB untuk penemuan akhir CIB di empat (4) residensi PBT Sarawak.

Penemuan akhir CIB akan dirangka bersama menerusi pelaporan akhir yang akan dibentang serta diserahkan kepada pihak UNION Sarawak. Turut dibangunkan adalah manual Modul Training for Trainers (ToT) CIB dalam topik 5: Pengesahan dan Analisa.

5. Bengkel Pembangunan Pelan Strategik Sistem Integriti Korporat Malaysia (CISM) 2023 – 2025 (20 - 21 Oktober)

Bengkel Pembangunan Pelan Strategik Sistem Integriti Korporat Malaysia (CISM) diadakan bagi menyemak visi, misi dan objektif CISM agar kekal relevan seiring dengan peredaran waktu. Selain itu, ia turut menjadi platform kepada semua agensi Meja Bulat CISM untuk merangka pelan tindakan CISM yang efektif serta menyokong pelan antirasuah negara selari dengan kapasiti dan tanggungjawab setiap ahli RTD bagi tempoh tiga (3) tahun mulai tahun 2023 hingga 2025.

IIM merupakan pengerusi kepada Ahli Meja Bulat CISM.

6. Bengkel Pelan Strategik IIM 2023 - 2025 (24 - 27 November)

Bengkel Pelan Strategik IIM 2023 - 2025 bertujuan untuk melihat kembali peranan dan hala tuju baharu IIM selaras dengan keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Khas Kabinet Mengenai Anti-Rasuah (JKKMAR) Siri 16 Bil. 2/2022.

Objektif lain bagi pelaksanaan bengkel ini adalah untuk mengenal pasti pihak berkepentingan, pelanggan dan rakan strategik di samping membangunkan misi dan visi organisasi. Input daripada bengkel ini penting dalam membangunkan pelan strategik IIM yang realistik dan komprehensif bagi tempoh tiga tahun.

LAPORAN BAHAGIAN KHIDMAT KORPORAT

LAPORAN SEKSYEN PENTADBIRAN 26
LAPORAN SEKSYEN PENGURUSAN SUMBER MANUSIA 32
LAPORAN SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT 35
LAPORAN SEKSYEN TEKNOLOGI MAKLUMAT 39

LAPORAN SEKSYEN PENTADBIRAN



Seksyen Pentadbiran (SP) memainkan peranan penting dalam memastikan segala pengurusan dan perkhidmatan di IIM berjalan dengan lancar dan berkesan. Antara peranan utama SP adalah mengurus penyelenggaraan hartanah, bangunan, kenderaan dan infrastruktur. Disamping itu, SP juga turut terlibat dengan pengurusan aset dan inventori serta menguruskan kawalan keselamatan bagi menyokong operasi harian IIM serta menjamin keselesaan tetamu dan kakitangan IIM.

1. Aktiviti dan projek yang dilaksanakan sepanjang tahun 2022:

Bil	Bulan	Perkara Kerja/ Aktiviti
1.	Mac 2022	- Menukar alat ganti lif akibat banjir di dalam lif *pit*
2.	Mei 2022	- Membaik pulih lampu di Kawasan luar bangunan IIM - Melaksanakan naik taraf bilik di Aras 3, Aras 5 & Aras 6
3.	Ogos 2022	- Memperbaiki kebocoran paip chiller bawah tanah dan melaksanakan *water proofing lif pit*
4.	September 2022	- Menaik taraf dan membaik pulih Dewan Murni yang terkesan akibat kejadian ribut. - Naik taraf AV dalam BMU Aras 1 kiri - Penukaran 2 unit tangki air lama kepada tangka air baharu
5.	Oktober 2022	- Menaik taraf lampu lobi
6.	November 2022	- Naik taraf karpet kepada vinyl aras 1 kiri

2. Pengurusan Aset IIM

Bermula pertengahan Jun 2022, semua pendaftaran aset bernilai RM500.00/unit dan ke atas telah didaftarkan melalui Asset Management Tracking System (ETRAX) bagi mengurangkan kerja secara manual dan memastikan semua aset mudah untuk dipantau kerana nombor siri pendaftaran aset (tagging) juga dicetak melalui sistem ini.

Bagi tempoh tahun 2022, direkodkan sebanyak 154 aset bernilai RM500.00/unit dan keatas telah didaftarkan dan dilabelkan. Manakala bagi aset bernilai kurang dari RM500.00, ianya masih direkodkan secara manual.

Selain itu, IIM juga telah menjalankan dua proses pelupusan aset iaitu sebuah laptop (Microsoft Surface Pro 6) pada 3 Mac 2022 dan dua buah kenderaan IIM (Proton Inspira dan Proton Waja) pada 10 Ogos 2022.

3. Pengurusan Kemudahan Fasiliti IIM

Auditorium IIM telah mencatatkan sebanyak 17 tempahan sepanjang tahun 2022. Tempahan auditorium ini digunakan sebagai dewan perkahwinan dan kursus-kursus rasmi yang melibatkan jabatan-jabatan kerajaan dan syarikat swasta.

Manakala, Dewan Murni dan Bilik Etika masing-masing merekodkan tiga tempahan sepanjang tahun 2022. Dewan murni mencatatkan rekod yang rendah kerana proses baik pulih dewan ini ekoran kesan kejadian ribut yang berlaku pada Ogos 2022. Tempahan Dewan Murni dan Bilik Etika ini digunakan bagi menjalankan kursus-kursus oleh pihak luar dari sektor kerajaan atau swasta.

Bilik Bijaksana pula tidak mendapat sebarang tempahan luar kerana kerap digunakan sebagai bilik mesyuarat dan aktiviti dalaman IIM.

Tempat	Jumlah Tempahan Tahun 2022
Auditorium	17
Dewan Murni	3
Bilik Etika	3
Bilik Bijaksana	0

- Menaik taraf dan membaik pulih Dewan Murni





LAPORAN PERPUSTAKAAN IIM

1. Koleksi Perpustakaan IIM

Bil	Kategori	Perkara Kerja/ Aktiviti	Jumlah (Salinan)
1.	Koleksi Terbuka	Koleksi rak terbuka terdiri daripada buku berkaitan subjek integriti, tata kelola, etika, moral dan nilai–nilai murni.	3,648
2.	Koleksi Pelekat Merah (Terhad)	Koleksi rak pelekat merah (terhad) terdiri daripada Laporan Audit, Laporan Tahunan dan bahan rujukan yang tidak mudah didapati.	780
3.	Koleksi Penerbitan daripada Institut Integriti Malaysia (IIM) Pelekat Hijau	Koleksi rak pelekat hijau (Penerbitan IIM) terdiri daripada buku penerbitan IIM daripada tahun 2004 sehingga kini, jurnal, risalah berkaitan produk IIM, Laporan Tahunan IIM dan buku jilid terdiri daripada modul, prosiding, kajian dan indeks.	1,200
4.	Koleksi Arkib IIM (Pelekat Biru)	Koleksi buku untuk tahun 2009 ke bawah yang masih relevan berkaitan subjek integriti, tata kelola, etika, moral dan nilai–nilai murni.	2,903
5.	Koleksi Keratan Akhbar	Koleksi keratan akhbar berkaitan penulisan artikel daripada Ahli Lembaga Pengarah, Ketua Pegawai Eksekutif dan artikel berkaitan subjek integriti, tata kelola, etika, moral salah laku rasuah dan environmental social governance (E.S.G).	4,985
6.	Koleksi Audio Visual dan Foto Album	Koleksi CD, DVD Rom daripada lampiran buku dan berkaitan Penerbitan Integriti. Foto acara majlis dari tahun 2004 sehingga kini.	532
Jumlah Keseluruhan			**14,048**

2. Statistik Peminjaman Koleksi Perpustakaan Integriti

Bulan	Perkara Kerja/ Aktiviti
Januari	11
Februari	15
Mac	21
April	25
Mei	92
Jun	81
Julai	120

Bulan	Perkara Kerja/ Aktiviti
Ogos	135
September	140
Oktober	129
November	87
Disember	57
Jumlah	**913**

3. Langganan Pengkalan Data: Penggunaan dan Akses

(a) Emerald Insight

Emerald Insight		
Bil	**Perkara**	**Jumlah Koleksi**
1.	E-BUKU	2,681
2.	E-JURNAL	300
3.	E-ARTIKEL	50,000

Perpustakaan Institut Integriti Malaysia (IIM) menyediakan langganan pangkalan data mengenai subjek sosial sains dan tata kelola daripada *Emerald Insight* kepada Warga IIM dan Ahli Luar yang berdaftar sahaja.

(b) Surat Khabar Elektronik (e-paper)

Bil	Perkara
1.	Berita Harian
2.	Harian Metro
3.	New Straits Times
4.	Sinar Harian

Bil	Perkara
5.	Utusan Malaysia
6.	The Star
7.	The Sun Daily

(c) Langganan e-Buku ISO International (versi Bahasa Inggeris)

- ***ISO/PAS 45005:2020***
  Occupational health and safety management — General guidelines for safe working during the COVID-19 pandemic
- ***ISO 31022:2020***
  Risk management — Guidelines for the management of legal risk
- ***ISO 18091:2019***
  Quality management systems — Guidelines for the application of ISO 9001 in local government
- ***ISO 37301:2021***
  Compliance management systems — Requirements with guidance for use
- ***ISO 20700:2017***
  Guidelines for management consultancy services
- ***ISO 37000:2021***
  Governance of organizations — Guidance
- ***ISO 37002:2021***
  Whistleblowing management systems — Guidelines
- ***ISO 19011:2018***
  Guidelines for auditing management systems



4. Pangkalan Data Sumber Akses Terbuka

Bil	Perkara	Jumlah
1.	E-Buku berkaitan Subjek Integriti, Tata Kelola, Etika, Moral dan Nilai Murni	33
2.	E-Buku Penerbitan daripada IIM	37

5. Program Perpustakaan IIM

(a) *Outreach* Caknakan Mindamu

Aktiviti berkaitan maklumat pada keratan akhbar, koleksi buku di rak bagi memberi pendedahan kepada pengguna pada bahan – bahan terdapat di Perpustakaan IIM. Aktiviti ini dijalankan sebanyak dua (2) siri.







(b) Perpustakaan ke Pintu (PkeP)

PkeP merupakan sesi turun padang oleh Perpustakaan Integriti untuk membawa koleksi buku terkini dan koleksi pinjaman berkelompok daripada Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) kepada semua seksyen di IIM bagi tujuan mempromosi peminjaman secara terus. Pegawai Perpustakaan akan membawa troli berisi buku – buku pilihan ke setiap seksyen dan Warga Kerja IIM boleh meminjam buku tersebut secara terus.







(c) Pendaftaran Keahlian Luar Perpustakaan Integriti

Bil	Pemohon Berdaftar	Bilangan
1.	Jabatan Pertanian Kuala Lumpur	1
2.	Kumpulan Wang Simpanan (KWSP)	1
3.	Bahagian Pendidikan Masyarakat, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)	1
4.	Sektor Swasta / Korporat	4
5.	Individu	1
Jumlah Keseluruhan		**8**

(d) Aktiviti Perpustakaan Integriti



Pertandingan Melukis & Mewarna Anak-Anak Integriti : Sempena Bulan Kemerdekaan Peringkat IIM 2022



Pertandingan Pakaian Bertemakan Hari Kemerdekaan 1957



Pertandingan Tafsir Rumi Tulis Jawi – Siri 1

LAPORAN SEKSYEN PENGURUSAN SUMBER MANUSIA

Seksyen Pengurusan Sumber Manusia (SPSM) merupakan tonggak utama dalam menguruskan modal insan bagi memastikan prestasi yang cemerlang dalam kalangan warga kerja IIM. SPSM bukan sahaja bertanggungjawab membangunkan kompetensi, tetapi juga merancang dan menguruskan hal-hal berkaitan struktur syarikat, pengambilan pekerja, kebajikan dan lain-lain.

Program dan aktiviti yang dilaksanakan oleh SPSM sepanjang tahun 2022:

1. Penempatan 15 Pegawai Malaysian Short-Term Employment Programme (MySTEP) di bawah Khazanah Nasional Berhad

Khazanah Nasional Berhad telah memilih IIM untuk menempatkan 15 orang pelatih di bawah *Malaysian Short-Term Employment Programme* (MySTEP). Pelatih-pelatih ini terdiri daripada para graduan daripada pelbagai bidang pengajian seperti bidang penguatkuasaan undang-undang, pentadbiran perniagaan, pengurusan dan kewangan. Tempoh program adalah selama enam (6) bulan bermula dari Julai 2022 sehingga Disember 2022.

2. Projek Pembangunan dan Pelaksanaan Skim Perkhidmatan Baharu Pegawai IIM

Projek ini dijalankan selama tiga bulan sepanjang September hingga Disember 2022 bagi menyediakan skim baharu dan khusus kepada warga kerja IIM. Skim ini diharap dapat membina ekosistem dan budaya kerja yang berprestasi tinggi serta berintegriti tinggi di IIM. Projek ini merangkumi penambahbaikan daripada segala aspek pengurusan sumber manusia yang melibatkan hal-hal kebajikan, kesihatan serta kompetensi warga kerja IIM.

3. Eksesais Penjajaran Sumber Manusia

Beberapa eksesais penjajaran sumber manusia di IIM telah dijalankan dari Mac hingga Disember 2022. Eksesais ini bertujuan mengenalpasti potensi warga kerja IIM dan menempatkan mereka pada jawatan dan seksyen/bahagian berdasarkan kompetensi dan kapasiti masing-masing serta yang bersesuaian dengan halatuju baharu IIM pada masa ini.

Eksesais ini juga secara tidak langsung dapat menyediakan pelapis-pelapis pemimpin (succession planning) di IIM.

4. Hari Bertemu Pelanggan

Hari Bertemu Pelanggan antara pihak SPSM dan warga kerja IIM telah diadakan pada 28 dan 30 September 2022. Program ini memberi peluang kepada semua warga kerja IIM untuk mendapatkan maklumat dan/atau mengemukakan sebarang pertanyaan hal-hal berkaitan perkhidmatan dan kemudahan yang disediakan. Selain itu, warga kerja IIM juga dapat menyemak dan mengemaskini rekod-rekod perkhidmatan dan program latihan yang telah dihadiri sepanjang 2018 hingga 2022.

5. Majlis Apresiasi Institut Integriti Malaysia

Majlis Apresiasi IIM telah diadakan pada 16 Disember 2022 bagi menghargai komitmen dan sumbangan semua warga kerja IIM sepanjang 2022. Pada Majlis tersebut, beberapa anugerah seperti Anugerah Kesetiaan, Anugerah Perkhidmatan Cemerlang 2022 serta Penyampaian Surat Pemangkuan Kenaikan Pangkat turut diberikan kepada penerima-penerima.

6. Program "Keluarga@Kerja"

Program "Keluarga@Kerja" telah diadakan pada 17 Disember 2022 bagi memberi pendedahan dan pengetahuan kepada warga kerja IIM dalam mengimbangi tuntutan kerjaya dan keluarga. Pengisian bagi program ini telah disampaikan oleh pegawai dari Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN).

7. Program Pembangunan dan Latihan 2022

Seksyen Pengurusan Sumber Manusia (SPSM) menyediakan satu Pelan Latihan 2022 dengan 52 program latihan telah dijalankan sepanjang tahun 2022 berdasarkan pelan tersebut.



52 program latihan

telah dijalankan yang melibatkan program latihan dalaman dan luaran:

25
program latihan dalaman

27
program latihan luaran

Daripada jumlah tersebut, program latihan tersebut dilaksanakan mengikut kategori berikut:

7
program latihan pembangunan

15
program latihan fungsional

10
rogram latihan generik

5
program latihan mandatori

15
program latihan teknikal

Selain itu, sebanyak 12 siri libat urus antara warga kerja IIM dan pihak pengurusan telah dijalankan sepanjang 2022.

8. Penyerahan pampasan insurans berkelompok IIM

IIM telah kehilangan seorang warga kerjanya iaitu Allahyarham Encik Shahrul Ridzuan bin Arshad yang meninggal dunia akibat serangan sakit jantung. Kehilangan Allahyarham memang amat dirasai oleh seluruh warga kerja IIM.

Atas dasar keprihatinan IIM menjaga kebajikan warga kerjanya beserta waris mereka, pada 27 April 2022, waris kepada Allahyarham Encik Shahrul Ridzuan telah menerima pampasan insurans berkelompok IIM.

Penyerahan cek pampasan insurans, cek sumbangan tabung khairat kematian serta sumbangan cenderahati kepada anak-anak Allahyarham telah disempurnakan oleh Ketua Pegawai Eksekutif IIM, Datuk Wan Suraya Wan Mohd Radzi kepada balu Allahyarham, Puan Ima Shanaz Wahidin.

Majlis penyerahan ini turut dihadiri oleh bapa Allahyarham, Encik Arshad bin Awang serta dua orang anak Allahyarham.

9. Pemeriksaan Urin Bagi Memastikan Semua Warga Kerja IIM Bebas Daripada Dadah

IIM dengan kerjasama Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) telah mengadakan pemeriksaan urin mengejut kepada semua warga kerja IIM pada 27 Jun 2022. Pemeriksaan ini dilakukan secara berkala bagi memastikan semua pegawai di institut ini bebas daripada najis dadah.

10. Maklumat Perjawatan

Maklumat perjawatan warga kerja IIM pada 31 Disember 2022 adalah seperti berikut:

Bil	Kumpulan Perkhidmatan	Perjawatan	Pengisian
1.	Tertinggi	3	3
2.	Pengurusan dan Profesional	55	46
3.	Pelaksana	40	39
Jumlah		**98**	**88**



LAPORAN SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT

Seksyen Komunikasi Korporat (SKK) bertanggungjawab terhadap hal ehwal perhubungan awam dan komunikasi dalaman dan luaran IIM. Ini termasuk pelaksanaan program-program khas bagi mewujudkan rangkaian yang strategik di dalam negara, serantau dan antarabangsa serta pengiktirafan di peringkat global.

Program dan aktiviti Seksyen Komunikasi Korporat sepanjang tahun 2022 adalah seperti berikut:

SKK telah menjayakan penerbitan artikel secara berkala dan mempromosi inisiatif anti-rasuah, governans serta pembudayaan integriti dalam saluran media utama. Antara slot promosi dan liputan media sepanjang tahun 2022.

PENAMBAHBAIKAN LAMAN WEB DAN SALURAN MEDIA SOSIAL IIM

SKK melakukan beberapa penambahbaikan bagi menyalurkan maklumat terkini di laman web dan saluran media sosial rasmi IIM. Antara penambahbaikan yang dilakukan termasuklah:

i) Perubahan layout di laman web IIM secara keseluruhan yang mempamerkan imej yang lebih korporat selari dengan hala tuju terkini IIM.
ii) Penambahan subtab dan kemas kini layout iaitu berkaitan maklumat mengenai produk dan instrumen IIM. Pengunjung atau klien berpeluang mendapatkan maklumat berbentuk risalah yang boleh dimuat turun.
iii) Penambahan ruang untuk galeri gambar, video program dan aktiviti IIM.
iv) Penambahan subtab kalendar program latihan IIM.
v) Jumlah pengunjung laman web dan media sosial rasmi IIM meningkat sepanjang tahun 2022. Status sehingga 31 Disember 2022 adalah seperti berikut:

5,680 pengikut	**684** pengikut	**1,750** pengikut	**595** pengikut	**659,111** pengikut

TEMU BUAL DAN WAWANCARA



Liputan Majlis Pelancaran AIGA 2022 di Putrajaya (BERNAMA TV)

PENERBITAN BULETIN

Penerbitan Buletin IIM sepanjang tahun 2022



Edisi 1



Edisi 2



Edisi 3

KERATAN AKHBAR

Seluruh PBT di Sarawak bakal diperkasa: Juanda



MUKAH: Pihak berkuasa tempatan (PBT) bakal lebih cemerlang dengan kerjasama masyarakat sekeliling.

Menurut Timbalan Menteri Integriti dan Ombudsman Datuk Dr Juanda Jaya, tugas PBT bukan hanya melaksanakan tugas bahkan harus turut membabitkan komuniti bagi menyemak dan menyampaikan kualiti perkhidmatan dan penyampaian.

"Program Community Integrity Building (CIB) ini bakal memperbaiki sistem penyampaian PBT," katanya.

Program merupakan inisiatif kerjasama di antara pihak Institut Integriti Malaysia (IIM) dan Unit Integriti dan Ombudsman Sarawak (UNION) itu telah dilancarkan di Lawas pada 3 Julai lalu oleh Timbalan Premier Datuk Amar Awang Tengah Ali Hasan.

Empat PBT terpilih sebagai perantis program iaitu Majlis Daerah Matu Daro (MDMD), Majlis Perbandaran Sibu (MPS), Majlis Daerah Lawas (MDL) dan Dewan Bandaraya Kuching Utara (DBKU).

Juanda yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Jemoreng turut mengatakan bahawa PBT lain seluruh Sarawak bakal menyusul.

Inisiatif dua hala y
memastikan integri
terus dipertingkatk

Ia adalah sebuah
konteks tempatan
kadar penyeles
pembudayaan da
infrastruktur dan p

Ia khusus melibat
dan juga komunit

Hadir untuk pera
Pegawai Eksekut

Sumber :
https://www.utu
arawak-bakal-d



Juanda (third right) and Wan Suraya jointly set up the programme's signboard at the community hall of Bandar Baru Samariang in Kuching. — Photo by Muhammad Rais Sanusi

Integrity programme advocates local authorities to uphold corruption-free service delivery

KUCHING: The 'Integrity Development Awareness Programme with the

would be implemented as they should be, says Deputy

smoothly.

"Aside from that, the pointed contractors will also monitored by the community use they know better what uld be achieved," he said in peech for the launch of the hing North City Commission KU)-level programme at an Bandar Baru Samariang yesterday.

cording to Juanda, the U, Sibu Municipal Council, ang District Council and -Daro District Council

have been selected to implement the 'Integrity Development Awareness Programme with the Community', which kicked off in July this year.

"If these four local councils could run this programme perfectly, we would expand it to all local councils in the future," he said at the event, where IIM chief executive officer Datuk Wan Suraya Wan Mohd Radzi and Kuching North Datuk Bandar Datu Junaidi Reduan were also present.

English Malay 中文 Arabic Español தமிழ்

BERNAMA.com

BERNAMA

BERNAMA.com
BERNAMA TV
BERNAMA Radio
BERNAMA Images
MyCheck
Bencana Negara
PRU15
COVID-19 & Vaksinasi
Carian
Utama
Am
Jenayah & Mahkamah
Ekonomi

AM

IIM dan kerajaan Sarawak bekerjasama laksana program integriti



18 NASIONAL MALAYSIA BERINTEGRITI

Integriti dalam Keluarga Malaysia

PERSPEKTIF

Meriah dan luar biasa. Itu antara frasa menggambarkan kejayaan Sambutan Hari Kebangsaan 2022 yang telah berlangsung di Dataran Merdeka, Kuala Lumpur pada 31 Ogos lalu.

Tekad dan tembatu hati memanifestasi tema 'Keluarga Malaysia Teguh Bersama' terlihat jelas dalam ketenjuan ribuan pengunjung membanjiri lokasi utama perarakan dan perbarisan seawal 4.30 pagi tadi.

Ia juga membuktikan semangat patriotisme, kebersamaan dan kesepaduan kekal utuh dalam jiwa Keluarga Malaysia.

Namun begitu, persoalannya, adakah semangat ini sudah memadai?

Memetik kenyataan daripada Datuk Bandar Kuala Lumpur, Datuk Seri Mahadi Che Ngah, piluhannya mengalami kerugian sehingga RM700,000 sebelum pokok-pokok yang ditanam sebagai landskap di sekitar Ibu negara roboh akibat para pengunjung ketika sambutan Hari Kebangsaan tersebut. Kenapa kita sebagai rakyat Malaysia masih kurang cakna tentang pengamalan integriti dalam kehidupan seharian kita.

Integriti menggambarkan amalan berpegang teguh kepada prinsip kebaikan dan nilai kejujuran. Amalan ini perlu dilaksanakan dalam semua aspek kehidupan merentasi segenap lapisan masyarakat.

Sehubungan itu, peranan Institut Integriti Malaysia (IIM) amat penting untuk terus berusaha memerangkan penghayatan nilai integriti di semua kumpulan sasar, bukan sahaja di sektor awam, sektor swasta dan komuniti, malah turut memfokuskan kepada generasi muda.

Pelbagai program dan inisiatif banyak juga telah dilangsungkan IIM bagi menyemarakkan pembudayaan integriti di semua peringkat dalam kalangan masyarakat. Sebagai contoh, IIM telah memperkenalkan inisiatif Program Pembangunan Integriti Bersama Komuniti (CIB) di empat residensi terpilih di Sarawak. Ia sebagai usaha menyuburkan lagi kepentingan membina sebuah komuniti yang berintegriti melibatkan komuniti setempat dan pihak berkuasa tempatan (PBT).

Menerusi program ini, jawatankuasa penduduk yang terlibat akan menjadi 'pemantau' menggunia pakai sistem yang dibangunkan oleh IIM bagi kerja kerja pengurusan setempat seperti pengutipan sampah atau pembersihan perparitan.

Ia secara langsung membantu memperkuukhkan kecekapan penyampaian perkhidmatan awam serta mempertingkatkan kerjasama antara PBT dan komuniti melalui amalan berintegriti.

Amatlah diharapkan program CIB ini seterusnya dapat diperluaskan keseluruh Sarawak serta bin-tan negeri mulai tahun hadapan.

IIM percaya bahawa pengamalan dan pembudayaan nilai integriti akan dapat dipertingkatkan dengan ketiadaan erat organisasi awam dan swasta sebagaimana yang digariskan dalam Pelan Antirasuah Nasional (NACP) iaitu 'Malaysia dikenali kerana integriti dan bukannya rasuah'.

Selari dengan itu, IIM telah melaksanakan siri bengkel seperti konsultasi pembangunan Pelan Antirasuah Organisasi (OACP) dan Sistem Pengurusan Anti Rasuah (ISO37001:2016).

Inspirasi ISNIN • 17 OKTOBER 2022

Tingkatkan amalan INTEGRITI

- SAMBUNG HLM. 1



Program Kesedaran Pembangunan Integriti Bersama Komuniti (CIB) di Muchas

Ini bagi meningkatkan pemahaman dan amalan integriti dalam menyampaikan prasarana dan perkhidmatan awam, khususnya yang melibatkan pihak Berkuasa Tempatan (PBT), pembekal perkhidmatan dan komuniti tempatan.

Program CIB ini diatur lus bagi meningkatkan kesedaran dari segi tanggungjawab, pengetahuan dan sikap peduli dengan isu seperti rumpuit (SLR), pembuangan sampah tanpar, pembiakan di kawasan tertuar, kebersihan rumah, kemudahan awam rosak, kemudahan awam rosak, kemudahan awam rosak

SEKSYEN TEKNOLOGI MAKLUMAT

Seksyen Teknologi Maklumat (STM) memainkan peranan penting dalam pengurusan dan pemantauan rangkaian, aplikasi, perkakasan, perisian sistem serta perkhidmatan teknikal yang digunakan oleh warga kerja IIM. STM melaksanakan pelbagai program pembangunan infrastruktur dan sistem bagi memastikan perkhidmatan IIM berada dalam tahap yang terbaik.

Program dan aktiviti Seksyen Teknologi Maklumat sepanjang tahun 2022:

Menaiktaraf Sistem Rangkaian Tanpa Wayar (WiFi) di IIM (April – Oktober 2022)

Sejajar dengan perkembangan ICT dan penggunaan teknologi masa kini yang semakin meluas. IIM amat memerlukan penggantian Wi-Fi baharu untuk kemudahan semua pegawai. Tambahan pula, pada masa ini IIM hanya menggunakan Access Point Wi-Fi Router Home Based yang hanya mampu menampung 20 unit Peralatan komputer seperti Komputer, Komputer Riba dan Telefon Bimbit dalam satu-satu masa. Projek naik taraf Wi-Fi di IIM bermula pada April 2022 dan berakhir pada Oktober 2022.

Objektif Naik Taraf WIFI:

- Memudahkan akses internet melalui Wi-Fi dengan lebih mudah dan stabil.
- Meningkatkan penggunaan Wi-Fi di dalam bangunan IIM dan mengurangkan penggunaan kabel rangkaian LAN yang agak rumit untuk diselenggara.
- Meningkatkan kesedaran warga IIM tentang kemajuan teknologi masa kini.

Kesan Naik Taraf WIFI:

- Memudahkan capaian internet dengan kelajuan yang tinggi terutama di lokasi-lokasi utama di IIM.
- Pengurusan Sistem Wifi di IIM lebih mudah dipantau.

Bagi melengkapkan dan menaik taraf sistem rangkaian rangkaian Access Point Wi-Fi di IIM ini, kos naik taraf dianggarkan berjumlah

RM80,000.00

Pembangunan Sistem Pengurusan Aset – ETRAX di IIM (Mac – November 2022)

Sistem Pengurusan Aset (ETRAX) adalah aplikasi yang dibangunkan oleh IIM untuk tujuan kawalan dan pemantauan aset di IIM. Sistem ETRAX ini merangkumi migrasi dan integrasi data daripada sistem sedia ada dengan fungsi utama dan tambahan dalam sistem pengurusan aset, pemasangan, pengujian, latihan, pemantauan, sandaran data (backup data) dan waranti. Sistem ini juga menyokong data atau maklumat berkenaan aset, perolehan, penempatan, pemeriksaan, pinjaman, usia guna dan nilai semasa (susut nilai aset), pelupusan, hapus kira, dan penyelenggaraan secara terperinci. Projek pembangunan ini bermula pada Bulan Mac 2022 dan siap sepenuhnya pada bulan November 2022.

Objektif Pembangunan:

- Mempertingkatkan kualiti pengurusan dan pengawasan aset di IIM.
- Mewujudkan Sistem Kod yang seragam.
- Meningkatkan Kualiti audit (Dalaman atau Luaran)
- Menjimatkan masa pengurusan aset IIM
- Kawalan dan Pemantauan dapat dilaksanakan dengan lebih berkesan.
- Memastikan aset kerajaan berada di dalam keadaan yang baik.

Kos Pembangunan:



Bagi melengkapkan pembangunan sistem pengurusan Aset (ETRAX), kos pembangunan dianggarkan berjumlah

RM67,000.00

Kesan Pembangunan Sistem Pengurusan Aset (ETRAX)

Sistem ETRAX dapat membantu menyelaraskan operasi khususnya di seksyen pentadbiran dan bahagian lain yang terlibat. Sistem ini membantu IIM dalam pemantauan peralatan dan aset semasa IIM selain dapat menjimat masa dan kos bagi penyelenggaraan infrastruktur.



LAPORAN BAHAGIAN OPERASI

LAPORAN SEKSYEN PERANCANGAN STRATEGIK DAN KORPORAT 42
LAPORAN SEKSYEN PENGURUSAN INTEGRITI 49
LAPORAN SEKSYEN ADVOKASI DAN LATIHAN 54

LAPORAN SEKSYEN PERANCANGAN DAN STRATEGIK KORPORAT



Seksyen Perancangan dan Strategik Korporat (SPSK) bertanggungjawab sepenuhnya dalam hal ehwal pemasaran dan jualan bagi produk dan perkhidmatan IIM. Pelbagai program dan aktiviti pemasaran telah dijalankan sepanjang tahun 2022 bagi mencapai sasaran jualan. SPSK juga turut berperanan dalam pencapaian hala tuju baharu IIM.

Pada tahun 2022, SPSK telah merancang untuk menggunakan lebih banyak pendekatan promosi secara turun padang iaitu melalui promosi melalui ruang pameran. Sejak pelancaran Pelan Antirasuah Nasional (NACP) pada 29 Januari 2019, IIM telah menerima banyak jemputan untuk menyertai pameran bagi mempromosi maklumat mengenai NACP dan juga produk serta instrumen IIM ke seluruh negara termasuk Sabah dan Sarawak.

Susulan daripada pasca endemik Covid-19, SPSK bergerak secara agresif dalam sesi libat urus secara fizikal dan juga secara maya bersama agensi awam dan juga korporat bagi memastikan sasaran tahunan dicapai dengan jayanya.

Aktiviti dan sesi libat urus sepanjang tahun 2022:

Bil	Nama Syarikat/ Agensi	Produk
1.	UMW Holdings Berhad (UMW)	IIP
2.	Securities Commission Malaysia (SC)	OACP
3.	Universiti Teknologi Mara (UiTM)	ABMS
4.	Malaysia Automotive Robotics and IoT Institute (MARii)	ABMS, OACP
5.	Yayasan Bantuan Guaman Kebangsaan (YBGK)	OACP
6.	Pusat Belia Antarabangsa (IYC)	Program Latihan
7.	Gas Malaysia Berhad (GMB)	Program Latihan
8.	AEON Malaysia	MOU

Bil	Nama Syarikat/ Agensi	Produk
9.	Malaysia Rail Link Sdn Bhd (MRLSB)	IIP
10.	Kementerian Perpaduan Negara (KPN)	ABMS
11.	Kementerian Luar Negeri (KLN)	ABMS
12.	Kementerian Pertahanan (MINDEF)	CRA
13.	Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO)	IIP
14.	Affin Bank Berhad	Program Latihan
15.	Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Terengganu	OACP
16.	Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS)	Program Latihan
17.	Yayasan Perak	OACP
18.	Yayasan Melaka	OACP
19.	Malaysian Investment Development Authority (MIDA)	IIP
20.	Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan (BITU)	OACP
21.	Lembaga Kenaf dan Tembakau Negara (LKTN)	OACP
22.	Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP)	IIP

Aktiviti Promosi dan Pameran Produk IIM

Sepanjang 2022, SPSK telah memenuhi pelbagai jemputan dalam penglibatan pameran di semua agensi awam dan korporat. Aktiviti pameran ini dilaksanakan bagi memastikan maklumat produk dan perkhidmatan IIM dipromosi secara holistik kepada semua agensi-agensi/ syarikat-syarikat yang disasarkan.

Aktiviti pameran yang telah dilaksanakan sepanjang tahun 2022:

Bil	Program	Agensi	Tarikh
1.	Seminar Kelestarian Integriti (Hari Integriti 2022)	Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecik Perusahaan Getah (RISDA)	12 Oktober 2022
2.	Seminar Pembudayaan dan Penghayatan Integriti (Hari Integriti 2022)	Kementerian Pembangunan Luar Bandar (KPLB)	1-2 November 2022
3.	Forum Perdana Ehwal Islam 2022 (Hari Integriti 2022)	Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN)	3 November 2022
4.	Sempena Hari Integriti 2022	Sarawak Economic Development Corporation (SEDC)	10 November 2022
5.	Sempena Hari Integriti 2022	RHB Bank	14 November 2022
6.	Sempena Hari Integriti 2022	MARA	15-16 November 2022
7.	Sempena Hari Integriti 2022	KPDNHEP	22 November2022

Bil	Program	Agensi	Tarikh
8.	Hari Integriti MOSTI 2022	Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI)	23 November 2022
9.	Sambutan Hari Integriti	Pusat Perubatan Universiti Malaya	24 November 2022
10.	Sambutan Hari Integriti KPM 2022	Kementerian Pendidikan Malaysia	24 November 2022
11.	Sempena Hari Integriti 2022	Boustead Holdings Berhad	24 November 2022
12.	Sambutan Hari Integriti Peringkat Kebangsaan: Fiesta Integriti KWSP 2022 (FIT22)	Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP)	29 November 2022
13.	Sambutan Hari Integriti Lembaga Pertubuhan Peladang Tahun 2022	Lembaga Pertubuhan Peladang	1 Disember 2022
14.	Majlis Sambutan Hari Integriti Nasional Peringkat KPT	Kementerian Pengajian Tinggi	1 Disember 2022
15.	Sambutan Hari Integriti UDA 2022	UDA Holdings Berhad	15 Disember 2022

Seminar Pembudayaan dan Penghayatan Integriti (Hari Integriti 2022) - Kemeterian Pembangunan Luar Bandar (KPLB)



Pameran IIM bersempena Forum Perdana Ehwal Islam 2022



Sempena Hari Integriti 2022 - Sarawak Economic Development Corporation (SEDC)





Sempena Hari Integriti 2022 - RHB Bank



Sempena Hari Integriti 2022 - MARA



Sempena Hari Integriti 2022 - KPDNHEP



Sambutan Hari Integriti KPM 2022



Sambutan Hari Integriti Peringkat Kebangsaan: Fiesta Integriti KWSP 2022 (FIT22)





Sambutan Hari Integriti Lembaga Pertubuhan Peladang Tahun 2022



Sambutan Hari Integriti Negeri Kelantan Tahun 2022 bertempat Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan pada 15 Disember 2022



Sambutan Hari Integriti Universiti Teknologi Malaysia (UTM) Tahun 2022 bersempena Hari Integriti Nasional (HIN) pada 20 Disember 2022





Produk Baharu dan Inovasi


Sepanjang tahun 2022, IIM telah melancarkan beberapa produk baharu dan inovasi yang diselia oleh SPSK bagi aktiviti promosi dan pemasaran. Berikut ialah senarai produk baharu yang telah ditawarkan kepada semua agensi awam dan korporat:

Bil	Nama Produk Baharu	Justifikasi Produk
1.	Bengkel Asas Tatacara Mencukupi & Prinsip T.R.U.S.T Bagi Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS)	Membantu PKS berkaitan keperluan pematuhan Seksyen 17A Akta SPRM 2009 dan pembangunan asas polisi dan prosedur yang berkaitan dengan Tatacara Mencukupi.
2.	Modul Sistem Integriti Korporat Malaysia (CISM)	Modul Sistem Integriti Korporat Malaysia (CISM) merupakan satu inisiatif yang dibangunkan dengan usahasama enam (6) organisasi yang dikenali sebagai anggota ahli Meja Bulat Integriti Korporat yang melibatkan IIM selaku Pengerusi kepada Meja bulat Integriti Korporat seterusnya (SPRM), (SSM), (TI-Malaysia), (SC) dan Bursa Malaysia Berhad.

Bil	Nama Produk Baharu	Justifikasi Produk
3.	Manual Latihan 6.2.4 (Seksyen 17A) Akta SPRM 2009	Manual Latihan ini dapat membantu organisasi atau syarikat melaksanakan Program Pencegahan Rasuah serta menerap nilai-nilai etika dan tadbir urus korporat kearah budaya perniagaan yang berintegriti tinggi. Manual Latihan Seksyen 17A dibangunkan bersama 18 Agensi Peneraju berdasarkan Inisiatif 6.2.4 yang termaktub dalam Laporan Semakan Separuh Penggal Pelan Antirasuah Nasional (NACP). Manual ini menekankan aspek komersial dan aplikasi Tatacara Mencukupi serta mematuhi Seksyen 17A (Liabiliti Korporat) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009.
4.	Modul Integriti Penguat Kuasa (MIP)	Modul Integriti Penguat Kuasa (MIP) dibangunkan bagi memantapkan pembudayaan integriti dan tadbir urus yang baik serta sesuai bagi tujuan latihan kepada pegawai-pegawai penguat kuasa di semua agensi penguatkuasaan termasuk Pihak Berkuasa Tempatan (PBT).



Pecahan Jualan Mengikut 10 Produk Terbaik







Risalah dan poster produk IIM

LAPORAN SEKSYEN PENGURUSAN INTEGRITI

Seksyen Pengurusan Integriti (SPI) bertanggungjawab memberi khidmat konsultasi kepada para pelanggan mengenai beberapa sistem pengurusan yang boleh diadaptasikan ke dalam organisasi mereka. Sistem pengurusan ini termasuk ISO 37001:2016 Sistem Pengurusan Antirasuah (ABMS); Corruption Risk Management (CRA) dan Organisational Anti-Corruption Plan (OACP). Seksyen ini juga bertanggungjawab memberi khidmat konsultasi kepada pelanggan tentang bagaimana mereka boleh mengguna pakai pelbagai instrumen serta kaedah bagi pemantapan integriti dan budaya antirasuah dalam kalangan pekerja dan pihak berkepentingan organisasi. Instrumen-instrumen ini termasuklah Individual Integrity Profile (IIP) dan Integrity Assessment Tool (IAT).

KONSULTASI

Sejajar dengan fungsi IIM, program konsultasi telah dilaksanakan bagi membantu sektor awam dan korporat membudayakan nilai integriti di organisasi dan dalam kalangan pekerja mereka.

Senarai Klien ABMS dan CRA

- Emaskang Sdn Bhd
- Pertubuhan Peladang Kebangsaan (NAFAS)
- Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian (MARDI)
- Malaysia Digital Economy Corporation (MDEC) Sdn. Bhd.
- Maxim Global Berhad (MAXIM)
- Sabah Electricity Sdn. Bhd (SESB) (Additional Package)

Senarai Klien OACP

- Jabatan Hal Ehwal Agama Terengganu
- Yayasan Melaka
- Tenaga Nasional Malaysia
- Lembaga Kenaf dan Tembakau Negara
- Institut Logam malaysia (MSI)
- Jabatan Warisan Negara
- Lembaga Koko Malaysia
- JKP Sdn Bhd
- Islamic Tourism Centre (ITC)
- Majlis Bandaraya Seremban
- Institut Keusahawanan Negara Berhad (INSKEN)
- Pejabat Perbendaharaan Negeri Terengganu (PPNT)
- Kejora Development Holding Sdn Bhd
- Lembaga Perumahan Negeri Pulau Pinang
- Malaysia Timber Council (MTC)
- Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia (MTIB)
- Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA)
- IMPACT INTEGRATED
- Jambatan Kedua Sdn Bhd
- Institut Koperasi Malaysia (IKMa)
- Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI)
- Istana Budaya
- Malaysia Digital Economy Corporation (MDEC) Sdn. Bhd.
- FELDA Plantation Management Sdn. Bhd.
- Malaysia Petroleum Resources Corporation
- National Film Development Corporation Malaysia (FINAS)
- Federal Agricultural Marketing Authority (FAMA)
- Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri Perlis (PKENPs)

Senarai Klien IIP

- Credit Guarantee Corporation Malaysia Berhad (CGC)
- Jabatan Pendaftar, USIM
- Sabah Electricity Sdn. Bhd. (SESB)
- Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM)
- Majlis Bandaraya Subang Jaya
- Institut Integriti Malaysia
- Cradle Fund Sdn Bhd
- CGC Digital Sdn Bhd

Senarai Klien IAT


- FGV Holding Berhad (FGV)
- UDA Holdings Berhad (UDA)
- Malaysian Digital Economy Corporation Sdn Bhd (MDEC)
- Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) (KWAP)
- Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO)

Aktiviti dan program pelaksanaan Integrity Assessment Tool (IAT) dan Individual Integrity Profile (IIP)

PELAKSANAAN IAT DI PERINGKAT UDA HOLDINGS BERHAD

15 Disember 2021 – 17 Februari 2022


Dengan penglibatan seramai 641 kakitangan UDA, sesi ini diadakan secara atas talian. Pelaksanaan ini turut melibatkan 14 Anak Syarikat UDA seluruh negara.



PELAKSANAAN IAT DI PERINGKAT KUMPULAN WANG PERSARAAN (DIPERBADANKAN) (KWAP)

22 Disember 2021 - 7 Mac 2022

Dengan penglibatan seramai 643 kakitangan KWAP diadakan secara atas talian. Sesi ini melibatkan ahli dari semua peringkat, termasuk *C-Suite*, Naib Presiden Kanan, *Associate* dan *non-Associate*.



PELAKSANAAN IAT DI PERINGKAT MALAYSIA DIGITAL ECONOMY CORPORATION (MDEC)

15 Disember 2021 - 22 Mac 2022

Dengan penglibatan seramai 210 kakitangan MDEC, sesi ini diadakan secara atas talian. Responden diwakili oleh semua peringkat perjawatan, seperti pengurusan atasan, eksekutif kanan dan bukan eksekutif.

PELAKSANAAN IAT DI PERINGKAT PERTUBUHAN KESELAMATAN SOSIAL (PERKESO)

3 Oktober – 4 November 2022

Dengan penglibatan seramai 1200 kakitangan PERKESO, sesi ini diadakan secara atas talian. Responden IAT diwakili oleh semua peringkat seperti Pengurusan, Eksekutif dan Bukan Eksekutif dan turut melibatkan Ibu Pejabat PERKESO, Pejabat Negeri dan Pejabat PERKESO.



SESI PELAKSANAAN IIP SABAH ELECTRICITY SDN. BHD. (SESB)

25 Mei 2022

Dilaksanakan secara atas talian sebagai salah satu usaha pemantapan integriti di kalangan kakitangan SESB.

SESI PELAKSANAAN IIP MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA (MBSJ)

12 September 2022

Dilaksanakan secara atas talian sebagai salah satu usaha pemantapan integriti di kalangan kakitangan MBSJ.

SESI PELAKSANAAN IIP SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA (SSM)

13, 14 & 19 Oktober 2022

Dilaksanakan secara atas talian sebagai salah satu usaha pemantapan integriti di kalangan kakitangan SSM.

LAWATAN SAMBIL BELAJAR KE IIM OLEH JAWATANKUASA INDUK DAN TASK FORCE BAGI MEMANTAU INTEGRITI DAN KESELAMATAN UBAT-UBATAN HAK MILIK KKM

20 Oktober 2022


Latihan ini bertujuan untuk memantapkan integriti kakitangan dan organisasi melalui pembangunan modul latihan. Sesi turut menerangkan produk-produk IIM yang relevan bagi membantu Jawatankuasa ini mencapai hasrat dalam memperkasakan integriti.



SESI PERKONGSIAN ANALISIS IIP UNTUK CRADLE FUND SDN BHD

1 November 2022

Sesi ini bertujuan untuk pengurusan bakat, pengurusan risiko dan pembudayaan integriti kepada IGU. Di samping itu, sesi ini turut membincangkan mengenai cadangan intervensi sewajarnya termasuklah potensi dan ruang penambahbaikan bagi kakitangan yang telah menduduki IIP. Sesi dilaksanakan secara atas talian.



BENGKEL PERANCANGAN STRATEGIK USAHASAMA DI ANTARA GLOBAL PSYTECH SDN BHD DAN IIM

8 Disember 2022

Objektif utama pelaksanaan bengkel ini adalah untuk membangunkan produk baharu berkaitan instrumen selaras dengan teras fungsi IIM yang baharu. Selain itu, bengkel ini bertujuan untuk memperincikan program yang berpotensi untuk dilaksanakan pada tahun 2023.

LAPORAN SEKSYEN ADVOKASI DAN LATIHAN



Program-program berkaitan latihan dilaksanakan oleh Seksyen Advokasi dan Latihan (SAL). Seksyen ini memberi tumpuan kepada pembangunan modul-modul latihan yang berteraskan kepada pengurusan integriti dan tadbir urus. Program latihan memberi penekanan kepada empat (4) modul latihan utama iaitu program latihan Ethics & Integrity (E&I), program latihan Do the Right Thing (DTRT), program latihan Seksyen 17A Akta SPRM dan Tatacara Mencukupi, program latihan Modul Integriti Agensi Penguatkuasaan dan juga program-program latihan yang dbangunkan khas mengikut keperluan dan kehendak pelanggan. SAL juga menyelaras dan menyampaikan ceramah-ceramah yang berkaitan integriti, tadbir urus dan antirasuah.

Program-program berkaitan latihan dilaksanakan oleh Seksyen Latihan dan Advokasi (SAL). Seksyen ini memberi tumpuan kepada pembangunan modul-modul latihan yang berteraskan kepada pengurusan intergriti dan tadbir urus.

Program latihan memberi penekanan kepada empat (4) modul latihan utama iaitu program latihan Ethics & Integrity (E&I), program latihan Do the Right Thing (DTRT), program latihan Seksyen 17A Akta SPRM dan Tatacara Mencukupi, program latihan Modul Integriti Agensi Penguatkuasaan dan juga program-program latihan yang dibangunkan khas mengikut keperluan dan kehendak pelanggan. SAL juga menyelaras dan menyampaikan ceramah-ceramah yang berkaitan integriti, tadbir urus dan antirasuah sebagai salah satu program advokasi IIM.

Pada tahun 2022, Seksyen Latihan dan Advokasi (SAL) telah menjayakan program latihan dan ceramah seperti berikut:

1 **Latihan *Do the Right Thing* (DTRT)**

25 siri

2 **Latihan *Ethics & Integrity* (E&I)**

12 siri

3 **Latihan Modul Integriti Penguatkuasaan**

2 siri

4 **Latihan Seksyen 17A Akta SPRM dan Tatacara Mencukupi**

3 siri

5 **Ceramah Integriti**

88 siri

Antara program-program latihan yang dilaksanakan pada tahun 2022 adalah seperti berikut:

Do The Right Thing (DTRT) kepada Gas Malaysia Berhad

1 Disember 2022

Sesi latihan yang berlangsung di Pusat Latihan & Sumber, Gas Malaysia Berhad ini telah dihadiri seramai 34 orang peserta yang terdiri daripada warga kerja Gas Malaysia Berhad dari seluruh Malaysia.

Objektif latihan ini adalah untuk memupuk potensi peserta menjadi warga kerja yang berintegriti dalam organisasi secara optimum. Latihan ini juga membimbing peserta dengan konsep 'Do The Right Thing' seperti mengaplikasikan 'Bell-Book-Candle' dan Model A-C-S-T dalam membuat keputusan dengan wajar.

Sesi latihan telah disampaikan oleh Encik Suhaimi Mohd Noh dan Puan Munah Abdul Aziz, Konsultan Seksyen Advokasi dan Latihan, IIM.





Latihan Ethics & Integrity (E&I) bagi Iskandar Invesment Berhad (IIB) yang telah berlangsung di Educity Johor

14 November 2022

Objektif latihan adalah untuk memberi pendedahan dan kefahaman berkaitan konsep etika dan integriti, kaedah membuat keputusan secara beretika serta berintegriti dan kaedah menyelesaikan isu berkaitan etika dan integriti.

Seramai 21 peserta yang terdiri daripada pengurus profesional dan eksekutif IIB telah menyertai sesi latihan ini yang telah disampaikan oleh Puan Zarina Mohamad Amin, Konsultan Kanan Seksyen Advokasi dan Latihan IIM.





Latihan Do The Right Thing (DTRT) kepada Gas Malaysia Berhad

7 November 2022

Sesi latihan yang berlangsung di Pusat Latihan & Sumber, Gas Malaysia Berhad ini telah dihadiri seramai 38 orang peserta terdiri daripada warga kerja Gas Malaysia Berhad dari seluruh Malaysia.

Objektif latihan ini adalah untuk membantu warga kerja Gas Malaysia untuk membuat keputusan dengan tepat, beretika dan berintegriti. Sesi latihan ini juga dapat membudayakan amalan terbaik integriti dalam organisasi secara optimum.

Sesi ini telah dikendalikan oleh Konsultan Seksyen Advokasi dan Latihan IIM, Encik Suhaimi Mohd Noh dan Puan Munah Abdul Aziz.

Latihan "Do The Right Thing" kepada Kumpulan Pengurusan dan Profesional Prokhas Sdn Bhd

8 & 9 Ogos 2022

Sesi latihan ini telah dikendalikan oleh tiga orang konsultan IIM, iaitu Encik Suhaimi Mohd Noh, Puan Munah Abdul Aziz dan Encik Abdul Rahim Ahmad Damanhuri.












IIM telah melaksanakan sesi Latihan Ethics & Integrity (E&I) secara dalam talian

31 Oktober 2022

Sesi ini telah dihadiri oleh 11 orang peserta yang terdiri daripada Maahad Tahfiz Negeri Pahang, RT Development and Engineering Sdn. Bhd., International Conference & Exhibition Professionals, FELCRA Berhad, Terengganu Incorporated Sdn. Bhd., Perak Agro Management Services Sdn. Bhd., Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan dan Azita Consultancy.

Latihan ini bertujuan untuk memberi pendedahan dan kefahaman mendalam berkenaan dengan konsep dan definisi etika dan integriti; proses membuat keputusan secara beretika dan berintegriti; dan juga proses pembudayaan etika dan integriti kepada para peserta.

Sesi latihan telah disampaikan oleh Puan Munah Abdul Aziz, Konsultan Seksyen Advokasi.





Antara Program Ceramah Integriti yang dilaksanakan pada tahun 2022 adalah seperti berikut:

IIM telah menyampaikan ceramah bertajuk "Integriti dalam Kerjaya" bersempena Program Sambutan Hari Integriti Peringkat Perbadanan Labuan 2022 bertempat di Wisma Perbadanan Labuan

8 Disember 2022

Sesi ceramah ini telah dihadiri seramai 200 warga Perbadanan Labuan. Turut hadir Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Labuan, Haji Rithuan Bin Haji Mohd Ismail; Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Perbandaran), Encik Fadzilah Bin Haji Mahmud; dan Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Pengurusan), Dato' Dr. Haji Othman Bin Che Jusoh.



Program ini merupakan salah satu agenda pengukuhan integriti di Perbadanan Labuan menerusi usaha membudayakan integriti dan memupuk nilai-nilai murni dalam kalangan warga Perbadanan Labuan.

Sesi ceramah ini telah disampaikan oleh Puan Munah Abdul Aziz, Konsultan Seksyen Advokasi dan Latihan, IIM.



IIM telah menyampaikan ceramah bertajuk "Integriti dan Akauntabiliti" kepada warga kerja Institut Keusahawanan Negara INSKEN

8 Disember 2022

Seramai 53 peserta yang terdiri daripada pengurusan tertinggi dan juga warga kerja INSKEN telah menghadiri ceramah ini.

Ceramah ini bertujuan untuk memberi pendedahan kepada kakitangan INSKEN tentang kepentingan menjadi seorang pegawai yang berintegriti dan berakauntabiliti dalam sesebuah organisasi serta menerapkan sikap jujur, amanah dan bertanggungjawab ketika melaksanakan tugasan.

Ceramah ini telah disampaikan oleh Encik Fison Hamdi bin Ahmad, Ketua Seksyen Advokasi dan Latihan.





IIM telah dijemput untuk menyampaikan ceramah kepada Lembaga Kemajuan Johor Tenggara (KEJORA), di Bandar Penawar, Johor

5 Disember 2022

Ceramah ini bertujuan untuk meningkatkan kefahaman dan kesedaran mengenai integriti dalam setiap urusan harian warga kerja KEJORA di samping memahami etika kerja serta impak yang mungkin berlaku dalam tugasan harian.

Ceramah ini telah dihadiri oleh YBrs. Puan Marlina Binti Amir, Timbalan Pengurus Besar (Pengurusan) KEJORA serta lebih 250 barisan pengurusan dan warga kerja KEJORA.

Sesi ceramah telah disampaikan oleh Encik Suhaimi Bin Mohd Noh, Konsultan Seksyen Advokasi dan Latihan IIM.



IIM telah menerima jemputan dari Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) bagi menyampaikan taklimat bertajuk "Integriti Titian Menuju Keberkatan" bersempena Majlis Sambutan Hari Integriti SKM 2022

29 November 2022

Majlis ini merupakan salah satu pengisian sepanjang Bulan Integriti Kebangsaan Tahun 2022. Sesi taklimat ini telah dihadiri Pengurusan Kanan SKM, para Pengarah Negeri dan juga seluruh warga SKM di Ibu Pejabat dan juga Cawangan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

Selain itu, sesi taklimat majlis tersebut juga telah dipenuhi dengan majlis melafazkan ikrar integriti SKM dan juga pelancaran buku OACP SKM 2023 – 2025.

SKM juga telah menyatakan hasrat untuk mengembangkan lagi bentuk kerjasama bersama IIM di masa akan datang bagi memastikan pemantapan pembudayaan integriti di kalangan warga SKM dan juga seluruh ekosistem koperasi di Malaysia pada tahun 2023.



IIM telah diwakili oleh Encik Fison Hamdi Ahmad, Ketua Seksyen Advokasi dan Latihan selaku penceramah taklimat tersebut.





Bersempena sambutan Hari Integriti Nasional 2022, IIM telah dijemput menyampaikan ceramah bertajuk "Me and Integrity" kepada pihak Kementerian Sains, Teknologi dan Sains (MOSTI)

23 November 2022

Sesi ceramah ini telah dihadiri seramai 25 orang pegawai dari pelbagai kumpulan skim perkhidmatan MOSTI.

Ceramah yang berlangsung di Putrajaya ini bertujuan untuk meningkatkan kefahaman dan penghayatan nilai integriti dalam kalangan warga kerja MOSTI dengan memberikan perkhidmatan terbaik.

Sesi ceramah telah disampaikan Puan Zarina Binti Mohamad Amin, Konsultan Kanan Seksyen Advokasi dan Latihan IIM.



IIM telah dijemput menyampaikan ceramah bertajuk “Tadbir Urus Berintegriti” kepada warga kerja Majlis Amanah Rakyat (MARA) Kuala Lumpur

16 November 2022

Seramai 67 warga kerja MARA serta para pelajar daripada German Malaysian Institute (GMI) telah hadir dalam sesi ceramah tersebut. Turut hadir Encik Md Najib Mo’min, Ketua Unit Integriti MARA serta barisan pengurusan MARA.

Objektif ceramah ini adalah untuk meningkatkan kefahaman dan kesedaran warga MARA mengenai Tadbir Urus dan Integriti dalam tugasan harian.

Sesi ceramah telah disampaikan oleh Encik Suhaimi Bin Mohd Noh, Konsultan Seksyen Advokasi dan Latihan IIM.





IIM telah menyampaikan ceramah bertajuk “Integriti Teras Keluarga Malaysia” bagi Seminar Pembudayaan dan Penghayatan Integriti sempena sambutan Hari Integriti Tahun 2022 peringkat Kementerian Pembangunan Luar Bandar

1 November 2022



Program yang dilaksanakan di Kementerian Pembangunan Luar Bandar, Putrajaya ini dihadiri seramai 53 orang peserta yang terdiri daripada Majlis Amanah Rakyat (MARA), Jabatan Kemajuan Masyarakat (KEMAS), Jabatan Kemajuan Orang Asli Malaysia (JAKOA), Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah (RISDA) dan Lembaga Penyatuan dan Pemulihan Tanah Persekutuan (FELCRA BERHAD).

Sesi ceramah tersebut telah disampaikan oleh Puan Munah Abdul Aziz, Konsultan Seksyen Advokasi dan Latihan, IIM.



IIM telah menyampaikan ceramah bertajuk "Pengukuhan Integriti Dalam Memahami Tatacara Pencegahan Rasuah Melalui Sistem Kawalan Dalaman" kepada Malaysian Defence Intelligence Organisation (MDIO)

3 November 2022

Sesi ceramah yang diadakan di Pusat Pengaman Malaysia (PPM) Port Dickson, Negeri Sembilan ini telah dihadiri seramai 15 peserta yang terdiri daripada pegawai dan anggota lain-lain pangkat (LLP) MDIO.







Sesi yang berlangsung selama 4 hari ini merupakan salah satu daripada pengisian bersempena Seminar Pengurusan Integriti Malaysian Defence Intelligence Organisation Siri 2/2022.

Tujuan seminar ini diadakan adalah untuk mendedahkan kepada warga MDIO mengenai tanggungjawab pengurusan integriti dan tadbir urus agar selari dengan kehendak perkhidmatan.

Sesi ceramah telah disampaikan oleh Puan Munah Abdul Aziz, Konsultan Seksyen Advokasi dan Latihan, IIM.

PEMBANGUNAN MODUL SIJIL PROFESIONAL KEPIMPINAN INTEGRITI (SPKI)

Satu perbincangan telah diadakan berkaitan Modul Sijil Profesional Kepimpinan Integriti (SPKI) antara Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dengan Institut Integriti Malaysia (IIM) pada 19 Disember 2022 bertempat di Dewan Murni, IIM. Modul SPKI ini merupakan salah satu produk latihan yang ditawarkan oleh IIM yang mana dijangka akan mula ditawarkan pada Mac 2023 (Kohort Pertama). Dalam sesi perbincangan ini seramai 15 orang pegawai terdiri daripada pensyarah UKM dan pegawai IIM yang dilantik sebagai tenaga pengajar.

Tujuan perbincangan dan perjumpaan ini adalah untuk membincangkan mengenai pengisian pembangunan modul Sijil Profesional Kepimpinan Integriti (SPKI) seperti subjek pembelajaran, kerangka modul. Disamping itu juga, pada kali ini adalah merupakan sesi suai kenal antara pensyarah UKM dan pegawai IIM yang telah dilantik sebagai tenaga pengajar.

Sesi perjumpaan ini telah diketuai oleh Encik Fison Hamdi Ahmad Ketua Seksyen Advokasi dan Latihan dan sesi perbincangan diketuai oleh Prof Madya Dr. Muhammad Hakimi Muhammad Shafiai Timbalan Dekan Fakulti Pengurusan Ekonomi dan Pengurusan, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM).







PROGRAM LATIHAN AWAM MODUL INTEGRITI PENGUAT KUASA (MIP)

IIM telah melaksanakan sesi latihan Modul Integriti Penguat Kuasa (MIP) kepada wakil pengurusan Majlis Perbandaran Kulim (MPKK), Majlis Perbandaran Jempol (MPJL) serta Perbadanan Aset Keretapi (RAC).

Sesi latihan telah diadakan di Bilik Etika, IIM dan telah dihadiri seramai 11 orang peserta yang terdiri daripada pegawai-pegawai penguat kuasa MPKK, MPJL dan Kumpulan Pengurusan dan Profesional serta Pelaksana RAC.







Objektif latihan adalah untuk meningkatkan etika dan integriti pegawai penguat kuasa yang menjurus kepada peningkatan reputasi agensi penguatkuasaan di negara ini serta meningkatkan iltizam pegawai penguat kuasa agar tidak melibatkan diri dalam salah laku integriti.

Sesi latihan telah disampaikan oleh Puan Munah Abdul Aziz, Konsultan Seksyen Advokasi dan Latihan, IIM.

MODUL PENILAIAN RISIKO RASUAH (CRA) UNTUK LATIHAN DALAM PLATFORM EPSA KERJASAMA IIM DAN INTAN

E-Pembelajaran Sektor Awam (EPSA) adalah inisiatif kerajaan Malaysia dan Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN) dalam menggalakkan penggunaan ICT kepada kakitangan awam. Objektif EPSA adalah untuk memastikan era maklumat dalam pembelajaran sepanjang hayat dan secara tidak langsung menambah tuntutan terhadap penjawat awam supaya sentiasa mendapatkan akses kepada pengetahuan secara berterusan.

Pada tahun 2022, IIM telah bekerjasama dengan INTAN sebagai pakar bahan kursus (SME) dalam Pembangunan Bahan Kursus EPSA(R) Projek Digital Government Competency Development (DGCD) Fasa 3 di bawah peruntukan RMK12. IIM telah memilih Modul Penilaian Risiko Rasuah (Corruption Risk Assessment (CRA)) bagi penawaran latihan di platform EPSA pada tahun 2023. Melalui platform ini, ia akan menjadi mekanisme menyebarluaskan imej integriti, etika dan tata kelola terutamanya kepada penjawat awam agar usaha pembudayaan integriti dalam perkhidmatan awam akan dapat dimantapkan lagi.

Sehubungan itu, bengkel pembangunan bahan kursus EPSA telah diadakan pada 19 hingga 20 Oktober 2022 yang bertempat di Hotel Armada, Petaling Jaya. Bengkel yang telah dihadiri seramai 37 orang peserta ini terdiri daripada pegawai INTAN (DGCCR LM IC dan Teknologi IR4.0) dan agensi-agensi kerajaan.







PROGRAM DAN AKTIVITI LIBAT URUS

PROGRAM FLAGSHIP 68
PROGRAM KOLABORASI 71
KUNJUNGAN HORMAT 75
PROGRAM ANTARABANGSA 88
PROGRAM PEMBANGUNAN KOMUNITI 91
PROGRAM DALAMAN IIM 97

PROGRAM FLAGSHIP

Majlis Pelancaran Anugerah Integriti, Governans dan Antirasuah (AIGA 2022)

17 Mei 2022

Anugerah Integriti, Governans dan Antirasuah (AIGA) memberi pengiktirafan dan penghargaan kepada sektor awam serta swasta yang berjaya menzahirkan komitmen dan tanggungjawab dalam memperkuatkan pembudayaan integriti, tadbir urus yang baik serta inisiatif antirasuah dalam organisasi masing-masing.

Majlis Pelancaran AIGA 2022 telah diadakan di Putrajaya dan disempurnakan oleh Tan Sri Dato' Seri Mohd Zuki Ali, Pengerusi IIM merangkap Ketua Setiausaha Negara.





Majlis Pelancaran Manual Latihan Seksyen 17A Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) 2009

24 Jun 2022

Manual Latihan Seksyen 17A Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) 2009 dan Tatacara Mencukupi merupakan komitmen IIM bersama rakan-rakan peneraju yang terdiri daripada SPRM, Suruhanjaya Sekuriti Malaysia (SC), Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM), Institute of Corporate Directors Malaysia (ICDM), Malaysian Institute of Corporate Governance (MICG), Bursa Malaysia, SME Corporation Malaysia (SME Corp. Malaysia), Transparency International Malaysia (TI-M) dan juga agensi kerajaan negeri yang berkaitan.

Majlis pelancaran telah disempurnakan oleh Tan Sri Datuk Dr. Ir. Ahmad Tajuddin Ali, Pengerusi SIRIM Bhd merangkap Ahli Lembaga Pengarah IIM.





Majlis Pelancaran Modul Integriti Penguat Kuasa (MIP)

30 Jun 2022

Modul Integriti Penguat Kuasa (MIP) telah dibangunkan bagi membantu agensi penguatkuasaan meningkatkan kefahaman, penghayatan dan pembudayaan dalam kalangan pegawainya mengenai pemantapan, penerapan dan pengamalan nilai-nilai murni serta tadbir urus yang baik dalam jentera pentadbiran kerajaan.

Majlis pelancaran modul ini telah dirasmikan oleh Dato' Sri Mohd Shafiq Abdullah, Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam merangkap Ahli Lembaga Pengarah IIM.



Majlis Pelancaran Modul Kursus Komprehensif Sistem Integriti Korporat Malaysia (CISM)

14 September 2022

Modul Sistem Integriti Korporat Malaysia (CISM) memfokuskan kepada sektor korporat khususnya dalam kalangan perusahaan mikro, kecil dan sederhana (PMKS). Antara objektif pelaksanaan Modul CISM adalah untuk meningkatkan kefahaman mengenai integriti korporat, memahami dan melaksanakan tujuh (7) inisiatif penting CISM serta memahami kepentingan pematuhan Liabiliti Korporat, Seksyen 17A Akta SPRM 2009.

Majlis Pelancaran Modul CISM telah disempurnakan oleh Dato' Sri Akhbar Satar, Ahli Lembaga Pengarah IIM. Majlis pelancaran tersebut juga telah dihadiri oleh Datuk Wan Suraya Wan Mohd Radzi, Ketua Pegawai Eksekutif IIM dan juga PKPj Kamarulzaman Ahmad, wakil SPRM.





Majlis Pelancaran Bulan Integriti Nasional

1 November 2022

Setiap tahun Hari Integriti Nasional disambut pada 5 November. "Integriti Teras Keluarga Malaysia" telah dipilih sebagai tema sambutan Bulan Integriti Nasional 2022. Tema ini dipilih berdasarkan komitmen IIM sebagai agensi peneraju dalam usaha pemerkasaan dan pembudayaan integriti dan tadbir urus baik di Malaysia.

Tema ini mencakupi amalan menyemai budaya integriti, budaya amanah, prinsip keadilan, dan amalan bermusyawarah dalam membina akhlak mulia seluruh rakyat Malaysia.

Sempena sambutan Bulan Integriti Nasional 2022, IIM dengan kerjasama beberapa pihak termasuk sektor awam dan korporat telah melaksanakan pelbagai program bagi tujuan memantapkan pembudayaan nilai-nilai tadbir urus, integriti dan antirasuah. Antara program sempena sambutan Bulan Integriti adalah penganjuran Forum Perdana Ehwal Islam: Integriti Jambatan Keberkatan yang disiarkan secara langsung menerusi slot rancangan Forum Perdana Ehwal Islam di TV1 pada 3 November 2022, jam 9.00 malam hingga 10.00 malam.

IIM turut terlibat sebagai penceramah jemputan dalam menjayakan sambutan Hari Integriti bagi Kementerian Pembangunan Luar Bandar (KPLB), Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP), Telekom Malaysia (TM) Berhad, Sarawak Economic Development Corporation (SEDC), Malaysian Investment Development Authority (MIDA), Boustead Holdings Berhad dan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP).





PROGRAM KOLABORASI

Persidangan Penyelidikan: Governans, Integriti dan Antirasuah Peringkat Kebangsaan

23-24 Mac 2022

Pada akhir Mac 2022, Pusat Governans, Integriti dan Antirasuah Nasional (GIACC) dengan kerjasama Institut Integriti Malaysia (IIM) telah menganjurkan Persidangan Penyelidikan: Governans, Integriti dan Antirasuah Peringkat Kebangsaan. Persidangan tersebut dianjurkan sebagai platform untuk berkongsi dapatan penyelidikan dalam konteks governans, integriti dan antirasuah.



Forum Perdana Ehwal Islam anjuran Institut Integriti Malaysia (IIM), Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN) dan Bank Islam Malaysia Berhad (BIMB)

3 November 2022

Bersempena dengan sambutan Bulan Integriti, IIM telah menjayakan Forum Perdana Ehwal Islam yang turut disiarkan secara langsung di TV1.

Topik yang telah dibincangkan menyentuh penghayatan nilai integriti mengikut perspektif Islam. Forum perdana ini merupakan anjuran IIM dan Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN). Penganjurannya turut mendapat kerjasama daripada Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), Jabatan Penyiaran Malaysia (RTM) dan Bank Islam Malaysia Berhad (BIMB).



Ahli-ahli panel terdiri daripada Tan Sri Dr. Ismail Haji Ibrahim, Ahli Lembaga Pengarah IIM; Profesor Madya Dato' Dr. Mohd Farid Ravi Abdullah, Rektor Universiti Islam Antarabangsa Selangor; dan Dato' Haji Badli Shah Haji Alauddin, Imam Besar Masjid Negeri Sultan Ahmad 1, Kuantan, Pahang.





Sambutan Bulan Integriti Peringkat Negeri Pahang 2022

30 November 2022

Sambutan Bulan Integriti Peringkat Negeri Pahang 2022 telah diadakan di Kompleks Yayasan Pahang, Kuantan, Pahang. Program sambutan ini telah dihadiri oleh hampir 200 orang peserta yang mewakili jabatan-jabatan dan agensi-agensi di seluruh negeri Pahang termasuk anak-anak syarikat kerajaan negeri Pahang.

Majlis sambutan telah dirasmikan oleh YB Dato' Dr. Mohd Zakaria Ibrahim, Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri Pahang (Pengurusan) yang mewakili Setiausaha Kerajaan Negeri Pahang. Turut bersama dalam majlis sambutan ini juga adalah Datuk Wan Suraya Wan Mohd Radzi , Ketua Pegawai Eksekutif IIM dan Profesor Emeritus Dato' Dr. Ahmad Haji Zainuddin, Naib Canselor Kolej Universiti Yayasan Pahang (UCYP).

Antara pengisian utama dalam sambutan ini adalah Forum Pemerkasaan Integriti bertajuk “Pahang Berintegriti, Masyarakat Sejahtera” yang dibarisi oleh panel-panel jemputan iaitu Tan Sri Mohd. Sidek Hassan, mantan Ketua Setiausaha Negara; Dato’ Sri Akhbar Abdul Satar, Ahli Lembaga Pengarah IIM; dan Puan Nuridzuana Ismail, Ketua Integriti dan Tadbir Urus Maxis Berhad. Forum ini mengupas mengenai isu-isu semasa berkaitan integriti dan peranan yang perlu dimainkan oleh setiap anggota pentadbiran termasuk masyarakat bagi memastikan keutuhan integriti demi mencapai kesejahteraan komuniti khususnya di negeri Pahang.

Selain itu, sesi pertukaran Memorandum Persefahaman (MOU) antara IIM dan UCYP juga telah diadakan. MOU ini merupakan inisiatif kerjasama strategik terbaharu oleh IIM bersama sektor institusi pengajian tinggi bagi bidang kerjasama berkaitan pengukuhan integriti seperti pembangunan kompetensi berteraskan integriti, pertukaran kepakaran, perkongsian pintar, pelaksanaan penyelidikan atau kajian bersama berkaitan integriti, tadbir urus dan antirasuah.





Majlis Dialog Bersama Sekretariat Rakan Integriti Mahasiswa (SRIM), Universiti Malaysia Sabah (UMS)

21 Disember 2022

IIM telah mengadakan sesi dialog bersama dengan Sekretariat Rakan Integriti Mahasiswa Universiti Malaysia Sabah (SRIM UMS) yang diaktifkan semula pada bulan Oktober 2022 bagi mendapatkan pandangan serta bertukar-tukar idea dalam menjalankan program-program integriti berimpak tinggi kepada mahasiswa. Majlis Dialog antara SRIM UMS dan IIM merupakan susulan daripada lawatan Datuk Wan Suraya Wan Mohd Radzi, Ketua Pegawai Eksekutif IIM ke UMS pada 21 Jun 2022.

SRIM UMS juga melahirkan hasrat untuk mengadakan beberapa aktiviti dan program pada tahun 2023 seperti aktiviti berkonsepkan *Corporate Social Responsibility* (CSR), program pengukuhan integriti dalam kalangan pelajar melalui aktiviti kem atau latihan dan sokongan dalam menganjurkan program bertemakan integriti berskala besar serta berimpak tinggi di peringkat UMS.

Sambutan Bulan Integriti Peringkat Universiti Malaysia Sabah (UMS)

22 Disember 2022

Program Sambutan Bulan Integriti Peringkat UMS anjuran Sekretariat Rakan Integriti Mahasiswa (SRIM) UMS diadakan hasil kerjasama dengan pihak IIM.

Antara pengisian majlis sambutan adalah Forum Integriti yang mana ahli panelnya terdiri daripada YBhg. Datuk Haji Abdul Manap Lakariba, Timbalan Mufti Negeri Sabah dan Encik Meor Shahram Faiz Mieor Shariman, Ketua Tim Pembangunan Komuniti, IIM. Selain itu, majlis juga diisi dengan slot Kuiz Integriti serta penyampaian hadiah poster dan video pendek bertemakan integriti kepada pemenang pertandingan yang diadakan sepanjang Sambutan Bulan Integriti Peringkat UMS.

Majlis penutupan Sambutan Bulan Integriti Peringkat Universiti Malaysia Sabah (UMS) telah diadakan di Dewan Majlis, Canselori UMS. Majlis telah dirasmikan oleh Prof. Madya Dr. Raman Noordin, Timbalan Naib Canselor, Hal Ehwal Pelajar dan Alumni.







KUNJUNGAN HORMAT

Sepanjang tahun 2022, Datuk Wan Suraya Wan Mohd Radzi, Ketua Pegawai Eksekutif IIM telah mengadakan kunjungan hormat ke atas pelbagai agensi kerajaan dan juga korporat. Selain itu, beliau juga telah menerima kunjungan hormat daripada pelbagai wakil agensi tempatan dan juga antarabangsa. Antaranya adalah daripada Malaysian Community Care Foundation (MCCF), Persatuan Pengamal Sistem Pengurusan Anti-rasuah Malaysia (ABMS-MY) dan juga Suruhanjaya Tinggi Australia (Australian High Commission). Tujuan kunjungan-kunjungan hormat ini adalah bagi membincangkan perancangan untuk menjalinkan kerjasama strategik khususnya dalam pemantapan integriti, governans dan penyelidikan.

Senarai Kunjungan Hormat 2022

Bil	Tarikh	Agensi / Jabatan	Tajuk / Lawatan
1	16.3.2022	Unit Integriti dan Ombudsman Sarawak (UNION), Jabatan Ketua Menteri Sarawak	Menerima kunjungan hormat dari YB Dato' Murshid DiRaja Dr. Juanda Jaya, Timbalan Menteri (Integriti dan Ombudsman) di Jabatan Premier Sarawak
2	21.3.2022	Institut Tadbir Urus Korporat Malaysia (MICG)	Menerima kunjungan hormat dari Puan Roshni Jayantilal, Ketua Pegawai Eksekutif, MICG
3	22.3.2022	Pusat Governans, Integriti & Antirasuah Nasional (GIACC)	Menerima kunjungan hormat dari Datuk Seri Mohd Sallehhuddin bin Hassan, Ketua Pengarah, GIACC
4	24.3.2022	Lembaga Pemegang Amanah Yayasan Perpaduan Malaysia	Menerima kunjungan hormat daripada Prof. Dr. Suresh Govind, Pengerusi Lembaga Pemegang Amanah Yayasan Perpaduan Malaysia
5	29.3.2022	Pejabat Ketua Setiausaha Negara	Kunjungan hormat ke atas Tan Sri Dato' Seri Mohd Zuki bin Ali, Ketua Setiausaha Negara yang juga merangkap Pengerusi IIM
6	12.4.2022	Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT)	Kunjungan hormat ke atas Datuk M Noor Azman bin Taib, Ketua Setiausaha KPKT
7	13.4.2022	Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)	Menerima kunjungan hormat daripada Prof Madya Dr. Muhammad Hakimi Mohd Shafiai, Timbalan Dekan Jaringan dan Alumni Fakulti Ekonomi dan Pengurusan, UKM

Bil	Tarikh	Agensi / Jabatan	Tajuk / Lawatan
8	15.4.2022	Pertubuhan Naratif Malaysia (NARATIF)	Menerima kunjungan hormat dari Dr. Muhamad Azwan Abd Rahman, Pengerusi NARATIF
9	22.4.2022	Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA)	Kunjungan hormat ke atas Datuk Seri Mohd Syafiq Abdullah, Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam (KPPA)
10	22.4.2022	Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA)	Menerima lawatan kerja daripada Dato' Zainal Azman bin Abu Seman, Timbalan Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam (Operasi), JPA
11	26.4.2022	Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN)	Kunjungan hormat ke atas Datuk Dr. Alauddin bin Sidal, Pengarah INTAN
12	11.5.2022	Razak School of Government (RSOG)	Kunjungan hormat ke atas Dr. Mohamad Kamal Harun, Ketua Pegawai Eksekutif, RSOG
13	24.5.2022	Perbadanan Harta Intelek (MyIPO)	Menerima kunjungan hormat dari Tuan Abdul Haris Bin Haji Lakar, Ketua Pengarah, MyIPO
14	26.5.2022	Institut Pendidikan Guru, Kampus Raja Melewar Kementerian Pendidikan Malaysia	Menerima kunjungan hormat daripada Dr. Mazlan bin Aris, Pengarah IPG Raja Melewar
15	29.5.2022	Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang	Kunjungan hormat ke atas YB Dato' Dr. Ahmad Jailani bin Mohammed Yunus, Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang
16	29.5.2022	Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara (NCIA)	Kunjungan hormat ke atas Ketua Eksekutif NCIA, Encik Mohamad Haris Kader Sultan
17	29.5.2022	Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Johor	Kunjungan hormat ke atas Puan Hajah Shubanah Binti Yusuf, Timbalan SUK Johor (Bahagian Pemantauan dan Kesejahteraan Rakyat)
18	30.5.2022	Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan (EAIC)	Kunjungan hormat ke atas Tan Sri Mohd. Sidek Hj. Hassan, Pengerusi EAIC

Bil	Tarikh	Agensi / Jabatan	Tajuk / Lawatan
19	8.6.2022	Malaysian Community Care Foundation (MCCF)	Menerima kunjungan hormat daripada Dato' Seri Haji Halim Haji Ishak, Pengerusi MCCF
20	13.6.2022	Pesuruhjaya, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)	Kunjungan hormat ke atas Tan Sri Dato' Sri Haji Azam bin Baki, Ketua Pesuruhjaya, SPRM
21	14.6.2022	Pejabat Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri Sarawak	Kunjungan hormat ke atas Datu Dr. Sabariah Putit, Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri Sarawak
22	14.6.2022	Pejabat Setiausaha Persekutuan Sarawak, Jabatan Perdana Menteri	Kunjungan hormat ke atas Dato' Amir bin Umar, Setiausaha Persekutuan Sarawak pada 14 Jun 2022
23	14.6.2022	Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS)	Kunjungan hormat ke atas Prof Dr. Rusli Ahmad, Penasihat kepada Kelab Rakan Integriti Mahasiswa (RIM), UNIMAS
24	15.6.2022	Unit Integriti dan Ombudsman Negeri (UNION), Jabatan Premier Sarawak	Kunjungan hormat ke atas YB Dato' Murshid DiRaja Dr. Juanda Jaya, Timbalan Menteri (Integriti dan Ombudsman) di Jabatan Premier Sarawak
25	15.6.2022	Dewan Bandaraya Kuching Utara (DBKU)	Kunjungan hormat ke atas Datu Haji Junaidi Haji Reduan, Datuk Bandar Kuching Utara
26	17.6.2022	Yayasan Pahang	Sesi libat urus bersama Dato' Mahmud b. Mohd Nawawi, Ketua Pegawai Eksekutif, Yayasan Pahang
27	21.6.2022	Jabatan Hal Ehwal Murid (HEP), Universiti Malaysia Sabah (UMS)	Kunjungan hormat ke atas Puan Nurhani binti Sugianto, Timbalan Pendaftar, HEP, UMS
28	22.6.2022	SME Corporation Malaysia (SME Corp.)	Kunjungan hormat ke atas Ketua Pegawai Eksekutif, SME Corp., Encik Rizal Nainy
29	23.6.2022	KOR Agama Angkatan Tentera (KAGAT)	Menerima kunjungan hormat daripada Ketua Pengarah KAGAT, Mej Jen Hj Mohd Rashidi Bin Bujai
30	24.6.2022	Malaysian Alliance of Corporate Directors (MACD)	Menerima kunjungan hormat daripada Adj. Prof. Paul W Chan, Presiden, MACD

Bil	Tarikh	Agensi / Jabatan	Tajuk / Lawatan
31	29.6.2022	Perbadanan Kemajuan Negeri Perak (PKNP)	Kunjungan hormat ke atas Datuk Redza Rafiq Abdul Razak, Pegawai Eksekutif, PKNP
32	15.7.2022	Persatuan Pengamal Sistem Pengurusan Anti-rasuah Malaysia (ABMS-MY)	Menerima kunjungan hormat yang diketuai oleh Datuk Fadilah Baharin, Penasihat ABMS-MY
33	21.7.2022	BURSA Malaysia Berhad	Kunjungan hormat ke atas Tan Sri Abdul Wahid Omar, Pengerusi BURSA Malaysia Berhad
34	4.8.2022	Fakulti Ekonomi dan Pengurusan, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)	Menerima kunjungan hormat dari Prof Madya Dr. Muhammad Hakimi Mohd Shafiai, Timbalan Dekan (Jaringan dan Alumni), Fakulti Ekonomi dan Pengurusan, UKM
35	18.8.2022	Aeon Co.(M) Bhd.	Menerima kunjungan hormat daripada Ketua Pegawai Usaha Niaga dan Kelestarian, Aeon Co.(M) Bhd., Encik Azli Mohamed
36	29.8.2022	Telekom Malaysia	Menerima kunjungan hormat daripada Tuan Haji Abd Razak Deraof, Ketua Pegawai Integriti dan Tadbir Urus, Telekom Malaysia Berhad
37	1.9.2022	Unit Peneraju Agenda Bumiputera (TERAJU)	Kunjungan hormat ke atas Dato' Md Silmi Abd Rahman, Ketua Pegawai Eksekutif (KPE) TERAJU
38	1.9.2022	Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia (FINAS)	Lawatan kerja ke atas YB Senator Datuk Seri Zurainah Musa, Pengerusi Perbadanan Kemajuan FINAS
39	2.9.2022	Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perlis	Lawatan kerja ke atas YB Datuk Seri Hj. Hasnol Zam Zam bin Hj. Ahmad, Setiausaha Kerajaan Negeri Perlis
40	8.9.2022	Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM)	Kunjungan hormat ke atas Datuk Hajjah Hakimah Mohd Yusoff, Ketua Pengarah JAKIM
41	14.9.2022	NIOSH Certification Sdn. Bhd.	Menerima kunjungan hormat daripada Encik Syamsul Zahrin Zainudin, Ketua Pegawai Eksekutif, NIOSH Certification Sdn. Bhd.

Bil	Tarikh	Agensi / Jabatan	Tajuk / Lawatan
42	15.9.2022	Yayasan Melaka	Kunjungan hormat ke atas Datuk Yusof Jantan, Pengurus Besar Yayasan Melaka
43	20.9.2022	Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM)	Lawatan kerja ke atas Dato' Haji Zazali bin Haron, Pengerusi Eksekutif SKM
44	21.9.2022	Pesuruhjaya Tinggi Australia ke Malaysia	Menerima kunjungan hormat oleh Ms Hannah Birdsey, Timbalan Pesuruhjaya Tinggi Australia ke Malaysia dan Mr Luke McGreevy, Setiausaha Kedua (Politik dan Ekonomi)
45	26.9.2022	Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (ANGKASA)	Lawatan kerja ke atas Datuk Seri Dr. Abdul Fattah bin Haji Abdullah, Presiden ANGKASA
46	29.9.2022	Universiti Kolej Yayasan Pahang (UCYP)	Menerima kunjungan hormat dari Professor Emeritus Dato' Dr. Ahmad Haji Zainuddin, Naib Canselor, UCYP
47	29.9.2022	Kumpulan penyelidik dari Universiti Teknologi MARA (UiTM), Kolej Universiti Poly-Tech MARA (KUPTM) dan Universiti Sains Malaysia (USM)	Menerima kunjungan hormat yang diketuai oleh Prof. Dr. Jamaliah Said, Pengarah Institut Penyelidikan Perakaunan (ARI), UiTM
48	4.10.2022	Yayasan Pahang	Lawatan kerja ke atas Dato' Mahmud Mohd Nawawi, Ketua Pegawai Eksekutif Yayasan Pahang
49	18.10.2022	Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM)	Menerima kunjungan hormat yang diketuai oleh Encik Amran Abd Kadir, Naib Pengerusi Eksekutif (Pengurusan) SKM
50	27.10.2022	Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA)	Kunjungan hormat ke atas Tan Sri Dato' Sri Dr. Sulaiman Mahbob, Pengerusi MIDA
51	9.11.2022	Pusat Kerjasama Universiti Industri (CUIC) Universiti Utara Malaysia (UUM)	Menerima lawatan kerja daripada Prof. Madya Dr. Siti Zubaidah binti Othman, Pengarah Jaringan Industri, CUIC, UUM
52	11.11.2022	Majlis Bandaraya Miri (MBM)	Kunjungan hormat ke atas Datuk Bandar Miri, YB Adam Yi Siew Sang

Bil	Tarikh	Agensi / Jabatan	Tajuk / Lawatan
53	11.11.2022	Lembaga Pelabuhan Miri	Lawatan kerja bersama pihak Lembaga Pelabuhan Miri yang diwakili oleh Encik Douglas Fook
54	24.11.2022	Kedutaan Malaysia di Bangkok, Thailand	Kunjungan hormat ke atas Duta Besar Malaysia ke Thailand, Datuk Jojie Samuel
55	8.12.2022	Pejabat Timbalan Ketua Setiausaha Kanan (TKSUK), Jabatan Perdana Menteri (JPM)	Kunjungan hormat ke pejabat Dato' Sollehuddin Alyubi bin Zakaria, TKSUK, JPM
56	13.12.2022	Unit Integriti Dan Ombudsman Sarawak (UNIONS), Pejabat Premier Sarawak	Menerima kunjungan hormat yang diketuai oleh Tuan Haji Adana bin Haji Jed, Pengarah UNIONS
57	15.12.2022	UMW Holdings Berhad	Kunjungan hormat ke pejabat Dato' Ahmad Fuaad Kenali, President & Group CEO, UMW Holdings Berhad
58	22.12.2022	Transparency International (TI) Cambodia dan Action AID Cambodia	Menerima kunjungan hormat daripada wakil TI-Cambodia, Ms Yang Leaphea dan rombongan "Young Leadership Programme (YLP) 2022"

Galeri Kunjungan Hormat

1

16 Mac 2022





2

21 Mac 2022



3

22 Mac 2022



4

24 Mac 2022



5

29 Mac 2022



6

12 April 2022



7

13 April 2022



8

15 April 2022



9

22 April 2022



10

22 April 2022



11

26 April 2022



12

11 Mei 2022



13

26 Mei 2022





14

26 Mei 2022





15

29 Mei 2022



16

29 Mei 2022



17

29 Mei 2022



18

30 Mei 2022



19

8 Jun 2022



20

13 Jun 2022



21

14 Jun 2022



22

14 jun 2022



23

14 Jun 2022



24

15 Jun 2022



25 15 Jun 2022



26 17 Jun 2022



27 21 Jun 2022



28 22 Jun 2022



29 23 Jun 2022



30 24 Jun 2022



31 24 Jun 2022



32 15 Julai 2022



33 21 Julai 2022



34 4 Ogos 2022



35 18 Ogos 2022



36 29 Ogos 2022



37 1 September 2022



38 2 September 2022



39 2 September 2022




40 8 September 2022



41 14 September 2022



42 20 September 2022



43 20 September 2022



44 21 September 2022



45 26 September 2022



46 8 September 2022



47 14 September 2022



48 4 Oktober 2022



49 18 Oktober 2022



50 27 Oktober 2022



51 9 November 2022



52 11 November 2022



53

11 November 2022



54

24 November 2022



55

8 Disember 2022



56

24 November 2022



57

15 Disember 2022



58

22 Disember 2022



PROGRAM ANTARABANGSA

"2022 Regional Alumni Conference – Asia" anjuran International Anti-Corruption Academy (IACA)

25 November 2022

Datuk Wan Suraya Wan Mohd Radzi telah menerima jemputan daripada International Anti-Corruption Academy (IACA) sebagai penceramah dalam program "2022 Regional Alumni Conference- Asia" pada 25 November 2022 bertempat di Kuala Lumpur.

Program yang dihadiri oleh alumni IACA dari Malaysia, Indonesia, Filipina, India, Hong Kong, Jerman, Afghanistan, Bangladesh, Mongolia, Nepal dan Pakistan adalah bertujuan memberikan pendedahan serta perkongsian tentang inisiatif integriti, tadbir urus dan anti-rasuah.

Datuk Wan Suraya telah membentangkan kertas bertajuk "Managing and Promoting Organisational Integrity: Integrity as a Governing Ethic" serta berkongsi tentang peranan serta pengalaman IIM sebagai peneraju inisiatif penerapan dan pemantapan integriti dan tadbir urus di Malaysia. Ini termasuklah program Pembangunan Integriti Bersama Komuniti (CIB IIM), program-program latihan, konsultasi, penilaian dan juga modul-modul integriti yang telah dibangunkan oleh IIM untuk sektor awam dan korporat.

▶ Datuk Wan Suraya bersama-sama delegasi Regional Alumni Conference - Asia, IACA



▶ Pembentangan oleh Datuk Wan Suraya di Regional Alumni Conference – Asia, IACA



Program "Upscaling and Sustaining a Fair Business Environment in ASEAN," anjuran UNDP Bangkok, Thailand

24 November 2022

Datuk Wan Suraya Wan Mohd Radzi telah memenuhi jemputan daripada United Nations Development Programm (UNDP) Bangkok, Thailand sebagai ahli panel dalam program "Upscaling and Sustaining a Fair Business Environment in ASEAN", pada 24 November 2022 di Bangkok, Thailand.

Datuk Wan Suraya telah membincangkan tajuk "Strengthening Capacity in Government Institutions" dalam sesi panel tersebut. Datuk Wan Suraya juga telah mengadakan pertemuan dengan Pengurus Program Fairbiz, UNDP Bangkok, Mr. Darko Pavlovic.

Selain itu, IIM juga berhasrat menjalin kerjasama lebih erat dengan pihak UNDP khususnya dalam program-program usahasama seperti penyelidikan dan penerbitan di dalam bidang integriti dan tadbir urus.

Perbincangan menjurus kepada peranan dan ruang kerjasama di antara IIM dan pihak UNDP dalam melaksanakan inisiatif penerapan dan pemantapan integriti dan tadbir urus serta "benchmarking" di peringkat serantau dan antarabangsa.

▶ Perjumpaan Datuk Wan Suraya dengan Mr. Darko Pavlovic, wakil UNDP di Bangkok, Thailand



PROGRAM PEMBANGUNAN KOMUNITI

Program Rintis Pembangunan Integriti Bersama Komuniti di empat (4) pihak Berkuasa tempatan di Sarawak

IIM telah membangunkan satu (1) pendekatan baharu dikenali sebagai Pembangunan Integriti Bersama Komuniti atau *Community Integrity Building* (CIB IIM). Program rintis ini telah dilaksanakan di Sarawak dengan kerjasama Unit Integriti Dan Ombudsman Sarawak (UNIONS). Program Rintis CIB IIM di negeri Sarawak dilihat berupaya memberi impak positif kepada komuniti setempat khususnya dalam memperkukuhkan kecekapan penyampaian perkhidmatan awam, memperkasakan sistem pemantauan yang lebih inklusif dalam aspek integriti dan tadbir urus dalam komuniti serta memperbaiki kualiti hidup masyarakat.

Pelaksanaan Program Rintis di Sarawak dimulakan dengan penglibatan empat (4) Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) iaitu Dewan Bandaraya Kuching Utara (DBKU), Majlis Perbandaran Sibu (MPS), Majlis Daerah Limbang (MDL) dan Majlis Daerah Matu Dan Daro (MDMD). Terdapat lima (5) fasa pelaksanaan program CIB IIM ini iaitu Fasa Kepekaan Konteks, Fasa Pembelajaran Bersepadu, Fasa Pengesahan dan Analisa, Fasa Penglibatan Membina dan yang terakhir adalah Fasa Melengkapkan Kitaran. Pelaksanaan Program Rintis CIB IIM di Sarawak telah bermula sejak bulan Julai 2022 sehingga November 2022.

Berikut adalah aktiviti-aktiviti sepanjang pelaksanaan Program Rintis CIB IIM di Sarawak:

Bil	Acara	Tempat	Tarikh
1.	Kunjungan Hormat UNIONS ke IIM yang diketuai oleh YB Dato' Murshid DiRaja Dr. Juanda Jaya, Timbalan Menteri (Integriti dan Ombudsman) di Jabatan Premier Sarawak	IIM	16 Mac 2022
2.	Kunjungan Balas dan Sesi Libat Urus Program CIB IIM ke UNIONS oleh Datuk Wan Suraya Wan Mohd Radzi	UNIONS, Kuching, Sarawak	15 Jun 2022
3.	Majlis Pelancaran Program Rintis CIB IIM yang disempurnakan oleh YB Datuk Amar Haji Awang Tengah Ali Hassan, Timbalan Premier Sarawak serta disaksikan oleh YB Dato' Murshid DiRaja Dr. Juanda Jaya dan Datuk Wan Suraya Wan Mohd Radzi	Dewan Masyarakat Sundar, Lawas, Sarawak	3 Julai 2022
4.	Taklimat Pengenalan Program Pembangunan Integriti Bersama Komuniti (CIB IIM) kepada PBT yang menyertai Program Rintis CIB IIM iaitu DBKU, MDL, MPS dan MDMD	Hotel Seri Malaysia, Lawas, Sarawak	3 Julai 2022

Bil	Acara	Tempat	Tarikh
5.	Mengadakan Pameran CIB IIM Semasa Program Jelajah Integriti Kerajaan Negeri Sarawak dan mengikuti Kunjungan Hormat YB Dato' Murshid DiRaja Dr. Juanda Jaya, Timbalan Menteri (Integriti dan Ombudsman) di Jabatan Premier Sarawak ke MPS	Hotel Kingwood, Sibu, Sarawak Pejabat Majlis Perbandaran Sibu (MPS), Wisma Sanyan, Sibu, Sarawak	27 Julai 2022
6.	Taklimat Fasa Pertama Program CIB IIM iaitu Kepekaan Konteks kepada para pegawai PBT yang bertanggungjawab dalam pelaksanaan Program Rintis CIB IIM	Pejabat Majlis Perbandaran Sibu (MPS), Wisma Sanyan, Sibu, Sarawak	28 Julai 2022
7.	Pelantikan tiga (3) Pegawai Penyelaras Program Rintis CIB IIM di Sarawak	MPS, DBKU dan MDL	1 Ogos 2022
8.	Taklimat CIB IIM Kepada Kementerian Kesihatan Awam, Perumahan dan Kerajaan Tempatan Negeri Sarawak (MPHLG)	MPHLG, Kuching, Sarawak	12 Ogos 2022
9.	Bengkel Latihan (ToT) Joint Working Group (JWG) (Pemantau Komuniti, Kontraktor dan Pegawai Awam) I. MPS II. MDL III. DBKU IV. MDMD	 Wisma Sanyan, Sibu Sarawak Bangunan Limbang Plaza, Limbang, Sarawak Dewan Alamanda, Majma' Mall, Kuching Sarawak Bilik Mesyuarat, Majlis Daerah Matu Dan Daro	 8 Ogos 2022 10 Ogos 2022 12 Ogos 2022 17 Ogos 2022
10.	Pemantauan Aduan dan Kadar Penyelesaian (Fix-Rate) Program CIB IIM di empat (4) PBT Sarawak	DBKU, MPS, MDL & MDMD	18 Ogos – 18 November 2022
11.	Mesyuarat Penglibatan Membina bersama Joint Working Group (JWG) secara atas talian atau bersemuka	DBKU, MPS, MDL & MDMD	Dua (2) kali Sebulan

Bil	Acara	Tempat	Tarikh
12.	Program Kesedaran CIB IIM Bersama Komuniti I. MDL	Dewan Terbuka, Batu Biah, Limbang, Sarawak	25 September 2022
	II. MDMD	Dewan Serbaguna Pekan Matu, Matu, Sarawak	1 Oktober 2022
	III. MPS	Dewan Perpustakaan Awam Sibu, Sarawak	2 Oktober 2022
	IV. DBKU	Dewan Serbaguna Bandar Baru Samariang, Kuching, Sarawak	15 Oktober 2022
13.	Kajian Persepsi Integriti dan Kepercayaan Awam	DBKU, MPS, MDL & MDMD	1 - 30 Oktober 2022
14.	Pembangunan Laporan Akhir Pelaksanaan Program Rintis CIB IIM		20 – 30 November 2022
15.	Pembentangan Laporan Akhir Program Rintis CIB IIM di hadapan Timbalan Menteri (Integriti dan Ombudsman), YB Dato' Murshid DiRaja Dr. Juanda Jaya oleh Datuk Wan Suraya Wan Mohd Radzi	UNIONS, Kuching, Sarawak	2 Disember 2022
16.	Pembentangan Hasil Dapatan Kajian Persepsi Integriti dan Kepercayaan Awam dan Hala Tuju Kerjasama IIM dan UNIONS	IIM	16 Disember 2022

Majlis Pelancaran Program Rintis CIB IIM

3 Julai 2022

Majlis Pelancaran Program Rintis CIB IIM yang berlangsung di Dewan Masyarakat Sundar, Lawas, Sarawak telah disempurnakan oleh YB Datuk Amar Haji Awang Tengah Ali Hassan, Timbalan Premier Sarawak serta disaksikan oleh YB Dato' Henry Sum Agong, Timbalan Menteri Pengangkutan Malaysia merangkap Ahli Parlimen Lawas, YB Dato' Murshid DiRaja Dr. Juanda Jaya, Timbalan Menteri (Integriti dan Ombudsman) dan Datuk Wan Suraya Wan Mohd Radzi.

Program ini telah dilaksanakan mulai Julai sehingga November 2022 bersama dengan pihak UNIONS, di mana gerak kerja pelaksanaannya dilaksanakan di empat (4) residensi terpilih di Sarawak menerusi Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) iaitu Dewan Bandaraya Kuching Utara (DBKU), Majlis Perbandaran Sibu (MPS), Majlis Daerah Limbang (MDL) dan Majlis Matu dan Daro (MDMD).





Bengkel Latihan (ToT) *Joint Working Group* (JWG)

8-17 Ogos 2022

Pada dasarnya, kejayaan program rintis ini bergantung pada satu (1) bentuk interaksi yang berkesan di antara komuniti setempat, pihak berkuasa tempatan dan penyelia syarikat kontraktor. Kumpulan JWG ini adalah gabungan komuniti antara Jawatankuasa Pemantau, Kontraktor dan PBT. Kumpulan JWG juga terdiri daripada Ahli Majlis atau Kaunselor di MDL dan MDMD.

Pasukan JWG telah diberi latihan kemahiran pemantauan seperti menganalisis dokumen program, membuat perbandingan program sebenar terhadap dokumen dengan bukti pengambilan gambar, menjalankan kaji selidik maklumat kontraktor, mengesahkan dapatan yang dikumpulkan oleh pasukan komuniti untuk menyokong penyelesaian masalah.

- Latihan ToT bersama JWG Majlis Perbandaran Sibu (MPS) pada 8 Ogos 2022 bertempat di Wisma Saiyan MPS, Sibu.



- Latihan ToT bersama JWG Majlis Daerah Limbang (MDL) pada 10 Ogos 2022 bertempat di Pejabat MDL, Bangunan Limbang Plaza, Limbang, Sarawak.



- Latihan ToT bersama JWG Dewan Bandaraya Kuching Utara (DBKU) pada 12 Ogos 2022 Dewan Alamanda, Majma' Mall, Kuching Sarawak



- Latihan ToT bersama JWG Majlis Daerah Matu dan Daro (MDMD) pada 17 Ogos 2022 bertempat di Pejabat Majlis Daerah Matu dan Daro (MDMD), Matu, Sarawak





Majlis Pelancaran Program Kesedaran Pembangunan Integriti Bersama Komuniti (CIB IIM) di empat (4) PBT di Sarawak

15 Oktober 2022

Majlis Pelancaran Program Kesedaran Pembangunan Integriti Bersama Komuniti (CIB IIM) peringkat Dewan Bandaraya Kuching Utara (DBKU) telah disempurnakan oleh YB Dato' Murshid DiRaja Dr. Juanda Jaya, Timbalan Menteri (Integriti dan Ombudsman) di Jabatan Premier Sarawak serta disaksikan oleh Datuk Wan Suraya Wan Mohd Radzi, Ketua Pegawai Eksekutif IIM dan Datu Haji Junaidi Haji Reduan, Datuk Bandar Kuching Utara. Tujuan program CIB IIM ini dilaksanakan adalah sebagai usaha meningkatkan kesedaran masyarakat dari segi tanggungjawab, pengetahuan dan sikap ambil peduli dengan isu-isu di kawasan perumahan setempat.



- Majlis Pelancaran Program Kesedaran CIB IIM Bersama Komuniti di DBKU pada 15 Oktober 2022 bertempat di Dewan Serbaguna Bandar Baru Samariang, Kuching, Sarawak.





- Majlis Pelancaran Program Kesedaran CIB IIM Bersama Komuniti di MDMD pada 1 Oktober 2022 bertempat di Dewan Serbaguna Pekan Matu, Matu, Sarawak.





- Majlis Pelancaran Program Kesedaran CIB IIM Bersama Komuniti di MPS pada 2 Oktober 2022 bertempat di Dewan Perpustakaan Awam, Sibu, Sarawak.



- Majlis Pelancaran Program Kesedaran CIB IIM Bersama Komuniti di MDL pada 25 September 2022 bertempat di Dewan Terbuka, Batu Biah, Limbang, Sarawak.



Pembentangan Laporan Akhir Program Rintis CIB IIM

2 Disember 2022

Pembentangan laporan akhir telah dibentangkan di hadapan Timbalan Menteri (Integriti dan Ombudsman), YB Dato' Murshid DiRaja Dr. Juanda Jaya dan wakil-wakil daripada pihak UNIONS, DBKU, MPS, MDL dan MDMD. Pembentangan merangkumi laporan pelaksanaan program, hasil dapatan, penemuan dan hala tuju program CIB IIM.

- Pembentangan Laporan Akhir Pelaksanaan CIB IIM pada 2 Disember 2022 bertempat di Pejabat UNIONS, Kuching, Sarawak





PROGRAM DALAMAN IIM

Majlis Pelancaran Sambutan Bulan Kemerdekaan Peringkat IIM

12 Ogos 2022

Majlis Pelancaran Sambutan Bulan Kemerdekaan Peringkat IIM telah disempurnakan oleh Datuk Wan Suraya Wan Mohd Radzi, Ketua Pegawai Eksekutif IIM.







Sambutan Hari Sukan Negara Institut Integriti Malaysia (IIM)

7 Oktober 2022

Bersempena dengan Sambutan Hari Sukan Negara, pelbagai aktiviti menarik telah diadakan di IIM antaranya adalah Explorace@IIM dan Senaman Zumba.





Majlis Iftar Perdana dan Khatam Al-Quran

22 April 2022

Majlis ini diadakan untuk meraikan anak-anak yatim dari Pusat Jagaan Titian Kaseh. Majlis juga turut dihadiri oleh semua warga kerja IIM bersama ahli keluarga masing-masing.

Majlis dimeriahkan dengan penyampaian sumbangan duit raya Aidilfitri kepada anak-anak yatim dan anak-anak warga kerja IIM yang disampaikan oleh Datuk Wan Suraya Wan Radzi, Ketua Pegawai Eksekutif IIM. Majlis diakhiri dengan solat Tarawih dan Jamuan moreh.





Ihya' Ramadan 1443H

22 April 2022

Program ini melibatkan gotong royong semua warga kerja IIM. Selain untuk edaran dalaman, bubur lambuk ini juga telah dibekalkan kepada Masjid ISTAC, Hospital PUSRAWI dan juga Ahli Mesyuarat RTD CISM.







Majlis Apresiasi IIM

16 Disember 2022

Majlis Apresiasi IIM telah diadakan bagi menghargai sumbangan seluruh warga IIM sepanjang tahun 2022.





LAPORAN PENGARAH & PENYATA KEWANGAN DIAUDIT

31 DISEMBER 2022

MAKLUMAT KORPORAT	100
LAPORAN PARA PENGARAH	101 - 104
KENYATAAN PARA PENGARAH	105
AKUAN BERKANUN	105
LAPORAN JURUAUDIT BEBAS	106 - 108
PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN	109
PENYATA PENDAPATAN KOMPREHENSIF	110
PENYATA PERUBAHAN DALAM EKUITI	111
PENYATA ALIRAN TUNAI	112 - 113
NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN	114 - 135

MAKLUMAT KORPORAT

PARA PENGARAH	:	TAN SRI DATO' SERI MOHD ZUKI BIN ALI TAN SRI DATUK DR. IR. AHMAD TAJUDDIN BIN ALI DATUK WAN SAIFULRUDDIN BIN WAN JAN DATO' YEOW WAH CHIN DATO' SRI AKHBAR BIN ABDUL SATA @ SATAR MOHD SALIHIN BIN OTHMAN DATUK SERI SOLLEHUDDIN ALYUBI BIN ZAKARIA
SETIAUSAHA SYARIKAT	:	NORLIANA BINTI ALI AKBAR (MIA 3190/PC NO: 201908002937)
PEJABAT BERDAFTAR	:	MENARA INTEGRITI PERSIARAN TUANKU SYED SIRAJUDDIN OFF JALAN TUANKU ABDUL HALIM 50480 KUALA LUMPUR
TEMPAT PERNIAGAAN UTAMA	:	MENARA INTEGRITI PERSIARAN TUANKU SYED SIRAJUDDIN OFF JALAN TUANKU ABDUL HALIM 50480 KUALA LUMPUR
JURUAUDIT		AL JAFREE SALIHIN KUZAIMI PLT 201506002872 (LLP0006652-LCA) & AF 1522 AKAUNTAN BERTAULIAH NO. 555, JALAN SAMUDRA UTARA 1 TAMAN SAMUDRA 68100 BATU CAVES SELANGOR DARUL EHSAN

LAPORAN PARA PENGARAH

Para pengarah dengan sukacitanya membentangkan laporan mereka beserta dengan penyata kewangan Institut yang telah diaudit bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2022.

AKTIVITI UTAMA

Aktiviti utama Institut adalah untuk melaksanakan strategi, kempen dan program untuk menepati aspirasi kebangsaan, objektif dan matlamat berkaitan dengan integriti, anti-rasuah dan tadbir urus baik.

Tiada perubahan ketara berlaku kepada aktiviti utama Institut dalam tahun kewangan.

KEPUTUSAN KEWANGAN

	RM
Lebihan bagi tahun kewangan	709,679

Pada pendapat para pengarah, keputusan operasi Institut bagi tahun kewangan tidak terjejas dengan ketara oleh sebarang perkara, urusniaga atau peristiwa penting dan berbentuk luarbiasa.

RIZAB DAN PERUNTUKAN

Tiada sebarang pindahan penting kepada atau daripada rizab atau peruntukan seperti yang didedahkan dalam penyata kewangan.

DIVIDEN

Merujuk kepada Seksyen 45(2)(b), Akta Syarikat 2016, sesebuah syarikat berhad berasaskan jaminan yang ditubuhkan dengan tujuan memberikan perkhidmatan kepada masyarakat adalah dilarang untuk membayar sebarang dividen kepada ahli-ahlinya.

LAPORAN PARA PENGARAH (SAMB.)

PARA PENGARAH

Para Pengarah yang berkhidmat semenjak tarikh laporan yang lepas sehingga tarikh laporan ini ialah:

Tan Sri Dato' Seri Mohd Zuki Bin Ali	
Tan Sri Datuk Dr. Ir. Ahmad Tajuddin Bin Ali	
Datuk Wan Saifulruddin Bin Wan Jan	
Dato' Yeow Wah Chin	
Dato' Sri Akhbar Bin Abdul Sata @ Satar	
Mohd Salihin Bin Othman	(Dilantik pada 4 Julai 2022)
Datuk Seri Sollehuddin Alyubi Bin Zakaria	(Meletakkan jawatan pada 24 Mei 2022/ Dilantik pada 13 Februari 2023)
Sureson A/L Krisnasamy	(Meletakkan jawatan pada 13 Jun 2022)
Datuk Seri Mohd Sallehhuddin Bin Hassan	(Meletakkan jawatan pada 26 Jun 2022)
Dato' Sri Mohd Shafiq Bin Abdullah	(Dilantik pada 16 Jun 2022/ Meletakkan jawatan pada 12 Disember 2022)
Tan Sri Dr. Ismail Bin Haji Ibrahim	(Meletakkan jawatan pada 5 Mac 2023)

MANFAAT PARA PENGARAH

Sama ada pada akhir tahun kewangan, mahupun pada bila-bila masa sepanjang tahun tersebut, tidak wujud sebarang pengaturan di mana Institut menjadi pihak di mana para pengarah Institut mendapat manfaat melalui perolehan saham atau debentur Institut atau sebarang badan korporat lain.

Sejak akhir tahun kewangan yang lalu, tiada pengarah yang telah menerima atau berhak menerima manfaat (selain daripada manfaat yang termasuk dalam jumlah agregat emolumen yang diterima atau akan diterima oleh para pengarah yang dinyatakan dalam penyata kewangan atau gaji tetap seorang pekerja sepenuh masa Institut) akibat daripada sebarang kontrak yang dibuat oleh Institut atau syarikat berkaitan dengan pengarah atau dengan firma di mana beliau adalah ahli, atau dengan syarikat di mana beliau mempunyai kepentingan kewangan yang besar.

IMBUHAN PARA PENGARAH

Amaun imbuhan para pengarah Institut terdiri daripada imbuhan yang diterima atau belum terima dari Institut dalam tempoh seperti berikut:

	2022 RM
Elaun para pengarah	176,500

Tiada pengarah atau pengarah terdahulu Institut telah menerima apa-apa faedah lain atau selain daripada tunai dari Institut sepanjang tahun semasa.

Tiada bayaran telah dibayar kepada atau diterima oleh mana-mana pihak ketiga berkenaan dengan perkhidmatan yang diberikan kepada Institut oleh para pengarah atau pengarah terdahulu Institut sepanjang tahun semasa.

LAPORAN PARA PENGARAH (SAMB.)

GANTI RUGI PENGARAH, PEGAWAI DAN JURUAUDIT

Tiada ganti rugi yang diberikan atau premium insurans yang dibayar, sepanjang atau sejak akhir tahun, bagi mana-mana individu yang sedang atau pernah menjadi pengarah, pegawai dan juruaudit Institut.

LAIN-LAIN MAKLUMAT BERKANUN

Sebelum penyata kewangan Institut disediakan, para pengarah telah mengambil langkah-langkah yang sewajarnya:

(i) memastikan bahawa tindakan telah diambil berkaitan dengan penghapuskiraan hutang lapuk dan dalam membuat peruntukan bagi kerugian kredit dijangka dan berpuas hati bahawa tiada hutang lapuk yang perlu dihapuskira dan tiada peruntukan yang perlu dibuat bagi kerugian kredit dijangka; dan

(ii) memastikan bahawa sebarang aset semasa yang mungkin tidak dapat direalisasi mengikut nilai yang dinyatakan dalam rekod-rekod perakaunan dalam urusan biasa telah dikurangkan nilainya kepada hasilaku yang dianggap boleh direalisasi.

Pada tarikh laporan ini, para pengarah tidak mengetahui tentang sebarang keadaan yang akan menyebabkan:

(i) sebarang jumlah yang perlu dihapuskira sebagai hutang lapuk atau perlu memperuntukkan kerugian kredit dijangka di dalam penyata kewangan Institut; dan

(ii) nilai aset semasa di dalam penyata kewangan Institut mengelirukan.

Pada tarikh laporan ini, para pengarah tidak mengetahui tentang sebarang keadaan yang timbul yang boleh menyebabkan pematuhan kepada kaedah penilaian yang sedia ada bagi penilaian aset atau liabiliti Institut mengelirukan atau tidak sesuai.

Pada tarikh laporan ini, para pengarah tidak mengetahui tentang sebarang keadaan yang tidak diambilkira di dalam laporan ini atau dalam penyata kewangan Institut yang akan menyebabkan sebarang jumlah yang dinyatakan di dalam penyata kewangan mengelirukan.

Pada tarikh laporan ini, tidak wujud:

(i) sebarang cagaran ke atas aset-aset Institut yang timbul sejak akhir tahun kewangan yang menjamin liabiliti pihak lain; atau

(ii) sebarang kontingen liabiliti luarjangka Institut yang timbul sejak akhir tahun kewangan melainkan pendedahan yang telah dibuat di Nota 20 kepada penyata kewangan.

LAPORAN PARA PENGARAH (SAMB.)

LAIN-LAIN MAKLUMAT BERKANUN (Samb.)

Pada pendapat para pengarah:

(i) tiada liabiliti luarjangka atau liabiliti-liabiliti lain yang telah berkuatkuasa atau mungkin dikuatkuasakan dalam tempoh dua belas bulan selepas akhir tahun kewangan yang akan atau mungkin menjejaskan keupayaan Institut untuk menunaikan tanggungannya apabila tiba masanya; dan

(ii) tiada butiran, urusniaga atau peristiwa yang penting dan luar biasa yang timbul dalam tempoh di antara akhir tahun kewangan dan tarikh laporan ini yang mungkin memberi kesan yang besar ke atas keputusan operasi Institut bagi tahun kewangan di mana laporan ini dibuat.

URUAUDIT DAN YURAN JURUAUDIT

Yuran juruaudit seperti yang dinyatakan dalam Nota 12 kepada penyata kewangan.

Ditandatangani bagi pihak Lembaga Pengarah menurut resolusi para pengarah bertarikh 2 Mei 2023.



TAN SRI DATO' SERI MOHD ZUKI BIN ALI
Pengarah



DATO' YEOW WAH CHIN
Pengarah

Kuala Lumpur, Malaysia

KENYATAAN PARA PENGARAH
MENURUT SEKSYEN 251 (2) AKTA SYARIKAT 2016

Kami, **TAN SRI DATO' SERI MOHD ZUKI BIN ALI** dan **DATO' YEOW WAH CHIN**, dua daripada para pengarah **INSTITUT INTEGRITI MALAYSIA**, dengan ini memaklumkan bahawa pada pendapat para pengarah, penyata kewangan telah disediakan dengan sewajarnya mengikut Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia, Piawaian Pelaporan Kewangan Antarabangsa dan peruntukan Akta Syarikat 2016 untuk memberi pandangan yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Institut pada 31 Disember 2022 dan hasil operasi dan aliran tunai Institut bagi tahun kewangan berakhir pada tarikh tersebut.

Ditandatangani bagi pihak Lembaga Pengarah menurut resolusi para pengarah bertarikh 2 Mei 2023.

TAN SRI DATO' SERI MOHD ZUKI BIN ALI
Pengarah

DATO' YEOW WAH CHIN
Pengarah

Kuala Lumpur, Malaysia

AKUAN BERKANUN
MENURUT SEKSYEN 251 (1) AKTA SYARIKAT 2016

Saya, **NORLIANA BINTI ALI AKBAR**, sebagai pegawai yang bertanggungjawab terhadap pengurusan kewangan **INSTITUT INTEGRITI MALAYSIA**, dengan tulus ikhlas dan sesungguhnya mengaku bahawa penyata kewangan yang disertakan adalah, pada sebaik–baik pengetahuan dan kepercayaan saya, benar dan membuat pengakuan ini dengan penuh kepercayaan mengenai kebenarannya serta menurut peruntukan-peruntukan Akta Akuan Berkanun, 1960.

Ditandatangani dan diakui oleh)
penama di atas di ***Wilayah Persekutuan***)
Kuala Lumpur pada)

02 MAY 2023

Dihadapan saya,

PESURUHJAYA SUMPAH MALAYSIA
W791
MOHAMMED AZWAN BIN MD ARIF
BCM/1441
01.01.2023-31.12.2025
568-8-20, 8th Floor,
Kompleks Mutiara,
Jalan Ipoh,
51200 Kuala Lumpur

NORLIANA BINTI ALI AKBAR

LAPORAN JURUAUDIT BEBAS KEPADA AHLI-AHLI INSTITUT INTEGRITI MALAYSIA

(Diperbadankan di Malaysia)

Laporan Mengenai Penyata Kewangan

Pendapat

Kami telah mengaudit penyata kewangan Institut Integriti Malaysia, yang merangkumi penyata kedudukan kewangan Institut pada 31 Disember 2022, dan penyata pendapatan komprehensif, penyata perubahan dalam entiti dan penyata aliran tunai Institut bagi tahun kewangan berakhir pada tarikh tersebut dan nota-nota kepada penyata, serta satu ringkasan dasar perakaunan penting dan maklumat lain, seperti yang dibentangkan pada muka surat 109 hingga 135.

Pada pendapat kami, penyata kewangan yang disertakan memberi gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Institut pada 31 Disember 2022 dan prestasi kewangan dan aliran tunai untuk tahun kewangan berakhir pada tarikh tersebut selaras dengan Piawaian Laporan Kewangan Malaysia, Piawaian Laporan Kewangan Antarabangsa dan keperluan Akta Syarikat 2016 di Malaysia.

Asas bagi pendapat

Kami telah melaksanakan audit menurut Piawaian Pengauditan yang diluluskan di Malaysia dan Piawaian Pengauditan Antarabangsa. Tanggungjawab kami di bawah piawaian itu adalah dihuraikan dengan lanjut dalam seksyen Tanggungjawab Juruaudit bagi Audit Penyata Kewangan laporan kami. Kami percaya bahawa bukti audit yang kami peroleh adalah mencukupi dan bersesuaian untuk memberikan asas yang munasabah untuk pendapat kami.

Kebebasan dan Lain-Lain Tanggungjawab Etika

Kami bebas daripada Institut mengikut Undang-Undang Kecil (Etika Profesional, Kelakuan dan Amalan) Institut Akauntan Malaysia (“Undang-Undang Kecil”) dan Lembaga Piawaian Etika Antarabangsa untuk Kod Etika Akauntan untuk Akauntan Profesional (“Kod IESBA”), dan kami telah memenuhi tanggungjawab etika lain mengikut Undang-Undang Kecil dan Kod IESBA.

Maklumat selain daripada Penyata Kewangan dan Laporan Juruaudit

Para pengarah bertanggungjawab untuk maklumat yang lain yang terdiri daripada Laporan Para Pengarah dan Kenyataan Para Pengarah tidak termasuk Penyata Kewangan Institut dan Laporan Juruaudit mengenainya. Pendapat kami ke atas penyata kewangan Institut tidak termasuk maklumat yang lain dan kami tidak menyatakan sebarang bentuk jaminan kesimpulan mengenainya.

Sehubungan itu, tanggungjawab kami adalah untuk membaca maklumat yang lain dengan mempertimbangkan sama ada maklumat yang lain itu tidak selaras secara material dengan penyata kewangan Institut atau pengetahuan yang kami perolehi dalam audit atau jika tidak, nampak tersalah nyata secara ketara. Kami tidak mempunyai apa-apa untuk dilaporkan mengenai perkara ini.

LAPORAN JURUAUDIT BEBAS KEPADA AHLI-AHLI INSTITUT INTEGRITI MALAYSIA (SAMB.)

(Diperbadankan di Malaysia)

Tanggungjawab para pengarah ke atas Penyata Kewangan

Para pengarah bertanggungjawab untuk penyediaan dan pembentangan penyata kewangan yang saksama menurut Piawaian Laporan Kewangan Malaysia, Piawaian Laporan Kewangan Antarabangsa dan keperluan Akta Syarikat 2016 di Malaysia, dan untuk kawalan dalaman yang, para pengarah perlu untuk membolehkan penyediaan penyata kewangan yang bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan oleh penipuan atau kesilapan.

Dalam penyediaan penyata kewangan, para pengarah adalah bertanggungjawab untuk menilai keupayaan Institut untuk terus sebagai satu usaha berterusan, mendedahkan, yang mana berkenaan, perkara-perkara yang berkaitan dengan usaha berterusan dan menggunakan asas perakaunan usaha berterusan melainkan jika para pengarah sama ada berniat untuk membubarkan Institut atau berhenti operasi, atau tidak mempunyai alternatif yang realistik tetapi untuk berbuat demikian.

Tanggungjawab Juruaudit ke atas Audit Penyata Kewangan

Objektif kami adalah untuk memperolehi jaminan yang munasabah sama ada atau tidak penyata kewangan tersebut secara keseluruhan adalah bebas daripada salah nyata yang ketara sama ada disebabkan oleh penipuan atau kesilapan, dan mengeluarkan laporan juruaudit yang merangkumi pendapat kami. Jaminan yang munasabah adalah jaminan tahap yang tinggi, tetapi bukan satu jaminan bahawa audit yang dijalankan mengikut Piawaian Pengauditan yang diluluskan di Malaysia dan Piawaian Pengauditan Antarabangsa akan sentiasa mengesan salah nyata yang ketara apabila ia wujud. Salah nyata boleh timbul daripada penipuan atau kesilapan dan dianggap memberi kesan ketara jika, secara individu atau dalam agregat, mereka semunasabahnya dapat dijangkakan untuk mempengaruhi keputusan ekonomi diambil oleh pengguna berdasarkan penyata kewangan ini.

Sebagai sebahagian daripada audit mengikut Piawaian Pengauditan yang diluluskan di Malaysia dan Piawaian Pengauditan Antarabangsa, kami menggunakan pertimbangan profesional dan mengekalkan keraguan professional di seluruh audit. Kami juga:

- Mengenalpasti dan menilai risiko salah nyata yang ketara ke atas penyata kewangan, sama ada disebabkan oleh penipuan atau kesilapan, merancang dan melaksanakan prosedur audit responsif kepada risiko berkenaan, dan mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian untuk memberikan asas yang munasabah untuk pendapat kami. Risiko tidak mengesan salah nyata yang ketara yang terhasil daripada penipuan adalah lebih tinggi daripada yang terhasil daripada kesilapan, kerana penipuan mungkin melibatkan pakatan sulit, pemalsuan, peninggalan sengaja, gambaran yang salah, atau mengatasi kawalan dalaman.

- Memperoleh pemahaman mengenai kawalan dalaman yang berkaitan dengan audit untuk merangka prosedur audit yang bersesuaian dengan keadaan, tetapi bukan bertujuan untuk menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman Institut.

- Menilai kesesuaian dasar perakaunan yang digunakan dan kemunasabahan anggaran perakaunan dan pendedahan yang berkaitan yang dibuat oleh para pengarah.

LAPORAN JURUAUDIT BEBAS KEPADA AHLI-AHLI INSTITUT INTEGRITI MALAYSIA (SAMB.)

(Diperbadankan di Malaysia)

Tanggungjawab Juruaudit ke atas Audit Penyata Kewangan (Samb.)

- Membuat kesimpulan mengenai kesesuaian penggunaan asas usaha berterusan perakaunan yang digunakan oleh para pengarah dan, berdasarkan bukti audit yang diperolehi, sama ada ketidaktentuan ketara wujud yang berkaitan dengan peristiwa atau keadaan yang boleh menimbulkan keraguan yang ketara ke atas keupayaan Institut untuk terus sebagai satu usaha berterusan. Jika kami membuat kesimpulan bahawa ketidaktentuan ketara wujud, kami dikehendaki untuk menarik perhatian dalam laporan juruaudit kami ke atas pendedahan berkaitan dalam penyata kewangan atau, jika pendedahan tersebut tidak mencukupi, mengubahkan pendapat kami. Kesimpulan kami adalah berdasarkan kepada bukti audit yang diperolehi sehingga tarikh laporan juruaudit kami. Walau bagaimanapun, peristiwa atau keadaan masa depan boleh menyebabkan Institut berhenti untuk terus sebagai satu usaha berterusan.

- Menilai keseluruhan pembentangan, struktur dan kandungan penyata kewangan Institut, termasuk pendedahan, sama ada penyata kewangan mewakili urus niaga asas dan peristiwa yang mencapai pembentangan saksama.

Kami berkomunikasi dengan para pengarah, antara perkara lain, skop dan masa audit yang telah dirancang dan penemuan penting, termasuk sebarang kekurangan yang ketara dalam kawalan dalaman yang kami mengenal pasti sepanjang pengauditan kami.

Hal-Hal Lain

Laporan ini disediakan semata-mata kepada ahli-ahli Institut, selaras dengan Seksyen 266, Akta Syarikat, 2016 dan Piawaian Pengauditan yang diluluskan di Malaysia dan bukan untuk sebarang tujuan lain. Kami tidak akan bertanggungjawab kepada mana-mana pihak lain untuk kandungan laporan ini.

AL JAFREE SALIHIN KUZAIMI PLT
201506002872 (LLP0006652-LCA) & AF 1522
CHARTERED ACCOUNTANTS

AIZUL IZUAN BIN ABDUL HAMID
NO. 03509/07/2024 J
AKAUNTAN BERTAULIAH

Tarikh: 2 Mei 2023

Selangor, Malaysia

PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN
PADA 31 DISEMBER 2022

	Nota	2022 RM	2021 RM
Aset Bukan Semasa			
Hartanah, loji dan peralatan	3	2,424,038	1,714,409
		2,424,038	1,714,409
Aset Semasa			
Penghutang dagangan dan penghutang pelbagai	4	459,779	539,295
Tunai dan kesetaraan tunai	5	9,970,716	10,676,757
Lain-lain pelaburan	6	22,679,466	22,202,875
		33,109,961	33,418,927
Jumlah Aset		35,533,999	35,133,336
Ekuiti dan Liabiliti			
Ekuiti			
Dana terkumpul		11,564,347	10,854,668
		11,564,347	10,854,668
Liabiliti			
Liabiliti Bukan Semasa			
Geran kerajaan	7	23,143,400	23,966,855
		23,143,400	23,966,855
Liabiliti Semasa			
Pemiutang pelbagai	8	795,095	288,040
Liabiliti cukai semasa		31,157	23,773
		826,252	311,813
Jumlah Liabiliti		23,969,652	24,278,668
Jumlah Ekuiti dan Liabiliti		35,533,999	35,133,336

Nota-nota yang disertakan merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

PENYATA PENDAPATAN KOMPREHENSIF
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2022

	Nota	2022 RM	2021 RM
Pendapatan	9	1,723,733	2,228,534
Kos langsung	10	(3,808,645)	(3,556,262)
Kerugian kasar		(2,084,912)	(1,327,728)
Pendapatan operasi lain	11	11,893,168	7,990,088
Perbelanjaan pentadbiran		(8,898,709)	(5,975,080)
Lebihan dana sebelum cukai	12	909,547	687,280
Cukai	14	(199,868)	(191,781)
Lebihan dana bersih selepas cukai		709,679	495,499

Nota-nota yang disertakan merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

PENYATA PERUBAHAN DALAM EKUITI
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2022

	Dana terkumpul RM	Jumlah RM
31 Disember 2022		
Pada 1 Januari 2022	10,854,668	10,854,668
Lebihan dana bagi tahun kewangan	709,679	709,679
Pada 31 Disember 2022	11,564,347	11,564,347

	Dana terkumpul RM	Jumlah RM
31 Disember 2021		
Pada 1 Januari 2021	10,359,169	10,359,169
Lebihan dana bagi tahun kewangan	495,499	495,499
Pada 31 Disember 2021	10,854,668	10,854,668

Nota-nota yang disertakan merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

PENYATA ALIRAN TUNAI
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2022

	Nota	2022 RM	2021 RM
Aliran Tunai daripada Aktiviti Operasi			
Lebihan sebelum cukai		909,547	687,280
Pelarasan bagi:			
Susutnilai hartanah, loji dan peralatan		666,171	527,408
(-) pelarasan hartanah, loji dan peralatan		-	(18,343)
Pelunasan geran perbelanjaan operasi		(10,223,004)	(6,772,535)
Pelunasan geran perbelanjaan modal		(666,171)	(509,065)
Keuntungan atas pelupusan hartanah, loji dan peralatan		(22,848)	(270)
Kerugian operasi sebelum perubahan modal kerja		(9,336,305)	(6,085,525)
Pengurangan/(Peningkatan) dalam penghutang dagangan dan penghutang pelbagai		79,516	(132,525)
Peningkatan dalam pemiutang pelbagai		507,055	50,356
Tunai yang digunakan untuk operasi		(8,749,734)	(6,167,694)
Cukai dibayar		(192,484)	(203,040)
Tunai bersih yang digunakan dalam aktiviti operasi		(8,942,218)	(6,370,734)
Aliran Tunai daripada Aktiviti Pelaburan			
Pembelian hartanah, loji dan peralatan	15	(1,375,880)	(470,739)
Terimaan daripada pelupusan hartanah, loji dan peralatan		22,928	270
Pembelian pelaburan		(476,591)	(13,135,502)
Tunai bersih yang digunakan dalam aktiviti pelaburan		(1,829,543)	(13,605,971)

Nota-nota yang disertakan merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

PENYATA ALIRAN TUNAI
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2022 (SAMB.)

	Nota	2022 RM	2021 RM
Aliran Tunai daripada Aktiviti Pembiayaan			
Penerimaan geran daripada kerajaan		10,065,720	10,491,199
Tunai bersih yang dijana daripada aktiviti pelaburan		10,065,720	10,491,199
Pengurangan bersih dalam tunai dan kesetaraan tunai		(706,041)	(9,485,506)
Tunai dan kesetaraan tunai pada awal tahun kewangan		10,676,757	20,162,263
Tunai dan kesetaraan tunai pada akhir tahun kewangan		9,970,716	10,676,757
Tunai dan kesetaraan tunai terdiri daripada:			
Tunai di bank		972,949	1,092,725
Tunai di tangan		5,000	5,000
Deposit tetap berkonsep syari'ah		8,992,767	9,579,032
		9,970,716	10,676,757

Nota-nota yang disertakan merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
31 DISEMBER 2022

1. MAKLUMAT KORPORAT

Institut Integriti Malaysia (Institut) adalah sebuah syarikat berhad yang berasaskan jaminan, diperbadankan dan bermastautin di Malaysia. Pejabat berdaftar terletak di Menara Integriti, Persiaran Tuanku Syed Sirajuddin, Off Jalan Tuanku Abdul Halim, 50480 Kuala Lumpur, Wilayah Persekutuan.

Aktiviti utama Institut adalah untuk melaksanakan strategi, kempen dan program untuk menepati aspirasi kebangsaan, objektif dan matlamat berkaitan dengan integriti, anti-rasuah dan tadbir urus baik.

Jumlah kakitangan Institut pada akhir tahun kewangan adalah 111 (2021 : 87).

Tempat perniagaan utama terletak di Menara Integriti, Persiaran Tuanku Syed Sirajuddin, Off Jalan Tuanku Abdul Halim, 50480 Kuala Lumpur, Wilayah Persekutuan.

Penyata kewangan ini telah diluluskan untuk terbitan oleh Lembaga Pengarah pada tarikh 2 Mei 2023.

2. DASAR-DASAR PENTING PERAKAUNAN

2.1 Asas penyediaan

Penyata kewangan Institut telah disediakan dengan mematuhi Piawaian Laporan Kewangan Malaysia ("MFRSs"), Piawaian Laporan Kewangan Antarabangsa ("IFRSs") dan Akta Syarikat, 2016 di Malaysia.

Penyata kewangan Institut telah disediakan menggunakan asas kos sejarah kecuali instrumen kewangan yang diukur pada nilai saksama.

Penyata kewangan Institut dibentangkan dalam Ringgit Malaysia ("RM").

2.2 Perubahan dalam dasar-dasar perakaunan

Dasar-dasar perakaunan digunapakai secara berterusan dengan dasar-dasar daripada tahun kewangan sebelum kecuali seperti berikut:

Pada 1 Januari 2021, Institut telah menerima pakai Pindaan dan Penambahbaikan Tahunan mandatori seperti berikut bagi tempoh kewangan bermula pada atau selepas 1 Januari 2022:

Tajuk	**Efektif**
Pindaan kepada MFRS 3 : Kombinasi Perniagaan - (Rujukan kepada Kerangka Konsep)	Januari 2022

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
31 DISEMBER 2022 (SAMB.)

2. DASAR-DASAR PENTING PERAKAUNAN (SAMB.)

2.2 Perubahan dalam dasar-dasar perakaunan (Samb.)

Tajuk	Efektif
Pindaan kepada MFRS 101 : Klasifikasi Liabiliti Sebagai Semasa Atau Bukan Semasa	1 Januari 2022
Pindaan kepada MFRS 116 : Hartabenda dan peralatan – Penerusan Sebelum Penggunaan Dimaksudkan	1 Januari 2022
Pindaan kepada MFRS 17 : Kontrak Insurans	1 Januari 2022
Pindaan kepada MFRS 9 : Instrumen Kewangan - Peningkatan Tahunan kepada MFRS 2018 - 2021	1 Januari 2022

Penggunaan Pindaan dan Penambahbaikan Tahunan di atas tidak memberi sebarang kesan yang ketara kepada penyata kewangan.

2.3 Piawaian yang diterbitkan tetapi belum efektif

Pada tarikh kebenaran penyata kewangan ini, Piawaian, Pindaan dan Penambahbaikan Tahunan berikut telah dikeluarkan oleh Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia (“MASB”) tetapi belum diterima pakai oleh Institut:

Tajuk	Efektif
MFRS 17 Kontrak Insurans	1 Januari 2023
Pindaan kepada MFRS 17 : Kontrak Insurans	1 Januari 2023
Pindaan kepada MFRS 101 : Klasifikasi Liabiliti sebagai Semasa dan Bukan Semasa	1 Januari 2023
Pindaan kepada MFRS 101 : Pendedahan kepada Polisi Perakaunan	1 Januari 2023
Pindaan kepada MFRS 108 : Definasi kepada Penganggaran Perakaunan	1 Januari 2023
Pindaan kepada MFRS 112 : Cukai Tertunda Aset dan Liabiliti yang Timbul daripada Transaksi Tunggal	1 Januari 2023
Pindaan kepada MFRS 16 : Pajakan Liabiliti dalam Jualan dan Pajakan Balik	1 Januari 2023
Pindaan kepada MFRS 101 : Liabiliti Bukan Semasa dengan Kovenan	1 Januari 2023
Pindaan kepada MFRS 10 : Penyata Kewangan Disatukan dan MFRS 128 Pelaburan dalam Syarikat Bersekutu dan Usaha Sama : Jualan atau Sumbangan Aset diantara Pelabur dan Syarikat Bersekutu atau Usaha Sama	Tertunda

Pengaplikasian awal MFRS dan Pindaan kepada MFRS yang dinyatakan di atas dijangka tidak mempunyai sebarang kesan ketara ke atas penyata kewangan Institut.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
31 DISEMBER 2022 (SAMB.)

2. DASAR-DASAR PENTING PERAKAUNAN (SAMB.)

2.4 Hartanah, loji dan peralatan dan susutnilai

Semua hartanah, loji dan peralatan pada mulanya dinyatakan pada kos. Kos berikutnya dimasukkan ke dalam nilai buku aset atau diiktiraf sebagai aset yang berasingan, mengikut kesesuaian, hanya apabila terdapat kemungkinan bahawa faedah ekonomi di masa hadapan yang berkaitan dengan barangan tersebut akan mengalir kepada Institut ini dan kos barangan tersebut akan diukur dengan pasti. Amaun bawaan bagi bahagian yang diganti akan dinyahiktiraf. Semua pembaikan dan penyelenggaran yang lain diambil kira ke dalam penyata pendapatan semasa tahun kewangan ia ditanggung.

Selepas diiktiraf, hartanah, loji dan peralatan dinyatakan pada kos ditolak susutnilai terkumpul dan kerugian kemerosotan nilai terkumpul. Polisi bagi pengiktirafan dan pengukuran kerugian rosotnilai adalah mengikut Nota 2.7.

Susut nilai dikira atas dasar garis lurus untuk menghapuskira kos aset tersebut sepanjang anggaran hayat bergunanya, dan tiada susutnilai bagi kerja dalam proses. Kadar susut nilai bagi setiap kategori harta dan kelengkapan diringkaskan seperti berikut:

Komputer	33%
Perabot dan lengkapan	20%
Kenderaan	20%
Alatan pejabat	20%
Buku-buku rujukan	10%
Ubahsuai bangunan	10%
Papan tanda	10%
Alatan sukan	20%

Nilai sisa, jangka hayat dan kaedah susutnilai dikaji semula pada setiap akhir tahun kewangan bagi memastikan amaun, kaedah dan tahun disusutnilai adalah selaras dengan anggaran sebelumnya serta corak penggunaan manfaat ekonomi hartanah dan peralatan tersebut.

Hartanah dan peralatan tidak lagi diiktiraf setelah dilupuskan atau tiada manfaat ekonomi masa hadapan diperoleh daripada penggunaan atau pelupusannya. Perbezaan antara hasil pelupusan bersih, jika ada, dan nilai bawaan bersih diiktiraf di dalam Penyata Pendapatan Komprehensif dan bahagian yang tidak digunakan daripada lebihan penilaian semula akan diiktiraf di dalam dana terkumpul.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
31 DISEMBER 2022 (SAMB.)

2. DASAR-DASAR PENTING PERAKAUNAN (SAMB.)

2.5 Aset kewangan

(i) Klasifikasi

Institut mengklasifikasikan aset kewangan mereka dalam kategori pengukuran berikut:

- yang akan diukur kemudiannya pada nilai saksama (sama ada melalui pendapatan komprehensif lain atau melalui keuntungan atau kerugian), dan
- yang akan diukur pada kos yang dilunaskan.

Klasifikasi bergantung pada model perniagaan entiti untuk menguruskan aset kewangan dan syarat kontrak aliran tunai.

Bagi aset yang diukur pada nilai saksama, keuntungan dan kerugian sama ada akan direkod dalam keuntungan atau kerugian atau pendapatan komprehensif lain. Bagi pelaburan dalam instrumen ekuiti yang tidak dipegang untuk dagangan, Institut telah membuat pilihan tidak boleh dibatalkan pada masa pengiktirafan awal untuk mengakaunkan pelaburan ekuiti pada nilai saksama melalui pendapatan komprehensif.

Institut mengklasifikasikan semula pelaburan hutang apabila dan hanya apabila model perniagaan untuk mengurus aset tersebut berubah.

(ii) Pengiktirafan dan penyahiktirafan.

Cara pembelian dan jualan aset secara tetap diiktiraf pada tarikh dagangan, tarikh Institut komited untuk membeli atau menjual aset tersebut. Aset kewangan tidak diiktiraf apabila hak untuk menerima aliran tunai daripada aset kewangan telah tamat tempoh atau telah dipindahkan dan Institut telah memindahkan sebahagian besar risiko dan ganjaran pemilikan.

(iii) Pengukuran

Pada pengiktirafan awal, Institut mengukur aset kewangan pada nilai saksama ditambah, dalam hal aset kewangan, tidak pada nilai saksama melalui untung atau rugi, kos transaksi yang secara langsung dikaitkan dengan pengambilalihan aset kewangan. Kos transaksi aset kewangan yang berkaitan secara langsung dengan aset kewangan melalui untung rugi diiktiraf dalam keuntungan atau kerugian.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
31 DISEMBER 2022 (SAMB.)

2. DASAR-DASAR PENTING PERAKAUNAN (SAMB.)

2.5 Aset kewangan (Samb.)

Instrumen Hutang

Pengukuran instrumen hutang berikutnya bergantung kepada model perniagaan Institut untuk mengurus aset dan ciri-ciri aliran tunai aset tersebut. Terdapat dua kategori ukuran di mana Institut mengklasifikasikan instrumen hutang mereka:

(a) Kos Terlunas

Aset yang dipegang untuk pengumpulan aliran tunai kontraktual di mana aliran tunai tersebut mewakili pembayaran prinsipal dan faedah diukur pada kos yang dilunaskan. Pendapatan keuntungan daripada aset kewangan ini termasuk dalam pendapatan pelaburan menggunakan kaedah kadar keuntungan berkesan. Sebarang keuntungan atau kerugian yang timbul daripada penyahiktirafan diiktiraf secara langsung dalam keuntungan atau kerugian dan dinyatakan dalam pendapatan/(kerugian) lain bersama dengan keuntungan dan kerugian pertukaran asing. Kerugian penjejasan nilai dibentangkan sebagai item baris berasingan dalam untung atau rugi.

(b) Nilai Saksama melalui Pendapatan Komprehensif

Aset yang dipegang untuk pengumpulan aliran tunai kontraktual dan untuk menjual aset kewangan, di mana aliran tunai aset mewakili semata mata pembayaran prinsipal dan faedah, diukur melalui nilai saksama melalui pendapatan komprehensif. Pergerakan dalam kos yang dibawa diambil melalui pendapatan komprehensif, kecuali pengiktirafan keuntungan atau kerugian penjejasan nilai, pendapatan keuntungan dan keuntungan dan kerugian pertukaran asing yang diiktiraf dalam untung atau rugi.

Apabila aset kewangan tidak diiktiraf, keuntungan atau kerugian kumulatif sebelum ini diiktiraf dalam pendapatan komprehensif lain diklasifikasikan semula daripada ekuiti kepada untung atau rugi dan diiktiraf dalam lain-lain pendapatan/(kerugian). Pendapatan keuntungan daripada aset kewangan ini termasuk dalam pendapatan pelaburan menggunakan kaedah kadar keuntungan berkesan. Keuntungan dan kerugian pertukaran asing dinyatakan dalam pendapatan/(kerugian) lain dan perbelanjaan kerosakan dibentangkan sebagai item baris berasingan dalam untung atau rugi.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
31 DISEMBER 2022 (SAMB.)

2. DASAR-DASAR PENTING PERAKAUNAN (SAMB.)

2.5 Aset kewangan (Samb.)

Instrumen Ekuiti

Institut seterusnya mengukur semua pelaburan ekuiti pada nilai saksama. Di mana pengurusan Institut memilih untuk membentangkan keuntungan dan kerugian nilai saksama atas pelaburan ekuiti dalam pendapatan komprehensif lain, tiada pengkelasan semula keuntungan dan kerugian nilai saksama kepada untung atau rugi berikutan penyahiktirafan pelaburan. Dividen daripada pelaburan sedemikian terus diiktiraf dalam untung atau rugi sebagai pendapatan lain apabila hak Institut untuk menerima pembayaran ditubuhkan.

Perubahan dalam nilai saksama aset kewangan melalui nilai saksama melalui keuntungan dan kerugian diiktiraf dalam pendapatan/(kerugian) lain dalam untung atau rugi yang berkenaan. Kerugian penjejasan nilai (dan pembalikan kerugian rosotnilai) ke atas pelaburan ekuiti diukur pada nilai saksama melalui pendapatan komprehensif yang tidak dilaporkan secara berasingan daripada perubahan lain dalam nilai saksama.

2.6 Penjejasan Nilai Instrumen Kewangan

Institut menilai pada akhir setiap tempoh pelaporan sama ada terdapat bukti objektif bahawa aset kewangan terjejas.

(i) Penjejasan nilai instrumen hutang

Institut menilai berdasarkan masa hadapan jangkaan kerugian kredit yang berkaitan dengan instrumen hutangnya yang dibawa pada kos pelunasan dan kontrak melalui nilai saksama melalui pendapatan komprehensif dan jaminan kewangan yang dikeluarkan. Metodologi penurunan harga yang digunakan bergantung kepada sama ada terdapat peningkatan risiko kredit yang ketara.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
31 DISEMBER 2022 (SAMB.)

2. DASAR-DASAR PENTING PERAKAUNAN (SAMB.)

2.6 Penjejasan Nilai Instrumen Kewangan (Samb.)

(i) Penjejasan nilai instrumen hutang (Samb.)

Institut mempunyai tiga jenis instrumen kewangan yang tertakluk kepada model jangkaan kerugian kredit:

- Penghutang perdagangan
- Penghutang pelbagai

Walaupun deposit/simpanan, baki bank dan wang tunai juga tertakluk kepada keperluan penjejasan nilai MFRS 9, kerugian kemerosotan nilai yang dikenalpasti tidak mempunyai kesan ketara.

Jangkaan kerugian kredit mewakili anggaran kebarangkalian perbezaan antara nilai semasa aliran tunai kontraktual dan nilai kini aliran tunai Institut menjangkakan untuk menerima, sepenuh baki hayat instrumen kewangan.

Pengukuran jangkaan kerugian kredit mencerminkan:

- jumlah yang tidak berat sebelah dan kebarangkalian yang ditentukan dengan menilai pelbagai kemungkinan hasil;
- nilai masa wang; dan
- maklumat yang berpatutan dan boleh dipercayai yang tersedia tanpa kos atau usaha yang tidak wajar pada tarikh pelaporan tentang peristiwa masa lalu, keadaan semasa dan ramalan keadaan ekonomi masa hadapan.

(a) Pendekatan mudah untuk penghutang dagangan dan penghutang pelbagai.

Institut menerapkan pendekatan MFRS 9 yang mudah untuk mengukur jangkaan kerugian kredit yang menggunakan jangkaan kerugian kredit seumur hidup untuk semua penghutang dagangan.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
31 DISEMBER 2022 (SAMB.)

2. DASAR-DASAR PENTING PERAKAUNAN (SAMB.)

2.7 Rosotnilai bukan kewangan

Pada setiap tarikh laporan, Institut menaksir sama ada terdapat petunjuk yang sesuatu aset mungkin mengalami kerugian rosotnilai. Jika terdapat sebarang petunjuk begitu, atau apabila taksiran rosotnilai tahunan bagi sesuatu aset diperlukan, Institut membuat anggaran jumlah yang boleh dipulih dari aset tersebut.

Jumlah yang boleh dipulih dari aset adalah nilai yang lebih tinggi di antara nilai wajar ditolak kos jualan dan nilai dalam kegunaan. Untuk menaksir kerugian rosotnilai, aset-aset dikumpulkan pada aras yang terendah di mana terdapat aliran tunai yang dapat dikenalpasti secara berasingan, unit janaan tunai ("UJT"). Untuk menaksir nilai dalam kegunaan, anggaran aliran tunai masa depan perlu didiskaunkan kepada nilai kini dengan menggunakan kadar diskaun sebelum cukai yang menggambarkan penilaian pasaran semasa bagi nilai masa wang dan risiko tertentu kepada aset tersebut.

Apabila nilai dibawa aset melebihi jumlah yang boleh dipulih, aset tersebut akan dihapuskan kepada jumlah yang boleh dipulih. Kerugian rosotnilai yang diiktiraf bagi UJT atau kumpulan UJT diperuntukkan dengan mengurangkan nilai dibawa muhibah yang diperuntukkan kepada UJT atau kumpulan UJT dulu, dan kemudiannya dengan mengurangkan nilai dibawa aset-aset yang lain dalam unit atau kumpulan unit pada dasar pro-rata.

Kerugian rosotnilai diiktiraf dalam keuntungan atau kerugian kecuali untuk aset yang dahulunya dinilai semula di mana penilaian semula diambil ke pendapatan komprehensif yang lain. Jika begitu, rosotnilai juga diiktiraf dalam pendapatan komprehensif yang lain sehingga jumlah sebarang penilaian dahulu. Penaksiran dibuat pada setiap tarikh laporan sama ada terdapat sebarang petunjuk yang kerugian rosotnilai yang dahulunya diiktiraf mungkin tidak wujud lagi atau mungkin telah berkurangan.

Sesuatu kerugian rosotnilai yang dahulunya diiktiraf akan dibalikkan jika, dan hanya jika, terdapat perubahan dalam anggaran yang digunakan untuk menentukan jumlah yang boleh dipulih bagi aset sejak kerugian rosotnilai yang terakhir diiktiraf. Jika begitu, nilai dibawa aset akan bertambah kepada jumlah boleh dipulih. Nilai tambahan tersebut tidak boleh melebihi nilai dibawa yang akan ditentukan, ditolak susutnilai, jika tiada kerugian rosotnilai yang diiktiraf bagi aset tersebut sebelumnya. Pembalikan kerugian rosotnilai tersebut diiktiraf dalam keuntungan atau kerugian, melainkan aset dibawa pada jumlah dinilai semula, di mana pembalikan tersebut dibuat melalui tambahan dalam penilaian semula. Kerugian rosotnilai muhibah tidak dibalikkan bagi tempoh seterusnya.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
31 DISEMBER 2022 (SAMB.)

2. DASAR-DASAR PENTING PERAKAUNAN (SAMB.)

2.8 Liabiliti kewangan

Institut tiada sebarang liabiliti kewangan bukan derivatif yang ditetapkan pada nilai saksama melalui untung atau rugi. Liabiliti kewangan pada kos terlunas termasuk pemiutang pelbagai.

Penyahiktirafan liabiliti kewangan

Institut menyahiktiraf liabiliti kewangan apabila, dan hanya apabila, obligasi Institut telah dilepaskan, dibatalkan, atau telah tamat. Perbezaan antara amaun dibawa bagi liabiliti kewangan yang dinyahiktiraf dan pertimbangan yang dibayar atau belum bayar adalah diiktiraf di dalam untung atau rugi.

2.9 Geran kerajaan

Geran daripada kerajaan diiktiraf pada nilai saksama bilamana terdapat keyakinan munasabah bahawa geran tersebut akan diterima dan kesemua syarat yang ditetapkan telah dipatuhi.

Apabila geran dikaitkan kepada perbelanjaan, ianya dikenalpasti sebagai pendapatan pada tempoh yang diperlukan berdasarkan asas yang sistematik bagi menyesuaikan geran tersebut dengan perbelanjaan yang dijangkakan untuk dibayar.

Bagi geran berkaitan aset, nilai setara dikreditkan ke akaun pendapatan tertunda dan dimasukkan ke dalam penyata pendapatan berdasarkan jangka hayat aset berkenaan melalui amaun ansuran yang saksama.

2.10 Tunai dan kesetaraan tunai

Tunai dan kesetaraan tunai adalah terdiri daripada tunai di bank, di tangan dan pelaburan kecairan tinggi jangka pendek di mana risiko perubahan dalam nilai adalah rendah.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
31 DISEMBER 2022 (SAMB.)

2. DASAR-DASAR PENTING PERAKAUNAN (SAMB.)

2.11 Manfaat pekerja

(i) Manfaat jangka pendek

Upah, gaji, bonus dan caruman keselamatan sosial telah diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam tempoh di mana perkhidmatan berkaitan diberikan oleh kakitangan Institut. Ketidakhadiran diberi pampasan terkumpul jangka pendek seperti cuti tahunan berbayar diiktiraf apabila perkhidmatan diberikan oleh kakitangan yang meningkatkan hak mereka kepada ketidakhadiran masa hadapan diberi pampasan, dan ketidakhadiran diberi pampasan tidak terkumpul jangka pendek seperti cuti sakit diiktiraf apabila ketidakhadiran berlaku.

(ii) Pelan Caruman Tetap

Kumpulan ini mencarum kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja ("KWSP"), Kumpulan Wang Persaraan (“KWAP”) dan Pertubuhan Keselamatan Sosial ("PERKESO") iaitu pelan caruman yang dikehendaki oleh undang-undang. Caruman diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam penyata untung atau rugi apabila ia berlaku.

2.12 Pengiktirafan hasil

Hasil diiktiraf apabila terdapat kemungkinan bahawa manfaat ekonomi bagi transaksi berkaitan akan mengalir ke dalam Institut dan amaun hasil boleh dinilai sewajarnya.

(i) Hasil sewaan

Hasil sewaan diiktiraf berdasarkan asas akruan.

(ii) Hasil daripada perkhidmatan

Hasil dari perkhidmatan diiktiraf pada dan semasa perkhidmatan diberikan.

(iii) Jualan barang

Hasil dari jualan barangan diiktiraf setelah diambil kira cukai jualan dan diskaun semasa berlakunya pindahan risiko dan ganjaran.

(iv) Hasil faedah

Hasil faedah terdiri daripada keuntungan pelaburan yang diiktiraf berdasarkan nisbah keuntungan dan jangka masa simpanan.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
31 DISEMBER 2022 (SAMB.)

2. DASAR-DASAR PENTING PERAKAUNAN (SAMB.)

2.13 Cukai

Perbelanjaan cukai tahun semasa mengandungi cukai semasa dan juga cukai tertunda. Cukai semasa ialah jumlah jangkaan perbelanjaan cukai yang berkaitan dengan keuntungan yang boleh dikenakan cukai dan dikira mengikut kadar cukai yang telah digubalkan pada tarikh laporan ini.

Cukai tertunda diperuntukkan dengan menggunakan kaedah liabiliti. Pada dasarnya, liabiliti cukai tertunda diiktiraf bagi semua perbezaan sementara boleh dicukai dan aset cukai tertunda diiktiraf bagi semua perbezaan sementara boleh ditolak, kerugian cukai tidak diguna dan kredit cukai tidak diguna sehingga ke tahap di mana keuntungan boleh dicukai berkemungkinan untuk digunakan ke atas perbezaan sementara, kerugian cukai tidak diguna dan kredit cukai tidak diguna.

Cukai tertunda dikira pada kadar cukai yang dijangka akan terpakai dalam tempoh di mana aset direalisasi atau liabiliti diselesaikan, berdasarkan kadar cukai yang telah digubal atau digubal sebahagian besarnya pada tarikh Penyata Kedudukan Kewangan. Cukai tertunda diiktiraf di Penyata Pendapatan kecuali jika ia timbul daripada urus niaga yang diiktiraf secara langsung dalam ekuiti di mana cukai tertunda juga dicaj atau dikreditkan secara langsung dalam ekuiti.

2.14 Anggaran perakaunan dan pertimbangan penting

Penyediaan penyata kewangan menurut MFRS memerlukan penggunaan anggaran perakaunan dan pertimbangan. Anggaran dan pertimbangan dinilai secara berterusan dan berdasarkan pengalaman yang lepas, jangkaan munasabah kejadian masa hadapan dan faktor-faktor lain.

(a) Pertimbangan yang dibuat dalam menggunakan dasar perakaunan

Tiada pertimbangan yang kritikal dibuat oleh pihak pengurusan dalam proses menerapkan dasar perakaunan Institut yang mempunyai kesan signifikan terhadap penyata kewangan.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
31 DISEMBER 2022 (SAMB.)

2. DASAR-DASAR PENTING PERAKAUNAN (SAMB.)

2.14 Anggaran perakaunan dan pertimbangan penting (Samb.)

(b) Sumber utama ketidakpastian anggaran

Sumber utama anggaran terhadap masa hadapan dan sumber utama ketidakpastian anggaran yang lain pada akhir tahun kewangan, yang mempunyai risiko yang besar untuk menyebabkan pelarasan yang ketara kepada nilai bawaan aset dan liabiliti dalam tahun kewangan yang akan datang dibincangkan di bawah:

Susutnilai hartanah, loji dan peralatan

Kos sesuatu item hartanah, loji dan peralatan disusutnilaikan mengikut kaedah garis lurus atau satu lagi kaedah yang sistematik yang mencerminkan penggunaan manfaat ekonomi aset sepanjang jangka hayat. Anggaran digunakan dalam pemilihan kaedah susutnilai, jangka hayat dan nilai baki. Penggunaan sebenar manfaat ekonomi bagi hartanah, loji dan peralatan mungkin berbeza daripada anggaran yang digunakan dan ini boleh membawa kepada keuntungan atau kerugian atas pelupusan akhir sesuatu hartanah, loji dan peralatan.

Rosotnilai penghutang

Institut menaksir pada setiap tarikh laporan sama ada terdapat sebarang bukti objektif yang aset kewangan telah merosotnilai. Untuk menentukan sama ada terdapat bukti objektif rosotnilai, Institut menimbang faktor seperti kemungkinan menjadi muflis atau tekanan kewangan yang ketara yang dihadapi oleh penghutang dan kemungkiran atau kelewatan bayaran yang ketara.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
31 DISEMBER 2022 (SAMB.)

3. HARTANAH , LOJI DAN PERALATAN

	Komputer RM	Perabot dan kelengkapan RM	Kenderaan RM	Alat Pejabat RM	Buku-buku Rujukan RM	Ubahsuai Bangunan RM	Papan Tanda RM	Alatan Sukan RM	Jumlah RM
Kos									
Pada 1 Januari 2022	3,039,304	501,908	817,777	1,225,801	1,423,009	1,043,861	420,883	43,947	8,516,490
Tambahan	688,014	73,402	-	230,370	12,906	370,645	543	-	1,375,880
Pelupusan	(7,742)	-	(142,998)	-	-	-	-	-	(150,740)
Pelarasan	-	(38,700)	-	-	-	38,700	-	-	-
Pada 31 Disember 2022	3,719,576	536,610	674,779	1,456,171	1,435,915	1,453,206	421,426	43,947	9,741,630
Susutnilai terkumpul									
Pada 1 Januari 2022	2,774,885	385,160	664,449	1,061,487	1,357,981	208,691	308,409	41,019	6,802,081
Tambahan	211,789	48,626	76,662	102,509	15,272	208,083	1,770	1,460	666,171
Pelupusan	(7,664)	-	(142,996)	-	-	-	-	-	(150,660)
Pelarasan	-	(5,805)	-	-	-	5,805	-	-	-
Pada 31 Disember 2022	2,979,010	427,981	598,115	1,163,996	1,373,253	422,579	310,179	42,479	7,317,592
Nilai bawaan bersih									
Pada 31 Disember 2022	740,566	108,629	76,664	292,175	62,662	1,030,627	111,247	1,468	2,424,038

3. HARTANAH , LOJI DAN PERALATAN (SAMB.)

	Komputer RM	Perabot dan kelengkapan RM	Kenderaan RM	Alat Pejabat RM	Buku-buku Rujukan RM	Ubahsuai Bangunan RM	Papan Tanda RM	Alatan Sukan RM	Jumlah RM
Kos									
Pada 1 Januari 2021	2,966,300	428,371	817,777	1,143,324	1,411,576	981,261	420,883	43,947	8,213,439
Tambahan	240,692	73,537	-	82,477	11,433	62,600	-	-	470,739
Pelupusan	(167,688)	-	-	-	-	-	-	-	(167,688)
Pada 31 Disember 2021	3,039,304	501,908	817,777	1,225,801	1,423,009	1,043,861	420,883	43,947	8,516,490
Susutnilai terkumpul									
Pada 1 Januari 2021	2,701,819	346,758	587,787	999,006	1,361,447	152,802	271,525	39,559	6,460,703
Tambahan	240,753	38,402	76,662	62,481	14,877	55,889	36,884	1,460	527,408
Pelupusan	(167,687)	-	-	-	-	-	-	-	(167,687)
Pelarasan	-	-	-	-	(18,343)	-	-	-	(18,343)
Pada 31 Disember 2021	2,774,885	385,160	664,449	1,061,487	1,357,981	208,691	308,409	41,019	6,802,081
Nilai bawaan bersih									
Pada 31 Disember 2021	264,419	116,748	153,328	164,314	65,028	835,170	112,474	2,928	1,714,409

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
31 DISEMBER 2022 (SAMB.)

4. PENGHUTANG DAGANGAN DAN PENGHUTANG PELBAGAI

	2022 RM	2021 RM
Semasa		
Dagangan		
Pihak ketiga	278,103	370,264
Penghutang pelbagai		
Deposit	18,400	18,000
Hasil terakru	150,529	130,532
Pelbagai	12,747	20,499
	181,676	169,031
	459,779	539,295

(a) Penghutang dagangan

Jumlah ini biasanya tidak dikenakan faedah selama 30 hari (2021: 30 hari). Tempoh kredit lain dinilai dan diluluskan berdasarkan kepada kes-kes tertentu.

(a) Pelbagai Penghutang

Baki ini adalah tidak bercagar, tanpa faedah dan perlu dibayar atas permintaan.

5. TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI

	2022 RM	2021 RM
Tunai di bank	972,949	1,092,725
Tunai di tangan	5,000	5,000
Deposit tetap berkonsepkan Syari'ah	8,992,767	9,579,032
	9,970,716	10,676,757

Keuntungan efektif deposit yang diletakkan di dalam bank berlesen berkadar dari 1.71% ke 3.15% (2021: 1.70% ke 2.70%) setahun dan simpanan tetap ini mempunyai tempoh kematangan 1 hingga 3 bulan (2021: 1 hingga 3 bulan).

Tunai dan kesetaraan tunai adalah terdiri daripada tunai di bank, di tangan dan deposit tetap berkonsepkan Syari'ah di mana risiko perubahan dalam nilai adalah rendah, dengan tempoh kematangan tiga bulan atau kurang, serta digunakan oleh Institut untuk menguruskan komitmen jangka pendek.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
31 DISEMBER 2022 (SAMB.)

6. LAIN-LAIN PELABURAN

	2022 RM	2021 RM
Deposit tetap berkonsepkan Syari'ah	22,679,466	22,202,875

Keuntungan efektif deposit yang diletakkan di dalam bank berlesen berkadar dari 2.60% ke 3.10% (2021: 2.10% ke 2.70%) setahun dan simpanan tetap ini mempunyai tempoh kematangan 12 bulan (2021: 12 bulan).

7. GERAN KERAJAAN

	2022 RM	2021 RM
Pada 1 Januari	23,966,855	20,757,256
Terimaan geran pada tahun semasa	10,065,720	10,491,199
Pindahan ke Penyata Pendapatan Komprehensif	(10,889,175)	(7,281,600)
Pada 31 Disember	23,143,400	23,966,855

Geran merangkumi seperti berikut:

	2022 RM	2021 RM
Baki geran perbelanjaan operasi dan modal (Belum digunakan)	20,719,360	22,252,444
Geran untuk perbelanjaan modal	10,053,351	8,828,211
Pelunasan terkumpul	(7,629,311)	(7,113,800)
Baki geran untuk perbelanjaan modal	2,424,040	1,714,411
Pada 31 Disember	23,143,400	23,966,855

8. PEMIUTANG PELBAGAI

	2022 RM	2021 RM
Deposit	10,124	12,186
Pemiutang pelbagai	405,283	-
Peruntukan dan akruan	379,688	275,854
	795,095	288,040

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
31 DISEMBER 2022 (SAMB.)

9. PENDAPATAN

	2022 RM	2021 RM
Perundingan, latihan dan yuran seminar diterima	1,723,733	2,228,534

10. KOS LANGSUNG

	2022 RM	2021 RM
Caruman Badan Berkanun	327,289	459,473
Honorarium	45,020	198,780
Belanja hospitaliti dan perjalanan	286,562	68,586
Yuran instrumen	78,832	153,626
Pelbagai	1,180,202	124,408
Gaji dan upah	1,890,740	2,551,389
	3,808,645	3,556,262

11. PENDAPATAN OPERASI LAIN

	2022 RM	2021 RM
Pelunasan geran perbelanjaan operasi	10,223,004	6,772,535
Pelunasan geran perbelanjaan modal	666,171	509,065
Keuntungan atas pelupusan hartanah, loji dan peralatan	22,848	270
Hibah	3,365	4,125
Yuran keahlian diterima	1,300	3,100
Lain-lain	8,523	1,103
Pendapatan sewa	94,448	21,209
Keuntungan deposit tetap berkonsepkan syariah	867,056	678,681
Keuntungan pertukaran matawang asing	10	-
Wakalah	6,443	-
Jumlah pendapatan operasi lain	11,893,168	7,990,088

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
31 DISEMBER 2022 (SAMB.)

12. LEBIHAN DANA SEBELUM CUKAI

	2022 RM	2021 RM
Lebihan dana sebelum cukai dinyatakan selepas dikenakan caj:		
Yuran audit	16,000	16,000
Susutnilai hartanah, loji dan peralatan (Nota 3)	666,171	509,065
Yuran guaman dan yuran professional	97,520	42,508
Sewa peralatan (Nota a)	149,030	44,940
Kos kakitangan (Nota 13)	5,545,419	3,089,229

Nota a :
Sewa peralatan dikecualikan daripada diiktiraf sebagai aset hak penggunaan di bawah para B3-B8 MFRS 16 kerana peralatan tersebut adalah pajakan jangka pendek dan aset bernilai rendah.

13. KOS KAKITANGAN

	2022 RM	2021 RM
Ganjaran cuti rehat	138,655	62,831
Elaun para pengarah	176,500	161,500
Caruman Badan Berkanun	690,818	484,349
Sumbangan kewangan	199,200	170,500
Gaji dan upah	3,882,604	1,784,985
Manfaat pekerja	457,642	425,064
	5,545,419	3,089,229

14. CUKAI

	2022 RM	2021 RM
Anggaran cukai pendapatan		
- tahun semasa	233,717	198,731
- terlebih peruntukan pada tahun sebelum	(33,849)	(6,950)
	199,868	191,781

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
31 DISEMBER 2022 (SAMB.)

14. CUKAI (SAMB.)

Pelarasan perbelanjaan cukai pendapatan untuk lebihan sebelum cukai pada kadar cukai pendapatan berkanun, dengan perbelanjaan cukai pendapatan pada kadar cukai pendapatan efektif adalah seperti berikut:

	2022 RM	2021 RM
Lebihan sebelum cukai	909,547	687,280
Cukai dikira pada kadar berkanun 24% (2021: 24%)	218,291	164,947
Pendapatan yang dikecualikan cukai	(3,041,490)	(1,917,356)
Perbelanjaan tidak boleh ditolak daripada pengiraan cukai	2,823,199	1,785,449
Pendapatan lain yang dikenakan cukai	233,717	165,691
Terlebih peruntukan pada tahun sebelum	(33,849)	(6,950)
	199,868	191,781

15. PEMBELIAN HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN

	2022 RM	2021 RM
Pembelian hartanah, loji dan peralatan yang menggunakan tunai dan kesetaraan tunai.	1,375,880	470,739

16. MAKLUMAT PIHAK BERKAITAN

(a) Ganjaran Kakitangan Pengurusan Penting

Ganjaran kakitangan pengurusan penting dalam tahun kewangan adalah seperti berikut:

	2022 RM	2021 RM
Elaun para pengarah	176,500	161,500

Elaun para pengarah juga dinyatakan dalam Nota 13 kepada penyata kewangan.

(b) Urusniaga Pihak Berkaitan

Tiada sebarang urusniaga pihak berkaitan sepanjang tahun kewangan.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
31 DISEMBER 2022 (SAMB.)

17. POLISI DAN OBJEKTIF PENGURUSAN RISIKO KEWANGAN

Institut terdedah kepada risiko kewangan yang timbul daripada operasi mereka dan penggunaan instrument kewangan. Risiko kewangan tersebut termasuklah risiko kecairan dan risiko kredit.

Berikut adalah maklumat berkenaan pendedahan Institut kepada risiko kewangan yang dinyatakan di atas dan objektif, polisi dan proses pengurusan risiko tersebut.

(a) Risiko kecairan

Institut telah mengurus aliran tunai operasi dan kemudahan dana bagi memastikan keperluan pembiayaan dipenuhi. Sebagai sebahagian daripada keseluruhan pengurusan kecairan, Institut mengekalkan tahap yang mencukupi untuk tunai atau pelaburan tunai yang boleh ditukar bagi memenuhi keperluan modal kerja.

Analisi instrumen kewangan dengan tempoh kematangan kontraktual

Jadual di bawah menunjukkan analisis profil kematangan liabiliti kewangan Insti*ut berdasarkan tuntutan pembayaran balik tidak didiskaunkan.

	2022 RM	2021 RM
Liabiliti kewangan tidak didiskaunkan		
Deposit	10,124	12,186
Peruntukan dan akruan	379,688	275,854

(b) Risiko kredit

Pendedahan Institut kepada risiko kredit terutamanya timbul daripada penghutang dagangan Institut hanya berniaga dengan pihak ketiga yang diiktiraf dan mempunyai kebolehpercayaan kredit yang baik. Ia adalah polisi Institut bahawa semua pelanggan yang ingin berniaga dengan syarat kredit tertakluk kepada prosedur pengesahan kredit. Di samping itu, baki hutang akan dipantau secara berterusan dengan keputusan bahawa pendedahan Institut kepada hutang lapuk adalah tidak ketara.

Risiko kredit Institut bagi lain-lain aset kewangan, yang terdiri daripada tunai dan kesetaraan tunai, berpunca daripada keingkaran daripada pihak berurusan, dan pendedahan maksima yang setara dengan nilai bawaan aset kewangan.

Institut tidak mempunyai sebarang pendedahan yang penting kepada mana-mana individu atau pihak berurusan dan tidak mempunyai sebarang tumpuan risiko kredit yang berkaitan dengan sebarang aset kewangan.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
31 DISEMBER 2022 (SAMB.)

17. POLISI DAN OBJEKTIF PENGURUSAN RISIKO KEWANGAN (SAMB.)

(c) Risiko kadar faedah

Objektif pengurusan risiko, polisi dan proses mengurus risiko

Pendedahan kepada risiko kadar faedah dipantau secara berterusan dan Institut berusaha untuk mengekalkan pendedahan pada tahap memuaskan.

Pendedahan kepada risiko kadar faedah

Profil kadar faedah bagi instrumen kewangan signifikan berfaedah Institut, berdasarkan jumlah bawaan pada tempoh tarikh pelaporan adalah seperti berikut:

	2022 RM	2021 RM
Instrumen kadar tetap		
Aset kewangan	31,672,233	31,781,907

Analisis sensitiviti risiko kadar faedah

Institut mengurus risiko kadar faedah depositnya dengan bank berlesen dengan menempatkan deposit pada kadar faedah yang paling kompetitif yang boleh diperolehi, ini adalah bagi menghasilkan pulangan yang lebih baik daripada tunai di bank dan mengekalkan gabungan berhemat deposit jangka pendek dan panjang. Institut sentiasa memantau risiko kadar faedah dengan menyemak portfolio hutang bagi memastikan kadar yang menguntungkan diperoleh.

18. NILAI SAKSAMA INSTRUMEN KEWANGAN

Jumlah nilai bawaan aset dan liabiliti kewangan menghampiri nilai saksama adalah disebabkan oleh tempoh matang instrumen kewangan tersebut yang agak pendek.

19. KELULUSAN PENYATA KEWANGAN

Penyata kewangan telah diluluskan untuk terbitan oleh Lembaga Pengarah selaras dengan resolusi Lembaga Pengarah pada tarikh penyata kewangan ini.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
31 DISEMBER 2022 (SAMB.)

20. LIABILITI KONTINGEN

Terdapat satu kes mahkamah di antara pihak Institut dengan pihak ketiga yang sekarang berada dalam fasa rayuan di Mahkamah Rayuan Malaysia.

Tiada indikasi sebarang obligasi undang-undang yang konstruktif berlaku pada tarikh pelaporan penyata kewangan, maka tiada peruntukan dibuat pada tarikh tersebut.

Halaman ini sengaja dibiarkan kosong.

INSTITUT INTEGRITI MALAYSIA (IIM)
The Malaysian Institute of Integrity
Menara INTEGRITI
Persiaran Tuanku Syed Sirajuddin
off Jalan Tuanku Abdul Halim
50480 Kuala Lumpur

Tel +(603) - 6209 2000
Emel feedback@iim.gov.my

www.iim.gov.my
iimgovmy
iimgovmy
iimgovmy
iimgovmy

